

[Dokumen ini belum disemak]

**PARLIMEN KESEBELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 25**Rabu**22 Jun 2005

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)	
• Nelayan Thailand Menakutkan Nelayan Sarawak - <i>Y.B. Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching)</i>	(Halaman 27 & 115)
RANG UNDANG-UNDANG:	
Rang Undang-undang Agensi Pekerjaan Swasta (Pindaan) 2005	(halaman 29)
USUL:	
Menangguhkan Mesyuarat Di Bawah Peraturan Mesyuarat 16(3)	(Halaman 140)
UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:	
Kekeliruan Dasar Pengambilan Pekerja Asing - <i>Y.B. Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (Larut)</i>	(Halaman 140)
Keadilan Yang Tertanggung Adalah Keadilan Dinafikan - <i>Y.B. Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)</i>	(Halaman 145)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 22 Jun 2005

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin [Papar]** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan adakah kementerian menyediakan insurans perlindungan untuk orang kurang upaya. Sekiranya ada, nyatakan jenis insurans tersebut dan statistik mengikut jantina.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Puan Chew Mei Fun]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat satu pelan perlindungan dan manfaat takaful khusus untuk orang kurang upaya yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia secara berkelompok di bawah satu perjanjian Pelan Takaful Keluarga Berkelompok tetapi ia bukanlah disediakan oleh kementerian. Pelan Takaful Berkelompok Orang Kurang Upaya ini adalah di bawah kelolaan Takaful Malaysia sepenuhnya dan telah dilancarkan pada bulan Februari 2002 sebagai satu usaha untuk memenuhi tanggungjawab sosial terhadap masyarakat kurang upaya.

Ia bertujuan untuk membantu keluarga atau OKU sendiri sekiranya berlaku sebarang malapetaka kepada dirinya dan juga sebagai persediaan sekiranya berlaku malapetaka di masa hadapan. Pelan ini menyediakan perlindungan dan manfaat takaful khususnya untuk orang kurang upaya yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia yang meliputi penghuni di institusi Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia OKU yang mengikuti program pemulihan dalam komuniti dan OKU dengan badan-badan bukan kerajaan.

Kementerian setakat ini tidak mewajibkan penyertaan OKU dalam skim ini. OKU yang berminat untuk menyertai dalam takaful berkelompok ini akan dikenakan

sumbangan atau caruman tahunan sebanyak RM24 dan RM50 bergantung kepada manfaat takaful atau perlindungan yang dingini. Bagi perlindungan yang disediakan untuk ibu bapa atau penjaga OKU pula, dikenakan bayaran caruman RM15, RM30 dan RM60 setahun. Skop perlindungan ini meliputi kematian kemalangan, kematian biasa, keilatan kekal seluruh tubuh badan, keilatan kekal akibat kemalangan, belanja perubatan untuk OKU sahaja dan belanja pengebumian.

Mengenai soalan statistik mengikut jantina, kami hanya ada statistik ikut negeri. Setakat ini, seramai 2,847 OKU telah berdaftar dan kementerian akan terus berusaha untuk menarik minat OKU untuk menyertai pelan takaful ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Papar.

Puan Rosnah bte. Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Setiausaha Parlimen. Soalan tambahan. Apakah jumlah penyertaan Pelan Takaful Keluarga Berkelompok pada tiga tahun kebelakangan ini dan apakah jenis-jenis tuntutan yang dibuat di bawah pelan tersebut. Terima kasih.

Puan Chew Mei Fun: Mengikut laporan yang saya dapat, penyertaan PTB OKU yang masih berkuat kuasa setakat 30 April 2005, jumlah penyertaan adalah 2,847 orang. Jumlah sumbangan ialah 81,977 dan tuntutan untuk Mac 2002 ke Februari 2003 adalah RM10,500, tuntutan Mac tahun 2003 hingga ke Februari 2004 adalah RM45,750 dan tuntutan Mac 2004 hingga ke April 2005 adalah RM126,825. Tuntutan yang diberikan kebanyakan adalah kematian biasa. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Cik Tan Lian Hoe: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bukit Gantang.

Cik Tan Lian Hoe: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Setiausaha Parlimen. Soalan tambahan saya. Adakah belanja perubatan untuk sakit biasa atau yang berkaitan dengan kecacatan boleh dituntut di bawah manfaat belanja perubatan? Terima kasih.

Puan Chew Mei Fun: Perbelanjaan perubatan adalah termasuk kemalangan dan joga.....tadi, soalan *sorry*. Sekali lagi.

Cik Tan Lian Hoe: Saya ulang sekali lagi. Adakah belanja perubatan untuk sakit biasa atau yang berkaitan dengan kecacatan boleh dituntut di bawah manfaat belanja perubatan?

Puan Chew Mei Fun: Okay. Tuntutan ini hanya untuk belanja perubatan akibat kemalangan seperti apa yang telah saya jawab tadi. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat. Dato' Abdul Rahman bin Ariffin.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sabar Yang Berhormat. Sila duduk. Nanti bagi peluang.

2. **Dato' Abdul Rahman bin Ariffin [Jerlun]** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:-

- (a) adakah sistem cabut undi yang dilakukan oleh pejabat-pejabat Jurutera Daerah kepada projek-projek kecil luar bandar untuk kontraktor kelas F merupakan kaedah terbaik; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang kaedah lain yang boleh melibatkan Ahli-ahli Parlimen di kawasan masing-masing.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat pada 22 Jun 2005 dan 23 Jun 2005 berkenaan dengan sistem cabutan undi bagi kontraktor-kontraktor kelas F secara serentak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sistem cabutan undi yang dilaksanakan di pejabat-pejabat Jurutera Daerah pada masa ini adalah merupakan satu kaedah pengagihan kerja yang terbaik dan saksama kerana ianya telus dan adil, tiada pilih kasih. Pengagihan dibuat di kalangan kontraktor-kontraktor kelas F dalam satu-satu daerah sahaja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, memandangkan sistem yang dilaksanakan dijalankan secara adil dan teratur maka pihak Kementerian belum bercadang melaksanakan kaedah lain yang memerlukan penglibatan Ahli-ahli Parlimen di kawasan masing-masing. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sistem cabutan undi

yang diamalkan di peringkat daerah tidak boleh dianggap menjadikan kontraktor sebagai mangsa. Hanya kontraktor yang mempunyai projek dalam tangan yang berjumlah kurang daripada RM70,000, pada ketika cabutan dibuat dibenarkan memasuki proses cabutan undi ini. Ini dapat memberi peluang yang sama rata kepada kontraktor-kontraktor kelas F bagi memperolehi projek.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, sistem cabutan undi dapat memberikan peluang yang sama rata kepada kontraktor-kontraktor kelas F bagi memperolehi projek. Sehubungan dengan itu, ia tidak boleh dianggap sebagai beradu nasib kerana kontraktor-kontraktor tersebut bersaing dengan peluang sama rata dan saksama. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Yang Berhormat Jerlun.

Dato' Abdul Rahman bin Ariffin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya setuju dengan jawapan yang diberikan dan rasanya jawapan itu juga yang terbaik sebab dalam hal ini menampakkan satu pendekatan yang dibuat oleh Jurutera Daerah tadi yang dikatakan terbaik. Tetapi soalnya di sini ialah pembelaan kepada kontraktor kelas F ini. Pembelaan di sini maksudnya kalau seorang RM1 juta projek, 100,000 kilometer jalan PJK hanya dapat untuk 10 kontraktor untuk satu daerah yang diberikan kepada Ahli-ahli Parlimen.

Jadi, dalam Parlimen Jerlun ini misalnya kita ada 220 kontraktor, dalam negeri Kedah 4000 lebih. Jadi, walaupun merupakan yang terbaik tetapi pembelaan di sini. Maksud saya pembelaan memberi kesempatan kepada yang tidak dapat tadi untuk belajar lagi dan yang dapat tadi mestilah memberi satu *contribution* ataupun memberi sumbangan lain kepada rakan-rakan. Jadi, adakah perlu saya cadangkan satu sistem gabungan, maksudnya kita bincang dengan Ahli Parlimen dengan JD dan lain-lain bahagian, misalnya, daripada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi supaya bila seorang dapat dia ada rangkaian kawan-kawan lain yang tidak dapat, jadi satu gabungan tadi dapat melakukan kerja yang sama secara kerjasama. Bukan maknanya terbaik, telus dan adil tetapi seorang sahaja yang dapat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya bersetujulah dengan keprihatinan Yang Berhormat bagaimanakah peranan dan tanggungjawab Ahli Parlimen yang mewakili kawasan yang melibatkan daerah supaya turut terpanggil untuk menentukan supaya terbelanya nasib kontraktor kelas F.

Tadi, Yang Berhormat sebut di Kedah sahaja hampir 4,000 dan kawasan Yang Berhormat dalam daerah Kubang Pasu dalam Parlimen Jerlun dia termasuk dalam daerah Kubang Pasu ada lebih kurang 200 lebih kontraktor. Jumlah kerja yang dapat diagihkan ia tidak dapat memenuhi segala tuntutan untuk menjadikan kelas F kontraktor itu dia boleh berdaya maju dan berdaya saing dengan jumlah kerja yang mereka dapat. Contohnya, di seluruh negara hampir 40,000 sahaja kontraktor kelas F. Di Kedah 4,000 kontraktor kelas F kerja yang boleh diagihkan yang melibatkan kerja-kerja yang boleh diklasifikasikan sebagai kerja *maintenance* ini hampir dalam lebih kurang 100 juta sahaja, Yang Berhormat.

Jadi, usaha dan cadangan Yang Berhormat supaya apakah langkah dan tanggungjawab serta peranan Ahli Parlimen untuk turut serta melakukan kepimpinan supaya kalau 200 kelas F kontraktor di kawasan Parlimen Yang Berhormat itu dapat digabungkan. Itu salah satu pendekatan. Yang kedua, mungkin kerja yang sedikit itu dapat diagih-agihkan. Yang ketiga, mungkin mana kontraktor kelas F yang betul-betul hendak berdaya saing dan berdaya maju diberikan satu fokus dan tumpuan utama menjadikan itu sebagai satu kerjaya yang berkekalan bukan, dengan izin, *part time job*. Jadi, terima kasih Yang Berhormat, yang itu kita akan ambil tindakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Dungun.

Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya pertamanya ialah berkenaan dengan kontraktor kelas F ini apakah pandangan kementerian, langkah kerajaan untuk mengurangkan daripada 40 ribu ini kepada katakanlah 15 ribu atau 10 ribu kerana kadang-kadang yang lepas pencen pun diberi lesen dan sebagai walau pun ini di bawah kementerian lain. Tetapi bercakap tentang keadilan sama ada cabut undi ataupun diberi melalui *committee* tertentu pun boleh dikatakan yang dapat mengatakan adil yang tak dapat mesti walau cabut undi dikatakan tidak adil.

Apa yang cuba disoal oleh Yang Berhormat Jerlun ialah peruntukan-peruntukan kerajaan pusat yang telah diserahkan di peringkat pelaksanaan di daerah-daerah dan negeri-negeri akhirnya peranan Ahli Parlimen tidak diambil kira, ini saya rasa soalan. Apakah kementerian bersetuju supaya pengagihan projek itu diselidikan (*overseer*) oleh Ahli-ahli Parlimen kerana umpamanya di peringkat Kementerian Luar Bandar apabila projek jalan kampung, Ahli Parlimen diberi tanggungjawab untuk mengurus mencadang dan sebagainya kepada kementerian dan akhirnya bila sampai ke pengagihan Ahli Parlimen langsung tidak tahu dan tidak diberi tanggungjawab ini. Inilah sebenarnya masalah yang dihadapi oleh Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen. Kita bukan nak berebut harta. Itu apa yang berlaku di kawasan kita.

Kalau ini boleh dibuat oleh Jabatan Kerajaan itu salah dengan cara-cara kaedah prosedur macam mana mesti ada *committee* ke? Mungkin Ahli Parlimen diwajibkan untuk mempengerusikan sebut harga dan sebagai itu boleh dibuat kerana mana-mana negeri

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Soalan Yang Berhormat

Datuk Rosli bin Mat Hassan:apabila peruntukan ini diserahkan kepada negeri dia akan jadi lain...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Dungun ...

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Exco Kerja Rayanya sebagainya. Maka Ahli-ahli Parlimen akan terpinggir. Saya tidak ada masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Soalan, soalan Yang Berhormat.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: ...itulah soalnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusop bin Yacob]: Ya cukup.

Datuk Rosli bin Mat Hassan: Apakah kerajaan, Kementerian Kerja Raya boleh menentukan suatu struktur dan kaedah bagaimana boleh melibatkan secara langsung Ahli Parlimen ini dalam pengagihan. Terima kasih.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: Terima kasih Yang Berhormat. Pada asasnya kita tidak dapat menafikan tentang peranan dan tanggungjawab Ahli Parlimen

bagi menentukan segala kesejahteraan dan kemakmuran di dalam kawasan masing-masing, itu kita punya *prinsip of accountability*. . Tapi dalam melaksanakan satu-satu projek yang telah pun diluluskan oleh sama ada Kerajaan Persekutuan atau kerajaan negeri ia tertakluk dengan beberapa peraturan serta syarat-syarat yang telah pun ditetapkan. Seperti yang telah pun saya jelaskan tadi bahawa salah satu kaedah pelaksanaan untuk menentukan supaya semua perkara yang berhubung kait tentang projek-projek pembangunan di kawasan masing-masing dijalankan mengikut kaedah degan pemberian undi secara bergilir, dan yang kedua secara sebut harga. Dan memang menjadi tanggungjawab, sebagai contoh jalan-jalan luar bandar yang peruntukannya diberi kepada kementerian ini daripada Kementerian Kemajuan Luar Bandar itu diurustadbirkan oleh Jabatan Daerah.

Dari segi cadangan projek memang cadangan projek itu diambil kira daripada Ahli Parlimen yang terlibat. Tetapi pelaksanaan itu termaktub kepada syarat-syarat serta peraturan yang telah pun ditetapkan oleh Perbendaharaan dan juga kaedah kewangan negeri yang telah pun ditetapkan. Dan untuk menentukan supaya Ahli Parlimen dijadikan sebagai pengerusi sebut harga, saya ingat perkara itu memerlukan suatu perubahan dasar terhadap syarat-syarat perolehan kerajaan. Sekian terima kasih.

3. **Dato' Haji Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah di antara perkara-perkara utama yang akan dimasukkan di dalam akta pembangunan belia. Siapakah yang akan diberi tanggungjawab untuk menggubal akta berkenaan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan [Tuan Sa. Vigneswaran]:

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Kementerian Belia dan Sukan bercadang untuk memperkenalkan satu akta yang berkaitan dengan pembangunan belia di negara ini yang akan melihat skop pembangunan belia secara lebih menyeluruh dan bukan bertumpu kepada pembangunan persatuan belia sahaja. Di antara aspek-aspek yang diambil kira dalam draf awal akta tersebut termasuklah pendidikan belia, kesihatan belia, pekerjaan dan ekonomi, sosio budaya, nilai perpaduan, keselamatan, kepimpinan belia, kemahiran, keusahawanan, hak-hak belia, pengurusan pertubuhan belia, tarif belia, had umur pemimpin dan ahli pertubuhan belia, tempoh memegang jawatan dalam pertubuhan belia dan lain-lain lagi.

Bagi pengurusan penggubalan draf akta tersebut kementerian telah menubuhkan sebuah jawatankuasa khas dalam proses penggubalan. Semua pihak yang terlibat telah dirunding dan draf di bentang untuk mendapat input dan pandangan pihak luar seperti Majlis Belia Malaysia, Majlis Perundingan Belia, Jabatan Peguam Negara, Pejabat Pendaftar Pertubuhan, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia dan lain-lain lagi

Dato' Ghazali bin Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Setiausaha Parlimen. Tahniahlah diucapkan kepada kerajaan yang telah pun faham tentang kehendak-kehendak belia masa kini. Kita tahu bahawa di negara kita terdapat 43 peratus kurang lebih penduduk ini daripada golongan belia 15 hingga 40 umur mereka iaitu lebih kurang 11.10 juta orang. Kita selalu cakap bahawa belia merupakan khazanah dan harapan negara kita. Saya buat rumusan bahawa terdapat 11 draf pembangunan negara yang digariskan oleh kerajaan dan terdapat tiga aspek iaitu 3K - iaitu kepimpinan, keusahawanan dan juga kemahiran dan terdapat 23 program yang sedang diatur oleh Kementerian Belia.

Persoalan dia, soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua, apakah struktur Akta Pembangunan Belia dan peranan kesatuan-kesatuan belia ini dalam akta tersebut kerana kalau kita perhati bahawa dalam Akta Sukan 1997 terdapat struktur yang jelas untuk memperkasakan bidang kesukanan. Adakah dalam akta juga terdapat struktur yang tertentu untuk memperkasakan kesatuan belia seluruh negara kita. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sa. Vigneswaran: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, di sini saya tidak dapat jawab pada masa sekarang kerana jawapan yang diberi oleh kementerian tidak merangkumi soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat [*Ketawa*], tetapi Tuan Yang di-Pertua ingin merayu supaya saya memberi jawapan kepada Yang Berhormat secara bertulis.

Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kita tahu bahawa belia merupakan masa depan negara, elok belia kita hari ini maka Insha-Allah negara kita masa akan datang. Apabila kita sebut fasal belia sering kali kita melihat kepada mereka yang berpersatuan dan dalam akta juga kita melibatkan belia-belie yang datang daripada persatuan-persatuan tertentu. Soalan saya apakah akta ini nanti dapat

mengambil kira kedudukan belia-belia kita yang tidak menganggotai badan-badan berpersatuan supaya mereka juga akan mendapat faedah daripada akta yang bakal dibentangkan nanti. Terima kasih.

Tuan Sa. Vigneswaran: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, memang hasrat Akta Belia ini ialah untuk memantapkan mengawal selia, membimbing dan membantu pembangunan pertubuhan-pertubuhan belia. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang Kementerian Belia dan Sukan sedar bahawa jumlah belia dalam lingkungan 15 hingga 40 di negara kita ini adalah dalam anggar 10 juta dan kita memang dan mewujudkan dalam dasar kita seperti penggerak di semua kawasan untuk menarik perhatian belia-belia yang tidak berpersatuan. Tetapi ini adalah secara satu *direct involvement* dari Kementerian Belia dan Sukan. Tetapi untuk mendapat hasil yang banyak ataupun dengan izin, *the full impact* kita kena mengawal dan mengawal selia, memantau dan membimbing persatuan-persatuan belia supaya belia-belia dalam lingkungan yang disebutkan oleh Yang Berhormat dapat menjadi ahli-ahli persatuan.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Tuan Yang di-Pertua, soalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusop bin Yacob]: Apa soalan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Hji Aziz: Tak boleh soalan lagi.

Seorang Ahli: Ipoh Timor duduklah.

Dato' Razali bin Ismail: Soalan saya soalan No. 4

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusop bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Belum. Bermula, apa cukup. Belum bermula Peraturan Mesyuarat, tadi Yang Berhormat, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen ada kata bahawa satu jawapan ada ditanya dia tak boleh jawab oleh kerana tak ada jawapan daripada kakitangan kerajaan. Apa ini, dia bukan *smash* kepada kerajaan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusop bin Yacob]: Cukup, cukup.

Tuan Lim Kit Siang: Kakitangan dia di sini *master subject*..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusop bin Yacob]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Dia tak faham

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tapi dia lebih baik jawablah daripada Timbalan Menteri.

Tuan Lim Kit Siang: Dia kata, tak ada jawab daripada kakitangan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusop bin Yacob]: Yang Berhormat cukup,cukup.

Tuan Lim Kit Siang:...saya mahu satu *ruling*, satu *ruling* daripada Tuan Yang di-Pertua, saya minta satu *ruling* daripada Tuan Yang di-Pertua ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusop bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Saya minta satu *ruling* daripada Tuan Yang di-Pertua sama ada seorang Menteri, Timbalan Menteri atau Setiausaha Parlimen apabila jawab...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusop bin Yacob]: Cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: ...boleh, bolehkah beliau kata tak ada jawapan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusop bin Yacob]: Itu.

Tuan Lim Kit Siang: oleh kerana tidak disediakan kakitangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusop bin Yacob]: Itu jawapan dia Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Dia bukan posmen kakitangan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusop bin Yacob]: Terpulang dengan Yang Berhormat untuk menilai.

Tuan Lim Kit Siang: Tak boleh silapkan kakitangan, bukan ini prinsip mustahak. Mereka di sini *front bench* di sini untuk siapa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat .

Tuan Lim Kit Siang: ...mewakil sendiri sebab itu Perdana Menteri kata, bahawa Menteri datang, hari ini sanggup Menteri pun tak ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, cukup Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Seorang Menteri pun tak ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, cukup Yang Berhormat, cukup. Sila duduk, sila duduk. Cukup Yang Berhormat itu perkara yang lain. Cukup, cukuplah

Tuan Lim Kit Siang: Malulah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, cukup, itu, itu. Itu perkara yang lain, itu perkara yang lain Yang Berhormat, sila duduk.

Seorang Ahli: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup, cukup, cukup, cukup Yang Berhormat. Sila duduk Yang Berhormat. Ipoh Timur, cukup, cukup.

Tuan Lim Kit Siang: Mana boleh.

4. **Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]** minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan *volume* perdagangan semasa antara Malaysia dengan Iran dan apakah perkembangan lanjut daripada Program IMEX'05 (Iran – Malaysian Industry Exchange) yang berlangsung pada 13-16 Mei yang lalu.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah]: Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2004 jumlah perdagangan Malaysia dengan Iran bernilai RM2.3 bilion, iaitu peningkatan sebanyak 43.7 peratus berbanding RM1.6 bilion pada tahun 2003. Eksport Malaysia ke Iran bernilai RM1.3 bilion manakala import adalah RM982.3 juta. Dari Januari hingga April 2005, jumlah perdagangan Malaysia dengan Iran telah mencapai RM802.6 juta meningkat sebanyak 40.9 peratus berbanding RM569.7 juta bagi tempoh yang sama bagi tahun 2004.

Semasa lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Iran pada 12 dan 13 Mei 2005, satu pameran Iran – *Malaysian Industry Exchange* dengan izin, IMEX'05 telah dianjurkan oleh Iran – *Malaysian Friendship Association*, dengan izin. Sebanyak 65 buah syarikat Malaysia telah menyertai pameran tersebut dan mempamerkan barangan dan perkhidmatan seperti Kereta Proton, ICT, pelancongan, bahan makanan, perabot, komponen kenderaan, pendidikan, batik., minyak sawit dan peralatan elektronik. Syarikat-syarikat Iran turut menyertai pameran tersebut. MATRADE akan terus membantu syarikat Malaysia yang menyertai IMEX'05 serta syarikat lain menerokai pasaran Iran. Dalam tahun 2005 MATRADE akan menyertai dan akan menganjurkan

penyertaan syarikat-syarikat Malaysia di dua buah pameran di Iran. Pameran-pameran tersebut adalah The Eight Trade Fair pada 23 hingga 26 Julai di Tehran dan Tehran *International Industry Fair* pada 2 dan 6 Oktober 2005. Terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail: Soalan tambahan. Terima kasih di atas jawapan itu menunjukkan ada peningkatan dari segi dagangan di antara Malaysia dengan Iran dalam rangka rujuk IOC. Saya nak bertanya di sini dalam usaha kita memperkukuh dan memperluaskan pelaburan dan perdagangan *intra-OIC* ini apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh terutamanya Petronas dalam usaha untuk meluaskan dagangan dan juga pelaburan di Iran sekarang.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, kita tahu ada satu isu melibatkan Petronas dengan sebuah agensi kerajaan Nasional Iranian Gas Eksport Co. dan Total Fina yang meliputi syarat komersial pengeluaran gas cecair di negara tersebut. Perkara ini masih lagi dalam rundingan.

Untuk makluman Yang Berhormat, dari segi penglibatan Petronas di Iran, penglibatan Petronas begitu mendalam, ia terlibat dari segi pengeluaran minyak di sana, *exploration* serta pembelian minyak untuk digunakan dan diproses kemudian di Malaysia untuk dieksport ke negara lain. Itu di Iran dan di seluruh dunia Petronas terlibat di 33 buah negara di dalam aktiviti Petroleum. Terima kasih.

Datuk Abdul Rahim bin Bakri [Kudat]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, seperti mana yang kita maklum bahawa perdagangan Intra OIC di antara Malaysia dan Iran adalah merupakan satu potensi yang patut dan wajar untuk dikembangkan. Oleh itu, soalan saya, adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan bilateral agreement di antara Malaysia dan Iran dan juga merangkumi Avoidance of Double Taxation Agreement yang sudah tentu akan memberikan peluang untuk memajukan perdagangan di antara kedua negara.

Dan, soalan saya juga ialah seperti mana yang diberitakan pada masa-masa yang lalu bahawa Proton mempunyai niat untuk membuat pemasangan kereta di Iran. Dan apakah kemajuan yang telah dicapai setakat ini?

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, negara kita mempunyai perjanjian bilateral dengan Iran. Seperti berikut Investment Grand Agreement ditandatangani pada tahun 2002; Bilateral Payment Agreement pada tahun

1998; Palm Oil Credit and Payment Agreement 1993; Agreement Avoidance of Double Taxation pada tahun 1992; Cultural Agreement 1991; S-Services Agreement 1983; Trade Agreement 1989.

Walaupun kita mempunyai bilateral agreement tidak bermakna bahawa kita tidak mempunyai masalah bilateral dengan Iran untuk tujuan perdagangan. Kita masih lagi berunding dengan Iran daripada sudut kerana negara tersebut begitu sukar untuk kita mengeluarkan wang daripada negara tersebut. Itu pertama.

Kedua, kita juga menghadapi masalah kerana bank komersial di Iran tidak menerima LC dengan begitu mudah seperti mana yang dibuat oleh negara kita. Dengan sebab itu, ini membantutkan usaha perdagangan antara kita dengan negara Iran. Walau bagaimanapun, perkara ini sedang dirundingkan.

Mengenai dengan Proton, Proton telah pun mengadakan usaha sama dengan sebuah syarikat di Iran dan sekarang ini sudah mula operasi. Dalam erti kata, Proton telah pun mula menghantar CKD ke negara tersebut. Usaha sama ini bercadang untuk mengeluarkan sebanyak 10 ribu unit kenderaan pada setiap tahun. Terima kasih.

5. **Tuan Haji Ismail bin Abd Mutalib [Maran]** minta Menteri Kewangan menyatakan jenis saham-saham amanah yang telah dilancarkan oleh Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri atau institusi kewangan di seluruh negara. Apakah saham-saham amanah ini menguntungkan pihak pelabur dan tindakan yang telah, sedang dan akan diambil oleh kerajaan dalam membantu memulihkan harga-harga saham amanah yang rata-rata amat rendah dan merugikan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman, Ahli Yang Berhormat, semua tabung amanah dilancarkan oleh syarikat pengurusan yang diluluskan oleh kerajaan. Sehingga 31 Mac 2005, ada sebanyak 7 syarikat pengurusan yang menguruskan 9 buah tabung tajaan kerajaan negeri, 2 agensi kerajaan yang menguruskan 16 buah tabung tajaan Kerajaan Persekutuan, ini tidak termasuk tabung yang diuruskan oleh Permodalan Nasional Berhad dan 26 buah syarikat pengurusan yang menguruskan 263 buah tabung tajaan persendirian, iaitu syarikat-syarikat yang terlibat dalam industri perkhidmatan kewangan.

Daripada bilangan tersebut, ia boleh dikategorikan kepada beberapa kategori pelaburan iaitu ekuiti sebanyak 158 tabung, kategori seimbang sebanyak 47, kategori bon

sebanyak 48, kategori pendapatan tetap sebanyak 17, kategori pasaran tunai sebanyak 9, kategori modal terjamin sebanyak 5 dan lain-lain 4.

Sehingga 31 Mac 2005, 80% daripada jumlah nilai aset bersih tabung unit amanah dilaburkan di dalam pasaran ekuiti. Dengan itu, pulangan yang diperolehi oleh tabung-tabung unit amanah ini bergantung pada prestasi pasaran saham di Bursa Malaysia. Walau bagaimanapun, disebabkan pelaburan di dalam unit amanah adalah merupakan pelaburan jangka panjang, pelabur tidak perlu bimbang tentang turun naik pasaran dalam jangka pendek.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Setiausaha Parlimen, berapa banyakkah ataupun bolehkah Yang Berhormat beritahu amanah-amanah negeri yang mengalami kerugian dan apakah cadangan daripada Kementerian Kewangan untuk menyelamatkan amanah-amanah negeri ini kerana amanah-amanah ini dilabur oleh rakyat. Di atas kepercayaan rakyat bahawa amanah yang dikuasai oleh kerajaan dijamin pelaburannya. Jadi, banyak pegawai-pegawai kerajaan termasuk rakyat, orang-orang kampung melabur di dalam amanah-amanah kerajaan negeri dan juga amanah-amanah yang dianjurkan oleh kerajaan.

Tetapi hari ini mereka menghadapi masalah untuk membayar balik pinjaman kerana bonus yang dapat daripada pelaburan mereka itu tidak mencukupi untuk hendak service pinjaman mereka itu. Jadi, hamba Allah yang tidak tahu menahu, yang hendak cari untung sikit daripada amanah kerajaan akhirnya dia akan bankrap. Jadi, bagaimanakah pihak Kementerian Kewangan, pihak kerajaan untuk menyelamatkan keadaan yang sedemikian rupa. Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, ada banyak tabung yang di bawah kerajaan negeri. Saya hendak sebut di sini, Amanah Sabah Kedah, sekarang ini nilainya hanya 31 sen sahaja; Amanah Saham Sarawak, sekarang nilainya daripada RM1 turun kepada 36 sen; Amanah Saham Pahang, sekarang 35 sen sahaja; Amanah Saham Johor - ia ada dua, Amanah Dana Johor, yang satu Amanah Saham Johor 19 sen sahaja, Dana Johor 16 sen sahaja; [*Disorak*] yang lain-lain banyak lagi kalau saya hendak sebut.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Amanah Saham Perlis ada tidak? [Ketawa]

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Amanah Saham Perlis, tidak ada.

Seorang Ahli: Tahniahlah.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Banyak lagi. Banyak lagi lah, Amanah Saham Terengganu, Amanah Saham Sabah, Amanah Saham Selangor. Sekarang ini untuk makluman, Amanah Saham Selangor dia ada skim bayaran balik dan setakat ini sudah selesai bayaran balik semuanya. Amanah Saham Johor sudah wujudkan satu skim, iaitu skim bayaran balik juga tetapi dalam jangka masa 10 tahun. Setakat ini sudah selesai dua tahun, tinggal lagi lapan tahun lagi untuk bayar balik semua.

Amanah Saham Sarawak ia ada *price guarantee mechanism*, maknanya harga itu ditetapkan pada peringkat yang sama, maknanya kalau kurang kerajaan *guarantee* kepada yang sama. Lain-lain amanah saham belum ada lagi skim untuk hendak membantu hendak menyelesaikan masalah harga yang jatuh.

Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Tuan Yang di-Pertua dan Setiausaha Parlimen, saya kira jumlah pelaburan masyarakat luar bandar dalam saham amanah ini besar dan seperti yang disebutkan oleh Setiausaha Parlimen tadi, harga-harga saham ini terlalu mengecewakan. Dalam soalan saya, saya sebut bagaimana cara kerajaan mengatasi ini. Saya ambil contoh, saya terlibat dalam mengambil saham ASDI, dahulu harga RM1, sekarang hari ini kalau tidak silap saya di dalam akhbar ialah 49 sen.

Kita kena membayar balik ialah 10%. Maknanya kalau dividen diumumkan 3%, maknanya 7% kena bayar balik kepada syarikat ini. Jadi, apakah kerajaan bercadang bagi mengatasi masalah kerugian yang berterusan kepada pelabur-pelabur ini terutamanya masyarakat luar bandar untuk membeli balik semua saham-saham amanah ini, yang khususnya harganya tidak sampai kepada tahap harga tawaran awal. Saya minta penjelasan daripada pihak kerajaan.

Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kalau kita lihat saya sebut tadi saham ada beratus unit amanah saham yang telah beratus jenis tabung yang telah dikeluarkan. Dan, setakat ini kalau kita lihat hampir semuanya dalam

keadaan bellow par kecuali sedikit di bawah Amanah PNB. Ada yang lebih sedikit tetapi yang kebanyakannya kurang.

Ini dalam keadaan semasa, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kebanyakan dilaburkan di dalam pasaran saham, maka bila pasaran saham berlaku sedikit kejatuhan maka Unit Trust juga akan jatuh, tetapi ini pada jangka panjangnya kita jangka harga-harga ini akan naik semula. Setakat ini belum ada lagi rancangan spesifik oleh kerajaan untuk menyelesaikan masalah nilai saham yang telah jatuh di dalam Unit Trust ini, Tuan Yang di-Pertua.

6. **Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]** minta Menteri Pertahanan menyatakan adakah kerajaan bercadang memasukkan pendidikan pencegahan HIV/AIDS sebagai sebahagian program latihan PLKN.

Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, kerajaan belum lagi bercadang untuk memasukkan pendidikan pencegahan HIV/AIDS sebagai sebahagian daripada Program Latihan Khidmat Negara. Walau bagaimanapun, pelatih-pelatih ada terdedah kepada pendidikan mengenai HIV/AIDS semasa mereka mendengar ceramah dan pameran mengenai dadah. Mereka juga diberi penerangan mengenai HIV/AIDS semasa dibawa melawat ke agensi-agensi seperti klinik kesihatan, poliklinik atau hospital dalam modul Khidmat Komuniti. Terima kasih.

Puan Chong Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa ini adalah keputusan yang betul kerana latihan *national* servis ini bukan untuk memberi pengetahuan mengenai HIV. Tetapi saya rasa mereka yang bertanggungjawab ke atas pelatih ini, mereka mungkin perlu ada pengetahuan mengenai HIV/AIDS. Sekiranya ada berlakunya atau ada mana-mana pelatih menunjukkan *symptoms* HIV/AIDS, jadi adalah penting kalau mereka yang bertanggungjawab untuk pelatih ini dapat pengetahuan. Seperti pengetahuan untuk membuat keputusan sama ada pelatih ini adalah jatuh sakit serius dan perlu dihantar untuk berjumpa doktor. Kerana baru-baru ini berlakunya dua kes di mana satu kes di Kuantan, Pahang, pelatih perempuan yang mengadu bahawa dia sakit pada mukanya, tetapi dia tidak diberi kebenaran untuk keluar pergi ke hospital untuk mendapat rawatan.

Ada satu lagi di Kelantan di mana dia terjatuh apabila menjalankan latihan dan lututnya sakit, tetapi itu juga tidak diberi kebenaran untuk ambil *leave* untuk pergi mendapat rawatan. Jadi, saya rasa adalah penting mereka yang bertanggungjawab di kem-kem ini ada pengetahuan untuk membuat keputusan yang betul kepada situasi seperti ini. Apakah pendapat Yang Berhormat? Terima kasih.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam, pandangan Yang Berhormat itu memang betul seperti Yang Berhormat kata kita tidak patut memberi pendidikan mengenai HIV/AIDS secara susunan kurikulum. Tetapi pandangan Yang Berhormat mengatakan bahawa kita tidak ambil kisah mengenai pesakit seperti di Kuantan dan di Kelantan itu saya rasa ada tersalah faham. Peserta-peserta PLKN ini sentiasa diberi perhatian bukan sahaja tentang sakit kulit ataupun terseliuh, luka, demam pun kita bagi sebab proses rawatan dan proses penyeliaan peserta-peserta ini diberi perhatian yang tegas dan serius. Mereka dibawa dan sentiasa ada lawatan terus ke klinik-klinik yang berdekatan, klinik kerajaan.

Mengenai peserta di Kuantan tentang sakit kulit ini, pihak PLKN membawa peserta ini beberapa kali tetapi daripada nasihat doktor, doktor tidak memberi peserta ini cuti. Walau bagaimanapun, kita tidak menjadikan itu sebagai satu beban. Pihak PLKN sendiri telah meletakkan peserta ini di dalam *sickbay* dengan memberi kelebihan kawasan ini berhawa dingin sesuai dengan keadaan sakitnya, iaitu kulit tidak patut terdedah dengan panas matahari dan tidak juga tercemar dengan kuasa panas yang berlebihan.

Kita hanya mendapat rungutan daripada keluarga setelah latihan ini selesai. Dalam apa perkara pun semua peserta PLKN diberi perlindungan insurans, maka perkara-perkara yang berkaitan dengan kepentingan, kesukaran dan kesakitan pesakit-pesakit kita sudah mengambil ingatan dan mengadakan satu insurans *coverage* kepada semua peserta. Insya-Allah, Tuan Yang di-Pertua, PLKN akan sentiasa memberi penilaian dan perhatian ini dan pandangan Yang Berhormat itu kita jadikan sebagai satu rangsangan kepada kita untuk memberi perhatian yang lebih serius. Terima kasih.

Tuan Teng Boon Soon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah saya rasa setakat ini penyebaran pendidikan pencegahan HIV/AIDS itu amat kurang, dan platform PLKN ini merupakan satu tempat dan masa yang boleh digunakan

selain daripada menanamkan nilai-nilai patriotik dan perpaduan di kalangan belia, saya rasa kumpulan belia kita juga perlu dididik untuk menjaga kesihatan mereka supaya mereka tidak menyeleweng cara hidup mereka sehingga masa hadapan mereka jahanam kerana terlibat dalam penagihan dadah, dan juga terperangkap oleh penjangkitan HIV/AIDS.

Kita baru dengar dari persatuan belia tidak merangkumi semua belia. Kita tidak pernah mendengar penyebaran maklumat HIV/AIDS di sekolah ataupun di mana-mana platform. Kita jarang dengar. Tetapi memandangkan keadaan sosial di negara kita begitu banyak *migrant workers*, pekerja-pekerja yang datang dari negara asing. Jadi, kita tidak pasti apakah penyakit mereka bawa dan di negara-negara jiran kita juga banyak kes HIV/AIDS.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, terus kepada soalan.

Tuan Teng Boon Soon: Ya. Soalan saya, kalau kita tidak serius dan tidak mempunyai *sense of urgency*, dengan izin, dalam menyebarkan maklumat HIV/AIDS di kalangan belia kita, pada satu hari kita akan menyesal. Bagi platform PLKN ini kita cuba menanam nilai-nilai patriotik dan perpaduan. Saya rasa yang sama penting itu ialah perlunya mereka dilengkapi dengan pengetahuan... [Disampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, cukup Yang Berhormat.

Tuan Teng Boon Soon:pencegahan HIV/AIDS. Jadi, adakah kerajaan bercadang menggunakan platform ini memikir semula bahawa begitu mendesak mengadakan satu platform di mana PLKN semua belia berada di situ, ia akan merangkumi semua belia. Jadi, minta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua dan Ahli Yang Berhormat, saya bersetuju seperti saranan Yang Berhormat. Dalam masa yang sama Yang Berhormat bersetuju seperti yang telah saya jawab. Kerana saya telah mengatakan bahawa kita tidak menjadikan pendidikan HIV/AIDS sebagai dalam kurikulum, tetapi kita menjadikan sebagai asas penerangan dan ilmu apabila peserta-peserta PLKN ini dibawa melawat ke pusat kesihatan, melawat ke hospital, melawat ke tempat-tempat yang tertentu di mana apabila terdapat seperti cadangan daripada Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam.

Kesedaran ini mesti dilahirkan oleh orang-orang yang pakar, yang mahir, maka atas asas kemahiran dan kepakaran ini, apabila sampai di pusat kesihatan, sekali gus kita membawa mereka melawat dan dalam masa yang sama kita ilmunan mereka. Penerangan-penerangan disampaikan oleh ahli-ahli dan pakar atau para medic yang tertentu yang menjadikan mereka lebih mengetahui, dapat melihat dan dapat mendengar dan boleh meyakinkan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, kesedaran Yang Berhormat itu sangat dihargai dan kita harap atas rancangan yang kita susun ini boleh memberi keyakinan dan harapan. Kalau kita tidak boleh memberi penerangan kepada 60% di kalangan belia dan beliawanis, peserta PLKN yang datang di bawah rumpun pengelolaan kita ini, Insya-Allah, dapat kita sedarkan. Terima kasih.

7. Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin] minta Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi menyatakan untuk membantu membangunkan Industri Filem tempatan selepas E-Village di Dengkil yang dilancarkan pada tahun 2002 bernilai RM3 bilion gagal.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi [Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Jasin. Tidak dapat melaksanakan projek E-Village adalah berpunca daripada kegagalan pemaju tanah, bukan kerana kecacatan *Master Plan* projek E-Village itu sendiri.

Kawasan seluas 38 ekar E-Village masih lagi tertakluk kepada keputusan mahkamah. Berkaitan bayaran yang belum dijelaskan oleh pemaju iaitu Entertainment Village Sendirian berhad (EVSB) atas kerja-kerja awalan pembangunan yang telah dijalankan oleh subkontraktor yang telah dilantik, kos RM3 bilion yang di dalam soalan ini bukanlah sebenarnya kos yang telah digunakan. Ini adalah anggaran kos jikalau program E-Village ini dibangunkan dengan *complete* nya untuk 3 fasa. Program ini belum dibangunkan lagi.

Walau bagaimanapun, tidak dapat melaksanakan E-Village ini tidak bermakna perkembangan industri filem dan TV tanah air terbantut. Strategi pembangunan industri filem dan TV sebagai salah satu komponen daripada keseluruhan *Master Plan* pembangunan industri kandungan kreatif tanah air telah berjaya dilaksanakan di luar lingkungan kawasan E-Village termasuk kawasan Cyberjaya sejak daripada tahun 2002.

Contohnya, penubuhan Creative Application Development Centre (CADC) di Cyberjaya adalah dilihat sebagai pengganti kemudahan E-Village yang berskala kecil. Sepanjang penubuhan CADC ia telah banyak membantu *knowledge workers*, membangunkan pekerja-pekerja berkemahiran tinggi daripada universiti utama di Cyberjaya iaitu Universiti Multimedia dan juga Kolej Universiti Lim Kok Weng. Bantuan ini tidak terbatas kepada aktiviti *implement* sahaja bahkan melibatkan komponen lain seperti Reality Maya Virtuality, animasi dan juga permainan komputer.

Syarikat Silikon Grafik Incorporation dan Hewlett Packard dan juga syarikat-syarikat lain yang terlibat di dalam permainan komputer juga telah beroperasi di Enterprise One Building dan Multimedia University Incubator di Cyberjaya. Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Setiausaha Parlimen. Apabila E-Village dilancarkan pada tahun 2002, maka ketika itu umat Melayu menanti-nantikan keagungan perfileman Melayu untuk menggantikan Studio Jalan Ampas di Singapura dahulu yang mana terkenal dengan aktor-aktor macam P. Ramlee, Sarimah, Normadiah dan lain-lain.

Malah kita tahu bahawa industri filem ini bukan kecil. Bollywood tidak akan jadi Bollywood kalau tidak kerana filem. Hollywood tidak akan jadi Hollywood hari ini kalau bukan kerana industri filem dia dan kita ketika dahulu kita lihat cadangan dari kerajaan untuk mewujudkan E-Village untuk menjadikan Dengkil Wood ataupun Selangor Wood tetapi hari ini berkecai.

Baru-baru ini seperti yang Setiausaha Parlimen tahu bahawa Kerajaan Negeri Melaka telah mewujudkan Sekretariat Dunia Melayu-Dunia Islam dan kita telah merata pergi kepada masyarakat-masyarakat Melayu di seluruh dunia malah di Indonesia. Seheingakan apabila kita menghadapi masalah Ambalat, orang Indonesia mengatakan....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan soalan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof : ... "Ganyang Malaysia! Selamatkan Siti Norhaliza!".

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat teruskan soalan, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ini soalan Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini Sekretariat Dunia Melayu-Dunia Islam pergi ke Riau. Permintaan daripada rakyat Riau minta supaya Kerajaan Negeri Melaka membawa Ahmad Jais dan apabila kita bawa Ahmad Jais ke Riau, dapat VIP punya sambutan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, yang itu, apa Yang Berhormat hendak itu?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ini menunjukkan bahawa masyarakat Melayu sedang menunggu, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tanya, tanya soalan, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Kewujudan balik. Oleh yang demikian apakah rancangan seterusnya oleh kementerian untuk memperagungkan balik industri perfileman Melayu di negara ini? Terima kasih.

Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih. Sebenarnya pembangunan industri filem ini bukanlah terletak di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi tetapi adalah lebih keadaannya Kementerian Warisan. Tetapi walau bagaimanapun, kita telah mempunyai kerjasama dengan kementerian itu untuk membangunkan industri perfileman ini.

Sebagai contoh, Multimedia Development Corporation bekerjasama dengan agensi-agensinya di bawah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan seperti FINAS dan PUSPAL. PUSPAL ini adalah merupakan penggambaran filem dan persembahan artis seluruh negara bagi meningkatkan pembangunan industri filem dan TV tanah air. Ini adalah berdasarkan kepada filem dan TV yang diambil supaya komponen utama di dalam pembangunan industri kandungan yakni *contents industry*.

Jadi, pihak Kementerian Sains menyokong penuh segala aktiviti-aktiviti berbentuk perfileman terutamanya dalam *contents development* itu. Seperti yang saya nyatakan tidak dapat pelaksanaan E-Village itu bukanlah bermakna industri filem kita terbantut. Industri kita tetap disokong oleh agensi-agensinya kementerian yang lain. Terima kasih.

Ir. Hasni bin Haji Mohammad [Pontian]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, ini satu projek yang penting sehingga

mengecewakan Yang Berhormat Jasin kalau ia gagal. Siapa sebenarnya yang telah kerajaan amanahkan untuk membangunkan E-Village ini? Apakah nama syarikat dia dan kalau boleh siapa pengarahnya? Adakah anak Allahyarham P. Ramlee salah seorang daripada pengarahnya? sehingga gagal? Seperti mana yang diperjelaskan oleh Yang Berhormat, begitu penting sekali pembangunan E-Village ini terhadap industri perfileman negara.

Bila kerajaan memutuskan untuk menyerahkan tanggungjawab ini kepada suatu syarikat, tentu ini ada suatu pertimbangan yang mungkin berdasarkan kepada kebolehan, kelayakan, pengalaman dan sebagainya. Jadi, Yang Berhormat, mohon dapat nama syarikat yang dipertanggungjawabkan dan siapa mereka yang dipertanggungjawabkan ini? Terima kasih.

Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani: Terima kasih Yang Berhormat. Sebanyaknya pada Februari 2002, MDC telah menyediakan suatu Kertas Kerja bertajuk Pembangunan Industri Filem Tanah Air. Ini adalah berikutan dari permintaan daripada Allahyarham Tan Sri Osman Yeop yang merupakan selaku Pengerusi Eksekutif pertama MDC.

Projek-projek yang telah dilaksanakan oleh MDC di bawah Rancangan Malaysia Kelapan adalah difokuskan kepada pengemblengan kreativiti dan teknologi dalam menghasilkan produk ataupun cerita-cerita yang berformatkan digital. Pembikinan filem bukanlah tujuan utama di bawah pelaksanaan projek E-Village ini dan untuk makluman Yang Berhormat semua, saya terangkan sedikit latar belakang daripada projek ini.

Projek ini sebenarnya diminta oleh pihak MDC untuk dilaksanakan dan pihak MDC menubuhkan syarikat Mytec Development Sendirian Berhad untuk membangunkan E-Village dan syarikat Mytec Development Sendirian Berhad membuat *joint venture* (kerjasama) dengan Syarikat Entertainment Village Sendirian Berhad sebagai pemaju utama projek ini dan kita dapati bahawa akhirnya E-V sebenarnya tidak mampu oleh kerana kekurangan peruntukan dan sebagainya.

Oleh kerana itu, ada beberapa kontraktor yang telah membuat kerja-kerja awal membawa saman kepada syarikat ini dan juga kepada MDC. Oleh kerana ada lagi kerja-kerja awalan yang tidak dibayar oleh syarikat ini. Perbicaraan telah dijalankan dan pada peringkat awal, Pendaftar Kanan Mahkamah Shah Alam telah memberikan *cabl*

kepada kontraktor yang menyaman ini, tetapi pihak MDC telah merayu kepada keputusan ini dan Mahkamah Tinggi telah mengetepikan *summary judgement* ini dan perbicaraan penuh akan diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Shah Alam dan ini belum ditentukan tarikh perbicaraan ini. Terima kasih.

8. **Datuk Juslie Ajirol [Libaran]** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah kementerian menjalankan kajian bahawa asimilasi pendidikan dapat mengubah segala-galanya merupakan tindakan yang tepat contohnya penyatuan bangsa Malaysia melalui sistem pendidikan sekolah kebangsaan, madrasah atau sistem pendidikan vernakular independent sebagai penyelesaiannya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini Kementerian Pelajaran belum menjalankan kajian secara khusus mengenai perpaduan kaum di sekolah-sekolah. Walau bagaimanapun, sememangnya telah menjadi dasar negara dan juga dasar pendidikan kebangsaan menjadikan pendidikan sebagai wahana bagi memupuk perpaduan. Hal ini terkandung dalam mukadimah Akta Pendidikan 1996.

Kementerian Pelajaran akan terus mengadakan pelbagai strategi dan usaha supaya matlamat perpaduan kaum dapat dicapai. Salah satu strategi untuk mencapai perpaduan kaum ialah dengan memperkasa sekolah kebangsaan supaya lebih ramai ibu bapa daripada pelbagai kaum menghantar anak-anak ke sekolah kebangsaan. Kementerian berkeyakinan dengan cara ini akan dapat mencapai matlamat pendidikan untuk pembentukan bangsa Malaysia.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini sekolah-sekolah rendah kerajaan terdiri dari sekolah kebangsaan, Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina (SJK(C) dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Tamil (SJK(T). Yang pentingnya sekolah-sekolah ini menggunakan kurikulum kebangsaan dan peperiksaan yang sama. Elemen-elemen yang terkandung dalam kurikulum kebangsaan adalah menjurus kepada perpaduan bangsa.

Selain itu kementerian juga telah memperkenalkan konsep Sekolah Wawasan bagi membolehkan murid di pelbagai jenis di sekolah rendah bercampur gaul dalam satu kompleks sekolah kerana kerajaan yakin bahawa perpaduan perlu dipupuk sejak murid di sekolah rendah lagi. Kementerian juga telah memperkenalkan Rancangan Integrasi

Murid Untuk Perpaduan (*RIMUP*) bagi membolehkan murid pelbagai jenis sekolah menjalankan aktiviti secara bersama.

Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Sebagaimana yang kita sedia maklum bahawa Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Tamil dan sebagainya adalah sebahagian daripada sistem pendidikan di bawah Akta Pendidikan 1996. Saya percaya ramai di kalangan rakyat kita juga memberi sokongan kepada kementerian bahawa untuk memperkasakan sekolah-sekolah kebangsaan ini merupakan satu faktor untuk memperkukuhkan lagi perpaduan negara. Tetapi pada masa yang sama Sekolah-Sekolah Jenis Kebangsaan Cina atau Tamil atau sebagainya juga merupakan satu sekolah atau sistem pendidikan di bawah sistem pendidikan kebangsaan.

Soalan tambahan saya ialah adakah kementerian mempunyai rancangan yang sedia ada ataupun akan mengadakan rancangan atau strategi yang akan memperkasakan lagi sekolah-sekolah jenis kebangsaan ini dan juga sekolah-sekolah lain yang di bawah Akta Pendidikan 1996 supaya perpaduan kebangsaan atau perpaduan nasional ini dapat dipercepatkan dan diperkukuhkan lagi di masa hadapan. Sekian, terima kasih.

Puan Komala Devi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Pelajaran memberi sokongan penuh kepada semua sekolah kerajaan sama ada sekolah kerajaan penuh ataupun sekolah bantuan kerajaan yang dahulu dipanggil sebagai sekolah bantuan penuh dan bantuan modal. Semua sekolah sama ada SJK(T) atau SJK(C) ataupun sekolah kebangsaan gaji guru-gurunya adalah dibayar oleh kerajaan. Lain-lain skim kerajaan sekolah kebangsaan juga dihulur kepada sekolah jenis kebangsaan seperti Rancangan Makanan Tambahan, Skim Baucer Tuisyen, *one off* RM120, bantuan untuk per kapita geran dan sebagainya. Cuma yang beza adalah mungkin dari segi perbelanjaan untuk infrastruktur. Tetapi ini pun banyak telah dihulurkan oleh kerajaan untuk menaikkan taraf Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil. Kementerian akan selalu sedia bantu untuk menaik taraf akses dan juga kualiti pendidikan di semua sekolah demi kemajuan negara.

Datuk Juslie Ajirol: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, perpaduan adalah amat penting. Kita tahu bahawa sekolah merupakan asas

pertama mewujudkan perpaduan kaum di negara kita. Kalau kita melihat di kawasan saya, setiap tahun bermula persekolahan sekolah-sekolah yang wujud contohnya sekolah kebangsaan, pendaftaran kebanyakannya daripada Melayu atau Bumiputera begitu juga sekolah-sekolah sebaliknya. Apakah tidak kementerian mewujudkan satu peraturan di mana mengarahkan setiap pejabat pendidikan daerah apabila mendaftar anak-anak ke sekolah di awal persekolahan supaya tidak mengikut kehendak ibu bapa tetapi ia ditentukan oleh pendidikan daerah di mana anak-anak itu di hantar ke sekolah.

Puan Komala Devi: Tuan Yang di-Pertua, di bawah prinsip demokrasi Kementerian Pelajaran tidak berhak untuk memaksa sama ada ibu bapa atau pun pegawai kami untuk membuat keputusan di mana pelajar itu ditempatkan. Setakat ini kami mengikut kehendak ibu bapa tetapi sekiranya ada permohonan daripada rakyat kami sedia mempertimbangkan cadangan ini. Terima kasih.

9. **Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy [Cameron Highlands]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan selaras dengan dasar kerajaan menjadikan sektor pertanian sebagai penjana ekonomi negara, apakah langkah kementerian dalam menangani masalah pengagihan tanah kepada petani dan usahawan yang berminat. Sejauh manakah masalah ini dapat diselaraskan antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri melalui proses pengislahan legislatif.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar]: Tuan Yang di-Pertua, kuasa untuk melupuskan tanah berada di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Walau bagaimanapun, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani selalu mengadakan perbincangan dengan kerajaan-kerajaan negeri untuk mendapatkan kerjasama bagi menyediakan kawasan tanaman dan aktiviti pengeluaran makanan yang sesuai sama ada melalui pengislahan legislatif ataupun pewartaan.

Isu ini juga dibangkitkan di dalam mesyuarat di antara Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani dengan Exco-Exco Pertanian Kerajaan Negeri. Langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi masalah tanah termasuklah:-

- (i) mengadakan perbincangan dengan kerajaan-kerajaan negeri bagi mewujudkan kawasan Taman Kekal Pengeluaran Makanan;

- (ii) membeli tanah untuk tanaman komersial seperti mana yang dilaksanakan dalam projek perintis pertanian moden di Kluang, Johor; dan
- (iii) memajukan tanah-tanah terbiar yang dianggarkan sebanyak 12,000 hektar di seluruh negara.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan saya, kita sedia maklum bahawa masalah pertama dalam memperkasa pertanian adalah kekangan tanah. Salah satu isu yang banyak ditemui di akar umbi adalah tanah pusaka. Oleh kerana generasi kemudiannya tidak mendapat pinjaman akibat masalah tanah pusaka dan generasi muda, yang graduan ini susah untuk memperoleh tanah untuk bertani dan juga generasi kedua Felda menghadapi masalah tanah dan pekerja-pekerja ladang juga menghadapi masalah apabila keluar daripada ladang. Soalan tambahan saya, apakah langkah kementerian untuk mengatasi masalah kekurangan tanah untuk bertani walaupun petani dan pihak swasta secara besar-besaran berkemahiran dan berpengetahuan serta mempunyai modal. Seterusnya bolehkah kementerian menjadi pemudah cara - *facilitator*, dengan izin dalam membantu memperoleh tanah untuk golongan ini demi mencapai sasaran hala tuju sektor pertanian.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun bagi jawapan tadi bahawa kuasa untuk melupus tanah adalah terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Walau bagaimanapun, Kementerian Pertanian sentiasa mengadakan perbincangan dengan kerajaan negeri dan setakat ini kita telah berjaya mendapat kerjasama daripada kerajaan-kerajaan negeri di mana kerajaan-kerajaan negeri telah pun memperuntukkan tanah-tanah khas untuk dibangunkan di bawah Program Taman Kekal Pengeluaran Makanan, Zon Industri Akuakultur dan kawasan untuk buah-buahan. Jika terdapat para belia ataupun pengusaha yang berminat untuk melibatkan diri dalam bidang pertanian, tetapi menghadapi masalah tanah mereka bolehlah menghubungi Kementerian Pertanian.

Kementerian Pertanian juga sedang mengadakan, apa yang kita namakan dengan izin, *match* di mana kita hendak *matchkan* di antara tuan-tuan yang punya tanah, tetapi tanah mereka tidak diusahakan dengan mengadakan pertemuan dengan

pihak pengusaha, dan pendekatan untuk membangunkan di bawah konsep perkongsian keuntungan di antara yang ada tanah tidak diusahakan dengan pengusaha yang berminat tetapi tidak ada tanah. Jadi itu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Cukup Yang Berhormat. Masa soal jawab lisan telah selesai.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18 (1)

Nelayan Thailand Menakutkan Nelayan Sarawak

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Silakan Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Notis usul saya adalah seperti berikut:

“ Bahawa Dewan ini meluluskan permintaan Ahli Parlimen bagi Bandar Kuching Yang Berhormat Chong Chieng Jen bagi menangguhkan Majlis Mesyuarat untuk membincangkan suatu perkara tertentu berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan, iaitu mengenai keadaan para nelayan di Sarawak yang sekarang berasa takut hendak menangkap ikan di perairan Sarawak”.

Pada 17 Jun 2005 sebuah kapal nelayan Thailand telah didapati oleh nelayan tempatan menangkap ikan dalam 10 batu nautika perairan Sarawak secara haram. Dalam pergaduhan yang berikutan, kapal nelayan Thailand itu pun tenggelam, tetapi semua nelayan Thailand dalam kapal itu telah diselamatkan oleh nelayan tempatan.

Semenjak pelaksanaan polisi kerajaan membenarkan *charter* kapal asing untuk menangkap ikan di perairan Sarawak, pertempuran dan pergaduhan di antara nelayan Thailand dan nelayan tempatan sering berlaku. Nelayan kita pun pernah ditembak oleh senapang M16 oleh nelayan-nelayan Thailand. Kejadian itu juga telah dilaporkan,

tetapi kerajaan tidak mengambil apa-apa tindakan yang berkesan untuk mengatasi masalah itu.

Selepas kejadian pada 17 Jun 2005, semua nelayan tempatan berasa ketakutan akan tindakan balas dendam dari nelayan-nelayan Thailand yang banyak menjalankan aktiviti penangkapan ikan laut dalam di perairan Sarawak. Nelayan-nelayan kita akan hentikan segala aktiviti penangkapan ikan di perairan kita, sehingga kerajaan mengambil tindakan yang lebih tegas untuk mempertahankan dan melindungi keselamatan nyawa dan harta mereka semasa menangkap ikan di perairan Sarawak.

Memandangkan perkara ini telah menjejaskan rezeki seramai 100 ribu orang yang terlibat dalam bidang perikanan di Sarawak, Parlimen Malaysia harus memberi pertimbangan yang segera supaya kerajaan mengambil tindakan yang berkesan untuk menyelesaikan masalah itu, termasuklah menyokong seruan nelayan-nelayan Sarawak supaya kerajaan dengan segera menghentikan dasar penggunaan *charter* kapal asing untuk menjalankan penangkapan ikan laut dalam, dan membatalkan segala lesen penangkapan ikan laut dalam yang menggunakan *charter* kapal asing.

Yang keduanya meningkatkan perondaan polis marin dan tentera laut di perairan Sarawak. Itulah notis usul saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Baik, Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahuan usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat kawasan Bandar Kuching pada 20 Jun 2005. Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi. Bagi membolehkan perkara ini dipertimbangkan oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat. Syarat yang pertama ialah bahawa perkara itu tertentu, syarat yang kedua adalah bagi kepentingan orang ramai dan syarat yang ketiga ia berkehendak disegerakan. Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa:

- (i) ia tertentu: perkara ini adalah perkara tertentu;
- (ii) kepentingan orang ramai: ia adalah bagi kepentingan orang ramai;
- (iii) ia perlu disegerakan: perkara ini saya melihat bahawa ia perlu disegerakan.

Oleh yang demikian, saya membenarkan usul ini dibahaskan. [*Dewan riuh*]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]: Apa pasal banyak seronok?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Mengikut peraturan 18(3)(b) usul ini hendaklah dtempohkan sehingga pukul 4.30 petang ini dan hendaklah ditangguhkan pada jam 5.30 petang. Saya akan membenarkan pihak pencadang membahaskan selama 30 minit dan selepas itu pihak kerajaan menjawab selama 30 minit.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG AGENSI PEKERJAAN SWASTA (PINDAAN) 2005

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." [*21 Jun 2005*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Jasin sila sambung ucapan.

11.17 pagi.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung apa yang telah saya perkatikan semalam berkenaan dengan Akta yang akan kita pinda, dan kalau kita lihat semangat rakan-rakan yang berbahas di dalam Dewan dua hari sudah lebih tertumpu kepada buruh-buruh asing, walhal kalau kita lihat daripada Rang Undang-undang [Akta 246] Akta Agensi Pekerjaan Swasta yang mempunyai 32 seksyen tidak ada satu seksyen yang menyebut tentang buruh asing. Hanya yang disebut ialah peraturan bagaimana hendak menubuhkan pejabat, bagaimana hendak mengendalikan perniagaan agensi ini melibatkan orang di dalam negara sahaja, penempatan orang di dalam negara, di jabatan dalam negara, kilang dalam negara dan penempatan warganegara Malaysia di negara luar, itu sahaja.

Dan kalau hari ini kita hendak pinda dua seksyen yang dibawa oleh kementerian tidak menyelesaikan masalah kemelut yang kita hadapi pada hari ini. Yang mana rata-rata pada hari ini apabila masalah berhubung dengan pekerja asing, negara, masyarakat malah badan kerajaan akan menunjuk jari kepada agensi-agensi, walhal pada hari ini peraturan kerajaan telah menetapkan bahawa agensi pekerjaan swasta ini tidak dibenarkan untuk mengambil pekerja-pekerja asing kecuali pembantu rumah.

Kalau agensi pekerja asing ini atau agensi pekerjaan swasta ini hendak membuat kerja pembekalan pembantu rumah, lesen yang dikeluarkan oleh Kementerian Sumber Manusia dengan membayar RM25, dengan bon RM10,000 untuk penempatan orang dalam negeri, dan RM20,000 untuk penempatan rakyat kita di luar negara lesen ini tidak boleh pakai. Agensi terpaksa mendaftarkan satu lagi lesen dengan Imigresen Malaysia dengan meletakkan bon RM100,000 untuk membolehkan mereka menjalankan perniagaan khas untuk pembantu rumah sahaja. Itulah sebabnya ada di antara rakan-rakan telah menanya, dan membangkitkan soalan mengapa kos untuk kita menggajikan satu pembantu rumah ini mahal yang meningkat pada hari ini RM4,000 ke RM5,000.

Untuk makluman saudara-saudara dan Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini walaupun Kementerian Sumber Manusia mempunyai pakatan ataupun perjanjian dengan Kementerian Tenaga Kerja di Indonesia dengan agensi-agensi di Indonesia, tetapi perjanjian itu tinggal perjanjian sahaja.

Dan pada hari ini kebanyakan daripada agensi-agensi kita yang menjalankan kegiatan pembekalan pembantu rumah mereka sentiasa dinaikkan harga yang tidak ada *control* langsung. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua pada hari ini kos untuk mendapat biodata. Biodata ini termasuk tentang peribadi pembantu rumah gambarnya pasportnya dan juga sijil kesihatannya pada hari ini. Agensi-agensi Indonesia akan caj agensi kita dalam lingkungan harga RM2500 ke RM3000. Itu baru biodata dan apabila biodata sudah ada ditunjukkan kepada majikan-majikan sesuai maka agensi kita akan *forward* kepada Imigresen dan apabila diluluskan agensi terpaksa membayar levi kepada kerajaan Malaysia sebanyak RM430.00 Selalunya majikan juga tidak mempercayai *medical certificate* yang dibuat di Indonesia majikan akan minta supaya *maid* ataupun pembantu rumah yang masuk dalam negara untuk diulang periksa oleh

doktor tempatan dan biasanya kita akan pergi pada FOMIMA dan FOMIMA akan dikenakan caj bayaran sebanyak RM190.00. Kemudian itu insurans

Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob): Yang Berhormat...

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Sebentar Tuan Yang di-Pertua. Biar saya habiskan sekejap. Insurans RM125, *stamping* dengan surat perjanjian RM20.00 dan kalau harga biodata RM280.00, maka kos untuk membawa masuk satu pembantu rumah adalah sudah meningkat RM203,565.00, belum termasuk lagi *courier service*, *phone call* dan sebagainya.

Pada hari ini majikan pula minta supaya agensi-agensi kita *guarantee* seolah-olah *maid* yang masuk ataupun pembantu rumah yang masuk ini ibarat macam *spare part* kena *guarantee* dan kalau tidak sesuai diminta ganti pembantu rumah yang lain. Itulah sebabnya pada hari ini majikan-majikan kita terpaksa membayar lebih daripada RM4500 ataupun RM5000 untuk mendapat khidmat satu pembantu rumah. Silakan.

Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] : Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya pada Yang Berhormat Jasin tadi, kos pengambilan pekerja daripada luar negeri memang meningkat sekarang dan saya melihat kadar kenaikan itu 100% dalam tempoh 10 bulan yang lalu. Ini satu hakikat dan adakah Yang Berhormat berpendapat bahawa agensi pekerjaan swasta yang didaftarkan dengan Kementerian Sumber Manusia ini seolah-olah tidak bermaya ataupun tidak relevan dalam isu pengambilan pekerja asing daripada luar dan kita juga faham bahawa Jabatan Imigresen ada kuasa yang lebih besar dan apakah peruntukan undang-undang yang digunakan oleh pihak Jabatan Imigresen yang membolehkan mereka mendaftarkan semula Agensi Pekerjaan Swasta yang telah diluluskan oleh kementerian ini. Adakah ini satu pertindihan kuasa ataupun tidak mengikut lunas undang-undang pun dan adakah Yang Berhormat bercadang supaya pertindihan kuasa kalau ada ataupun memang tidak ada kuasa patutlah dilihat secara holistik dan disatukan di bawah satu kementerian dan kita semasa mendaftar agensi pekerjaan swasta ini sepatutnya juga mengambil kira mereka ini dibenarkan untuk mengambil pekerja asing. Saya rasa itulah baru satu lesen yang besar yang betul-betul berkuasa kalau tidak, tidak guna dapat lesen ini. Apa pandangan Yang Berhormat Jasin

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya daripada Ayer Hitam. Saya akan ke arah itu kerana pada hari ini kita tidak ada satu dasar dalam negara kita walaupun kita tahu bahawa negara kita terpaksa menggunakan khidmat pekerja asing demi untuk kemajuan dan juga ekonomi negara kita. Tetapi apa yang kita lihat pada hari ini daripada dahulu sehingga hari ini tidak ada satu dasar yang konkrit tentang pengambilan pekerja asing ini. Sekejap yang ini boleh, sekejap tidak boleh. Pada hari ini yang buat huru-hara pada hari ini dengan adanya Akta Imigresen yang diguna pakai oleh Imigresen untuk mengawal kemasukan pekerja-pekerja asing ini yang pada hari ini telah menindas Agensi Pekerjaan Swasta yang dikawal oleh KSM yang mana saya pernah sebut bahawa lesen yang akan kita pinda ataupun akta yang kita pinda ini ibarat kata orang 'harimau tidak ada gigi'. Harimau tidak ada gigi kerana pada hari ini Imigresen telah membuat *ruling* terbaru bahawa pembantu rumah boleh dimasuki ataupun diambil oleh majikan boleh melalui agensi ataupun *direct hiring* dengan izin, bermakna majikan boleh terus mengambil sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, mana ada majikan di dalam negara kita yang hendak mengambil satu orang pekerja asing yang sanggup buang masa pergi ke Indonesia mencari ataupun pergi kepada negara sumber yang lain untuk membawa biodatanya datang ke Malaysia mohon sendiri. Oleh kerana peraturan yang dibuat oleh Imigresen pada hari ini membenarkan *direct hiring* ataupun majikan terus pada hari ini membuka ruang kepada mereka-mereka yang tidak ada lesen mereka-mereka yang tidak ada kena mengena dengan industri ini pada hari ini *act on behalf of the* majikan dengan izin.

Itulah sebab kalau kita lihat pada hari ini di jabatan-jabatan Imigresen agensi yang dikenal pasti agensi contohnya di negeri saya di Melaka, agensi yang berdaftar yang mempunyai lesen KSM dan juga Imigresen tidak ramai dan orang-orang Imigresen kadang-kadang dia kenal kita siapa. Tetapi *calo-calo* ini yang berlagak sebagai agen kepada majikan ataupun kadang-kadang dia berlagak diri dia sebagai majikan dia mendapat keistimewaan di pejabat-pejabat Imigresen, kadangkala pakai seluar pendek sahaja. Agensi yang berdaftar dengan KSM dan juga imigresen ini hanya boleh berurusan di kaunter-kaunter tetapi mereka-mereka - *calo-calo* ini kadang-kadang yang berseluar pendek boleh terus ke pejabat Pengarah Imigresen dan agensi-agensi yang berdaftar ini dalam segi pembantu rumah kadang-kadang terpaksa menunggu lebih

daripada seminggu untuk mendapat kelulusan. Dan kadangkala lebih lama sehinggakan majikan-majikan yang hendak mengambil pembantu rumah ini marah kepada agensi. Tetapi *calo-calo* ataupun orang-orang tengah ini kadangkala hari yang sama juga boleh dapat kelulusan.

Apa sudah jadi pada hari ini? Kita tahu dengan kebanyakan buruh-buruh asing ke negara kita ini akan menggugat keselamatan (*security*) negara kita dan pada hari ini kalau kita lihat di kaunter-kaunter Imigresen yang main peranan bukan rakyat Malaysia, yang main peranan adalah mereka yang mempunyai PR (*Permanent Resident*) yang pasport merah ini! Dialah yang main peranan.

Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Jasin. Saya faham semua yang lain tetapi yang tidak faham '*calo*' itu maknanya apa? '*Calo-calo*'? Yang lain semuanya sudah faham. Boleh bagi sedikit apa dia?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: '*Calo*' ini bahasa Indonesia, pak. Orang tengah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Jadi ini yang

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: Penjelasan. '*Calo*' dalam bahasa Pakistan dia kata jom. [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Ikut kontekslah. Ikut konteks.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Jadi Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini yang timbul masalah kita tidak ada dasar yang betul-betul untuk mengawal dan kita tahu kalau kebanyakan pekerja asing di dalam negara kita pada hari ini akan menggugat keselamatan negara.

Siapa kita nak pegang? Kalau hari ini kita nak cakap tentang buruh asing yang ada di negara kita, kita akan cakap oleh sebab sebut saja buruh dan pekerja kita akan cakap Kementerian Sumber Manusia.

Tuan Nasaruddin bin Hashim : [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Parit.

Tuan Nasaruddin bin Hashim [Parit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jasin. Saya sebenarnya nak menunggu daripada cadangan Yang Berhormat Jasin berkenaan dengan *calo* ini tadi ataupun orang tengah.

Kerana kita dengar Tuan Yang di-Pertua, di mana-mana yang berkaitan dengan orang ramai, JPJ ke, Imigresen ke ataupun kadang-kadang mungkin di Jabatan Polis, orang tengah ini begitu berleluasa jadi saya nak mengharapkan apa cadangan daripada Yang Berhormat Jasin bagi mengatasi masalah orang tengah ini kerana bukan baru, bertahun-tahun dah masalah *calo* ini.

Jadi bagaimana pandangan Yang Berhormat Jasin supaya isu *calo* ini dapat kita selesaikan atau kita banteras. Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Oleh sebab tidak ada peraturan yang konkrit, maka akan wujud *lukul-lukul* yang ini, *chalur-chalur* ini akan wujud. Tetapi kalau kita pada hari ini, kita dapat meminda Akta Agensi Pekerjaan Swasta ini dan kita beri semua kuasa ini, masalah tenaga kerja di dalam negara kita mahupun asing, kita serahkan kepada satu badan atau kementerian yang memutuskannya maka dengan sendiri kita boleh kuatkuasakan masalah-masalah ini.

Tetapi pada hari ini kita hendak tuduh kepada Kementerian Sumber Manusia kerana mengeluarkan lesen Akta Agensi Pekerjaan Swasta, dia kata ini melibatkan buruh asing bukan kuasa dia, ini kuasa Imigresen. Kalau disebut pada Imigresen, dia kata "kami akan berkenaan dengan Akta Imigresen sahaja, tentang pengambilan ini Kementerian Sumber Manusia:

Datuk Dr. Marcus Makin Majigoh: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Putatan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan sahabat saya dari Jasin. Saya ingat minta penjelasan sedikit tentang *chalur* ini yang diberi kontrak kerja oleh majikan-majikan terutama sekali di majikan perladangan. Dan mereka mengambil pekerja dari Indonesia untuk bekerja di ladang dan harga kontraktor itu diberi kepada *chalur*.tanpa melalui agen-agen pengambilan pekerja-pekerja asing ini. Minta penjelasan sedikit.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya. Memang wujud dalam industri tenaga kerja ini wujud *calo-cal*o ini. Dan kebanyakan daripada *calo-cal*o ini ia tidak daftar, tidak daftar di bawah Akta ini. Dia boleh berleluasa mengikat kontrak dengan ladang, dengan apa sahaja. Oleh sebab dia tidak daftar, kita pun tidak tahu dia. Itulah sebab pada hari ini kita dapat berita banyak daripada buruh-buruh asing di mana

gaji mereka tidak dibayar. Dan selalunya orang tengah ini dia akan mengambil buruh-buruh asing yang datang tanpa izin, tidak ada dokumen.

Apabila dia sudah menggunakan orang ini punya penat lelah buat kerja, kerja dia dah siap, ibarat kata misalan kerja menanam kelapa sawit. Bila dah siap tanam 10,000 ekar, dia pun tak bayar gaji, sebaliknya dia laporkan kepada Imigresen dan Polis maka Imigresen dan Polis datang tangkap pekerja asing ini dan hantar pulang, gaji orang-orang ini tidak dibayar. Ini yang berlaku, soalnya.

Puan Teresa Kok Suh Sim: [*Bangun*]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Seputeh. Seputeh dulu.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Seputeh.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat cakap tentang *calo*, orang tengah yang mengeksploitasikan pekerja asing kita. Apakah pandangan Yang Berhormat sekiranya yang pengambilan pekerja asing ini dijalankan secara G to G. Kerajaan Malaysia dengan kerajaan yang mengeksport buruh asing.

Jadi dengan cara ini siapa yang hendak mengambil pekerja asing, berdaftar dengan pihak kerajaan dan kerajaan kementerian yang berkenaan mengendalikan perkara ini dengan kerajaan misalnya Indonesia, jadi dengan ini kita boleh mengelakkan pekerja asing itu dieksploitasi. Sekiranya berlaku apa-apa masalah, kerajaan juga boleh campur tangan. Adakah ini kita boleh memberi kebajikan dan juga dasar yang lebih baik untuk mengawal pekerja asing kita.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih Seputeh. Yang sebenarnya kita sudah cuba dulu, tahun 1995, 1996 apabila masalah pengambilan pekerja ini cuba di *centralize* kan di negara kita. Maka wujudlah satu jawatankuasa di peringkat Kementerian Dalam Negeri yang menguruskan kemasukan mereka di bawah nama *Task Force* yang ditempatkan di Damansara juga Deputy Imigresen.

Dan kita telah buat perjanjian G to G dengan negara sumber contohnya di Indonesia. Di Indonesia pun wujud satu anak syarikat di bawah Kementerian Tenaga Kerja namanya PETI BIJAK....., dan kita sudah cuba buat akhirnya semua gagal. Kerana suka tak suka kita kena terima hakikat bahawa industri tenaga kerja ini *is a multi milion business, multi milion*. Di dalam negara kita dulu pun sebelum tahun 1995, kita

tengok mungkin Tan Sri pun tahu kita dapat melalui tenaga kerja ada *six million dollar men*. Semua orang tahu dan susah bagi kita nak kawal dan kita dah cuba buat G to G. Government tak boleh pula rekrut di Indonesia, di Indonesia PETI BIJAK diwujudkan di bawah Kementerian Tenaga Kerja dia, gagal.

Dato' Razali bin Ismail: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Kuala Terengganu.

Dato' Razali bin Ismail [Kuala Terengganu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jasin tadi menyebut tentang, sebenarnya saya menunggu penjelasan tadi tentang terkapai-kapai, terumbang-ambing kira-kira 800 agensi pekerja swasta ini untuk mendapatkan lesen masing-masing untuk beroperasi. Ada disentuh tadi, sedikit tadi, saya masih belum mendapat, mendengar jawapannya itu. Apa permasalahan sebenarnya yang sedang dihadapi oleh syarikat-syarikat swasta ini? Kalau G to G itu, kita rasa agak jelas tapi yang swasta ini permasalahan yang utamanya. Kalau boleh beri penjelasan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya daripada Kuala Terengganu. Yang sebenarnya apabila buruh asing mula masuk ke dalam negara kita ini, tugas dan kerja tanggungjawab untuk membawa buruh asing ini telah diserahkan kepada agensi yang berlesen. Ketika itu agensi-agensi ini dibenar membawa masuk semua sekali sektor-sektor perkhidmatan, pembinaan, perkilangan, pembantu rumah dan boleh dikatakan semua diserahkan kepada agensi.

Tetapi malangnya pada tahun 1995, kerajaan telah membuat keputusan dia mengatakan bahawa kebanyakan agensi mengambil komisen yang lebih daripada pekerja-pekerja Bangladesh, daripada pekerja-pekerja negara-negara sumber ini maka agensi di *banned* daripada membawa pekerja-pekerja asing untuk perkhidmatan-perkhidmatan ini kecuali pembantu rumah. Ketika itu saya lihat jadi agak teratur.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Ledang, Ledang Yang Berhormat. Boleh?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya, Ledang boleh.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Jasin. Apabila Jasin menyebut tentang komisen tadi dan sebelum itu Jasin menyebut tentang *multi million business* daripada agensi aktiviti pekerjaan

swasta. Saya lihat bahawa segala dasar atau program yang dibuat oleh kerajaan telah mewujudkan peluang perniagaan dan pada masa yang sama juga mewujudkan peluang-peluang pendapatan daripada sumber perniagaan yang tidak teratur. Saya mengambil satu contoh, saya terkeluar sedikitlah Jasin ya. IMU, International Medical University.

Baru-baru ini dia telah melanjutkan tempoh permohonan bagi kursus perubatan hingga 30 Jun, *International Medical University*, hingga 30 Jun tahun ini. Tetapi, sahabat saya, anaknya telah pun menerima surat penolakan di atas permohonan yang dipohon, memohon untuk mengikuti kursus perubatan di IMU, setelah menghadiri temu duga.

Tetapi, pada masa yang sama, tempoh permohonan masih dilanjutkan hingga 30 Jun. Alasan kepada calon tersebut tadi yang gagal ialah tempat telah pun tiada ataupun terhad. Tempat amat terhad. Bila saya siasat, rupa-rupanya proses yuran permohonan ialah RM600 setiap pemohon. Maknanya di situ, dia telah berusaha untuk mengaut keuntungan daripada pemohon, bukannya kursus. Kursus satu hal. Begitu juga agensi pekerja swasta seperti yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Jasin tadi.

Maknanya, wujud suatu ketidakaturan, mungkin salahlah bahasa saya, wujud suasana peraturan yang tidak lengkap, di mana ada pihak-pihak yang mencari peluang daripada peraturan yang tidak lengkap itu untuk mereka mendapatkan keuntungan. Kedua, Yang Berhormat bagi Jasin, adakah Yang Berhormat bersetuju, wujud seolah-olah suatu penyelarasan yang tidak sempurna antara Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri dan di kedua-dua belah pihak ini juga wujud suasana untuk mencari keuntungan di satu pihak. Kementerian Hal-Ehwal Dalam Negeri mencari keuntungan, adalah pihak yang mencari keuntungan. Di pihak Kementerian Sumber Manusia pun sama dan saya seperti juga dengan Kementerian Sumber Manusia seolah-olah mereka terikat dengan bilangan pekerja asing ini, bahawa mereka terikat dengan jenis atau bidang kemahiran yang hendak dibawa.

Kadang-kadang saya lihat kebanyakan pekerja yang dibawa daripada Pakistan tidak ada pun kemahiran, seolah-olah kita menerima lambakan pekerja-pekerja asing yang tanpa kemahiran. Adakah Yang Berhormat bagi Jasin bersetuju? Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Saya amat bersetuju sahabat saya, Yang Berhormat bagi Ledang. Ini kerana, kalau kita lihat oleh kerana tidak ada dasar yang konkrit, kita tengok kedua-dua kementerian ini hendak tunjuk power masing-masing. Kementerian Sumber Manusia mengatakan setiap buruh asing yang hendak datang ke negara kita mesti melalui latihan MLVK di negara sumber supaya hendak dapat tahu budaya bahasa di dalam negara Malaysia ini. Itu daripada Kementerian Sumber Manusia. KDN pula buat satu lagi iaitu negara Indonesia dikecualikan daripada MLVK. Orang yang mendaftar hendak jadi tenaga-tenaga pengajar dan kelas-kelas MLVK daripada luar negara ini pergi jumpa dengan Kementerian Sumber Manusia, daftar lagi. Bayar saya tidak tahu, bayar lagi atau tidak, saya tidak tahu tawaran.

Tetapi, inilah keadaan dia. Ini bermakna tidak ada, [*Disampuk*] kucar-kacir. Tidak ada dasar yang konkrit dan kita akan dibanjiri oleh pekerja asing yang akan meningkat dua juta di dalam negara kita yang hampir 10% daripada jumlah penduduk dan ini bukan yang baru. Dasar pekerja asing berubah-ubah. Kalau dulu, satu syarikat hendak memohon pekerja asing, satu kilang hendak memohon pekerja asing, dia mesti melalui Kementerian Sumber Manusia. Kementerian Sumber Manusia buat penilaian di kawasan itu, sama ada orang-orang di situ sudah *full appointment* ataupun tidak. Ini kerana, kebanyakan daripada majikan kita pada hari ini, Tan Sri Pengerusi, dia memang tidak senang hati dengan orang-orang tempatan, lebih-lebih lagi kaum wanita.

Dia lebih suka pekerja asing wanita daripada hendak mengambil wanita tempatan kerana wanita tempatan dia kata, bila sudah kahwin besok, hendak kena cuti bersalin dan kalau ada majlis perkahwinan di kampung itu, wanita-wanita kita pergi membantu rumah, cuti dua, tiga hari dan wanita-wanita tempatan pula selepas itu apabila sudah bersuami, tidak hendak kerja *overtime*. Kalau pekerja asing dia kata, dia akan terus bekerja dan pekerja asing ini pula tidak payah hendak bayar *overtime* yang tinggi-tinggi bagaimana di dalam Akta Buruh kita.

Kalau pekerja tempatan, hari cuti biasa kena bayar *double*. Kalau hari cuti am, kena bayar *triple*. Tetapi, pekerja asing cukup *overtime*, kali dua pun sudah cukup. Itu dia punya itu. Tetapi, pada hari ini apa yang dibuat ruling dulu, yang minta *recommendation* daripada Kementerian Sumber Manusia pada hari ini, sudah tidak ada lagi dah. Semua dibereskan di Kementerian Dalam Negeri tanpa mengambil tahu

pandangan daripada Kementerian Sumber Manusia, tanpa mengambil tahu pandangan daripada pemimpin tempatan, sama ada pekerja-pekerja tempatan ini dapat kerja atau tidak.

Ini saya boleh cakap. Kawasan industri di Jasin, di Merlimau, ramai di antara orang-orang kampung saya hari ini wanita menganggur. Apabila pergi memohon di kilang, tidak ada kekosongan. Tetapi, kita lihat kilang-kilang ini membawa wanita-wanita pekerja asing masuk bekerja di kilang, menafikan hak kita pekerja tempatan. Ini berlaku. KDN boleh siasat.

Seorang Ahli: Betul.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Kementerian Sumber Manusia boleh siasat. Tetapi, kalau tanya.....

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: *[Bangun]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Petrajaya.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya, Putrajaya.

Tuan Yang di-Pertua: Petrajaya.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Petrajaya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Jadi, lanjutan kepada apa yang dibawakan oleh Yang Berhormat bagi Jasin tadi, jadi dapat disimpulkan bahawa wujudnya dasar yang kurang jelas dan dalam konteks keperluan tenaga dan juga dalam konteks keselamatan negara. Jadi, di mana akibat kurangnya, tidak jelasnya dasar, maka wujud koordinasi di antara kementerian-kementerian. Wujudnya kelemahan di situ. Jadi, saya ingin mengambil contoh di mana kita juga mempunyai dasar berkaitan dengan *construction labour action programme*, dengan izin, di mana dalam bidang industri ataupun bidang pembinaan, tumpuan banyak diberi untuk kita mengambil tenaga-tenaga luar datang ke Malaysia, dengan alasan bahawa kita tidak wujud kekurangan tenaga mahir di Malaysia.

Jadi, kita bawa orang luar untuk bekerja dalam bidang pembinaan di negara kita. Tetapi pada masa yang sama, kita ada juga dasar di mana CIDB telah diamanahkan untuk memberi latihan kemahiran kepada tenaga pekerja kita. Sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Jasin tadi, pekerja-pekerja wanita tempatan tidak diberi peluang disebabkan beberapa permasalahan. Jadi di sini, apa berlaku kepada

pekerja-pekerja ataupun tenaga yang telah dilatih di CIDB, yang mempunyai kemahiran dengan kemahiran yang telah diberikan tetapi sebenarnya, apabila keluar tidak mendapat peluang pekerjaan di negara kita sendiri. Jadi, adakah agensi swasta ini akan dimartabatkan, di mana Kementerian Tenaga Manusia akan memberi amanah supaya agensi pekerja tempatan ini akan mengambil pihak pelajar-pelajar kita daripada CIDB tadi untuk kita eksportkan mereka ke negara luar? Adakah ini akan diambil kira dan apakah pandangan Yang Berhormat bagi Jasin dalam perkara ini? Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Petrajaya. Tentang *labour exchange* ini, pernah diutarakan, diwar-warkan tetapi tidak pernah berlaku, hanya syok sahaja, bercakap sahaja, retorik sahaja. Malah kita tengok pun CIDB Yang Berhormat, CIDB yang diberi pada hari ini kerja untuk meningkatkan keupayaan pekerja-pekerja kita dengan ada kursus untuk ikat batulah, itulah, ini. Kadang-kadang kita lihat apabila ada pertandingan, wah, hebat satu Malaysia, keluar dalam televisyen apa semua. Saya hendak tanya juga CIDB ini, mungkin rakan-rakan saya tahu. Yang pekerja-pekerja yang *ditrain* ini, mana dia? Mana dia?

Semua industri pembinaan kita pada hari ini, kalau kita tidak ada pekerja-pekerja daripada luar, tanpa pekerja-pekerja luar pada hari ini, kita tidak boleh dapat hendak membangunkan negara kita. Jadi, ini sepatutnya tugas Kementerian Sumber Manusia. *[Disampuk]* Janganlah hendak buat MLVK, hendak *train* pembantu rumah dekat Indonesia, pembantu rumah dekat Filipina, pekerja-pekerja luar negara. Yang masalah anak tempatan kita ini selesaikan.

Seorang Ahli: Betul.

Kita lihat baru-baru ini apabila imigresen membuat Ops Tegas. Apabila orang-orang pekerja-pekerja asing tanpa izin ini dihantar balik sehinggakan kita hendak gunting rambut pun susah Tuan Yang di-Pertua, rupanya penggunting-penggunting rambut kebanyakan India *barbers* dekat kawasan kita ini tidak ada permit rupanya, pendatang tanpa izin. Rupa pun lebih kurang macam Cameron Highlands kita ingat sepupu Cameron Highlands, jadi kita tidak ganggu dia, rupanya tanpa izin dia datang. *[Ketawa]*

Apabila Ops Tegas ini baru kita tahu dan kerja-kerja gunting rambut ini *very simple*. Mengapa tidak Kementerian Sumber Manusia buat kursus MLVK gunting rambut.....

Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy: Minta penjelasan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya.

Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy: Saya rasa.....

Tuan Yang di-Pertua: Sri Aman, Sri Aman.

Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy:tukang-tukang gunting yang datang tanpa izin itu sedikit sahaja.....

Tuan Yang di-Pertua: Nanti kejap, Sri Aman dahulu ya.

Tuan Devamany a/l S.Krishnasamy:Oh, Okey, okey.

Tuan Jimmy Donald: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang sangat adil. Saya minta penjelasan dari kawan saya bagi Jasin. Saya ingin berpatah balik kepada gambaran yang diberi di mana orang yang pergi ke jabatan-jabatan ini adalah orang yang tidak berlesen tetapi yang membantu mengisi borang dan menentukan urusan dari Indonesia atau dari negara lain dapat datang bekerja di sini.

Di Sarawak ada juga orang yang menanam kelapa sawit hanya 200 ekar, 300 ekar, 100 hektar, jadi mereka tidak memerlukan pekerja yang begitu ramai. Mereka mencari orang yang dapat membantu, orang yang ada senang, kawan-kawan dan kawan-kawan inilah yang pergi ke jabatan-jabatan yang tertentu. Kadang-kadang pergi ke jabatan yang berkaitan di Antikkong, di sempadan Indonesia dan di antara mereka ini mereka memberi perkhidmatan yang baik kepada kawan-kawan satu sama lain dengan ongkos yang begitu kecil.

Apakah pendapat Yang Berhormat Jasin, oleh kerana saya takutlah kalau kerajaan ataupun jabatan-jabatan ataupun pegawai-pegawai yang berkenaan setelah mendengar hujah-hujah kawan saya bagi Jasin dan mereka mengatakan kita mesti mendapat semua kelulusan dari jabatan itu, itu, itu melalui orang-orang yang berlesen, orang-orang yang tertentu. Oleh kerana di Sarawak perkhidmatan kawan-kawan ini masih diperlukan oleh penanam-penanam kelapa sawit yang tidak mempunyai ladang yang besar. Minta penjelasan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih Sri Aman. Kita hendakkan dia melalui agensi berdaftar kerana agensi berdaftar ini hendak dapat dia, sebab lesen daripada Lesen Akta Pekerjaan Swasta ini lebih kurang kita calon Barisan Nasional hendak jadi Wakil Rakyat. Cara dia, *screen* kita seorang-seorang ini yang hendak jadi agen ini mestilah mempunyai rekod yang baik, mestilah tidak bankrap, tidak terlibat dengan segala jenayah dan sebagainya.

Kita ikatkan pula mereka, bagi yang menguruskan pekerjaan tempatan, bon jaminan RM10,000, lepas itu yang buat jaminan untuk pekerjaan luar negeri RM20,000, tidak cukup dengan itu lesen imigresen lagi untuk menguruskan pekerja asing pembantu rumah tadi, bank *guarantee* RM100,000. Oleh kerana mereka diikat dengan bon dan juga bank *guarantee* ini, maka agensi yang berlesen ini dia akan fikir dua kali kalau hendak buat kerja yang salah, kerja yang tidak betul. Takut bank *guarantee* ini akan dirampas oleh kerajaan, bon jaminannya dirampas oleh kerajaan. Tetapi kalau orang-orang tengah yang tidak berlesen ini dia peduli apa. Tidak ada ikatan, dia boleh buat macam-macam.

Itulah sebab dia sanggup buat apa sahaja asalkan dia dapat duit. Ini tidak sihat bagi industri ini. Jadi sudah sampai masa dan ketikanya kita kena *regulate* benda ini, takkan kita hendak biarkan benda-benda ini berleluasa. Ya, silakan Cameron Highlands, ya.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Jasin. Saya ingin memperjelaskan iaitu meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Jasin mengenai masyarakat kaum India yang datang tanpa izin untuk menggunting rambut.

Ini adalah satu pandangan yang mungkin tidak berapa betul kerana saya rasa ramai yang datang dengan adanya butiran-butiran ataupun kelulusan-kelulusan daripada pihak-pihak tertentu dan pemuda-pemuda sekarang ini di kalangan masyarakat India tidak minat lagi gunting rambut dan ramai yang mahu pergi gunting rambut dengan orang-orang lelaki ini, fasal dia malu pergi di *unisex* ini. Ada setengah itu dia pemalu, ada setengah itu dia suka hendak pergi ke *unisex* fasal dia *massage* kepala itu tetapi ada golongan yang tidak mahu dia ada kekangan-kekangan budaya dan agama, maka perkhidmatan itu diperlukan.

Ramai terpaksa diambil daripada masyarakat India daripada India untuk datang gunting dan gunting mereka pun *style*, dia bagi tepuk-tepuk sedikit, dia beri goyang kepala dia sedikit, [*Ketawa*] seronok, selepas habis dia punya *massage* itu bagus. Maka perkhidmatan itu masih perlu dan saya rasa segelintir itu sedikit sahaja, bukan banyak sangat. Saya minta penjelasan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya yang begitu prihatin kepada masyarakat India. India negerilah, negara, bangsa dia kita tidak tahu apa dia.....[*ketawa*].....bangsa India jugalah.

Jadi yang menjadi masalah memang benar, walaupun sedikit tetapi hari ini ada rungutan, banyak di Melaka *Indian barbers close shop* kerana mereka-mereka ini datang Tuan Yang di-Pertua, dengan sosial visa tidak ada visa khas dikeluarkan oleh imigresen kerana *restriction* kepada negara India ini banyak dekat imigresen, kerana kita tidak hendakkan supaya mereka yang tidak ada kemahiran, yang tidak ada apa masuk dalam negara kita dan akan timbulkan masalah ekonomi akan datang.

Masalah ini tidak apa, hari ini kita hendak tanya Kementerian Sumber Manusia ini, mengapa tidak kursus-kursus MLVK tentang yang mudah-mudah ini, gunting rambut tidak dibuat. Adakah tidak glamor tetapi hari ini yang tepuk-tepuk ini RM12 Yang Berhormat Cameron Highlands, RM12 potong kepala kita, kepala kita pun dia potong RM12 satu orang.....

Seorang Ahli: RM36 lah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Yang *unisex* itu RM36.00 [*Ketawa*]

Seorang Ahli: Ha, RM36.00.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Sila Padang Terap.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Ghazali bin Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Jasin. Saya mengamati perbincangan sejak kelmarin sampai hari ini. Jasin punya bercakap penuh fakta semuanya ada, [*Tepuk*] cukup lengkap.

Persoalannya Tuan Yang di-Pertua, kita ada Dasar Perburuhan Negara. Adakah dasar ini hanya ada atas kertas sahaja. Kalau pihak kementerian ikut dasar yang digubal insya-Allah benda ini tidak akan berlaku, cuma apa pendapat Jasin adakah

pihak kerajaan mengikuti dasar yang digubal supaya menyenangkan pengambilan dan sebagainya dengan Dasar Buruh Asing ini. Silakan Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Dasar itu memang ada tetapi macam saya dok cakap tadi, sahabat saya Padang Terap, ini tentang pengambilan buruh asing is a *multi-million dolar* punya *business*. Saya hendak ceritakan satu dasar yang telah dibuat. Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, ahli-ahlinya Menteri Kementerian Dalam Negeri, Menteri Sumber Manusia, JKR, MITI dan pegawai-pegawai kanan kerajaan membuat satu ketetapan bahawa pekerja India yang boleh dibawa masuk ke negara ini hanya untuk, kalau di restoran tukang masak dan tukang cuci pinggan kerana orang Malaysia tidak reti memasak kari mamak ini, kerana orang Malaysia tidak hendak kerja yang kotor-kotor cuci pinggan tetapi realitinya kita lihat.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Kita lihat di restoran-restoran nasi kandar di seluruh negara, dia yang jadi operator, dia yang jadi cashier, dia jadi segala-galanya! Yang tukang *serve* itu pun, dia tahu cakap dua, tiga patah perkataan sahaja: “Abang mahu apa?” Itu sahaja. Lain dia tidak tahu. Kita kata masin ke, pedas ke, dia tidak tahu. “Abang mahu apa?” Itu sahaja. Walhal ini dasar yang dibuat oleh Jawatankuasa Kabinet yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, tetapi oleh kerana untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, kemasukan pekerja dari India...

Dato’ Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin: *[Bangun]*

Dato’ Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jerai dan Yang Berhormat bagi Sabak Bernam bangun.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Tidak, saya hendak habiskan cerita ini, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Jerai duduk sekejap, ini India punya cerita. Bab menang, jauh punya cerita nanti dahulu. *[Ketawa]* Yang India ini, Tuan Yang di-Pertua,

simple. Komisyen dia bawa masuk, USD1,000 satu kepala. *[Disampuk]* Malah ada restoran-restoran nasi kandar yang hari ini sudah pergi *public-listed*. Pergi *check* siapa punya. *[Disampuk]* *Checklah*, baru tahu siapa punya.

Seorang Ahli: Siapa itu?

Seorang Ahli: Yang Berhormat bagi Jasin punya.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Bukan! Kalau Jasin punya, tidak adalah. *[Ketawa]* Dia tidak ada modal, orang ini tidak ada modal, Tuan Yang di-Pertua. Dapat sahaja kelulusan daripada KKDN, surat kelulusan itu dihantar ke India, hendak pakai 300 orang pekerja restoran, duit sudah turun, USD300,000. Duit yang itu juga buat kedai, sewa kedai ke, buat renovation untuk restoran. Duit pekerja yang datang kerja itu digunakan. *This is what is happening* di dalam negara kita pada hari ini. *[Disampuk]* Saya tidak tahu kementerian tahu atau tidak tahu, tetapi kalau saya hendak bercerita dengan lebih dalam...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: ...memalukan kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jerai bangun lagi.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya, sila.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin yang dengan nada yang cukup tenteram, walaupun kecewa dapat memperjelaskan kepada Dewan yang mulia ini.

Jadi apakah pandangan Yang Berhormat bag Jasin, kalau kita cerita panjang-panjang ini pun di penghujungnya kita hendak tahu hendak jadi apa. Jadi segala akta, segala rang undang-undang yang kita luluskan ini, ia tidak akan menjadi satu realiti atau kenyataan tanpa penguatkuasaan. Jadi keikhlasan, ketelusan (*transparency*) dan sebagainya ini harus wujud di dalam kita punya pentadbiran dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, perkara ini pun telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat sendiri semalam. *[Ketawa]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya lupalah. *[Ketawa]* Bukan, saya simpati dengan Yang Berhormat bagi Jasin, nyaris-nyaris titisan air mata mengalir, Tuan Yang di-Pertua. Jadi saya terpaksa membantu beliau.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak perlulah, Yang Berhormat. *[Disampuk]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, saya berharaplah bahawa saya minta jawatankuasa ini melantik juga Ahli-ahli Parlimen, duduk, kita hendak tengok. Kemudian bagi sedikit kuasa kepada Ahli Parlimen bagi Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw: *[Bangun untuk keluar Dewan]*

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Mahu tanyakah, Yang Berhormat bagi Kepong? Ini hari Yang Berhormat bagi Kepong pakai baju biru pula. *[Ketawa]* Hari ini biru dia. Supaya Ahli Parlimen juga diberi kuasa untuk duduk dalam jawatankuasa sama ada di peringkat negeri atau Pusat dan di samping itu juga kita berhak. Macam saya ingat zaman dahulu DO berhak menahan kereta kalau *speed limit* dia lebih ataupun dia melanggar peraturan jalan raya. Dia ada hak sebagai DO.

Sekarang kita minta juga hak supaya kita juga boleh bertindak kalau kita masuk restoran, ada India-India atau ada orang import masuk mai yang menyalahi peraturan, kita boleh buat laporan dan tindakan seterusnya dan pastikan tindakan itu diambil oleh pihak kerajaan. Kalau tidak, penguatkuasaan ini harus dipertingkatkan. Jadi adakah Yang Berhormat bercadang untuk memperjelaskan kepada kerajaan melalui saya ini supaya penguatkuasaan ini harus dipertingkatkan, peruntukan ditambah untuk pegawai penguat kuasa, supaya ramai penguat kuasa dan supaya undang-undang kita ini dapat dijalankan. Kalau tidak, undang-undang tidak dapat dijalankan, maka ketidakadilan akan berlaku, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Semalam Yang Berhormat sudah berucap selama satu jam setengah.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Tidak cukup lagikah?

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, sudah cukuplah, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Jerai. Saya hendak datang ke daerah itu hendak melihat saudara-saudara Ahli-ahli

Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, senario yang ada kerana pada hari ini terus terang saya bercakap kepada rakan-rakan dan Ahli-ahli Yang Berhormat termasuk Tuan Yang di-Pertua, agensi yang berlesen ini tidak dapat cari makan sekarang. Tetapi apabila masalah timbul, ini masalah agensi. Ini tentang pendatang tanpa izin, agensi. Tetapi yang buat kerja, orang lain. Yang kaya, orang lain. Tetapi segala tuduhan, agensi. Saya pun ada agensi, Tuan Yang di-Pertua. Ini yang marah ini, Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Cameron Highlands.

Tuan Devamany a/l S. Krishnasamy: Ini ada kepentingan peribadi, Tuan Yang di-Pertua. Itulah dia kutuk restoran India ini... *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia tidak bermaksud.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Daripada dahulu saya sudah beritahu, malahlah sayalah presiden yang pertama Persatuan Agensi Pekerjaan Asing. *[Disampuk]* Presiden tau, jangan main-main tau.

Seorang Ahli: Betul kah?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya!

Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Indera Mahkota bangun.

Dato' Wan Adnan bin Wan Mamat: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Saya memang tertarik dan saya tahu bahawa Yang Berhormat bagi Jasin mempunyai agensi pekerjaan asing. Walau bagaimanapun, saya menyokong Yang Berhormat bagi Jasin kerana hari ini paling mudah sekali untuk mendapatkan pekerja asing dari luar. Contohnya, tidak perlu melalui agensi. Dengan sekeping surat yang di *sign* oleh menteri, dapat kelulusan 1,000 atau 3,000 orang yang mana daripada setiap kepala dapat imbuhan sebanyak RM1,000. Jadi ini menyebabkan kerugian kepada agensi pekerja asing dan juga tidak mendapat perniagaan daripada sektor ini. Jadi apakah

pandangan Yang Berhormat bagi Jasin berkenaan perkara ini dan apakah tindakan ataupun dasar kerajaan untuk menghapuskan sistem pembahagian melalui sistem ini?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat bagi Indera Mahkota. Ini yang kita pelik. Peraturan yang dibuat oleh Jabatan Imigresen, keluaran circular, menteri buat *statement*, agensi tidak dibenarkan untuk merekrut pekerja asing di dalam perkhidmatan perkilangan, pembinaan, pertanian, semua tidak dibenarkan agensi. Tetapi ada lagi orang-orang tengah yang digelar mereka ini "*human resource consultant*" yang tidak ada lesen. Kerjanya kejar menteri, Tuan Yang di-Pertua, untuk *buat approval*. Itu sahaja kerja dia. Apa *company* dia gunakanlah. Saya sudah cuba tetapi tidak dapat. Mungkin tidak boleh "*kautim*"lah, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa itu "*kautim*"? [*Ketawa*]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Itu kira-kiralah, Tuan Yang di-Pertua. Saya pun dengar orang cakap "*kautim*", "*kautim*"lah, Tuan Yang di-Pertua. Itu kira-kira itu. Yang Berhormat bagi Jerai mungkin tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Jerai sudah keluar. [*Ketawa*]

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Jadi hanya satu surat. Ini yang saya kata tadi. Kawasan saya, kawasan industri Merlimau, anak tempatan dinafikan kerja. Boleh datang pula pekerja daripada luar datang ke kawasan saya, kerana surat yang tadilah.

Tuan Nasaruddin bin Hashim: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Parit bangun.

Tuan Nasaruddin bin Hashim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Jasin, saya hendak berbalik kepada isu pokok iaitu pengambilan pekerja asing. Saya bukan menegah ataupun menghalang pekerja asing kerana kita sedar negara kita masih dalam peringkat membangun dan banyak sektor memerlukan pekerja asing ini. Tetapi pengambilan ini harus kita hadkan. Maksudnya pihak kerajaan harus mengambil kira had tertentu kerana hari ini kita tidak ada had, sampai bila-bila pun kita boleh ambil pekerja asing kalau kita biarkan keadaan begitu.

Editor: Hadzirah

Jadi apa pendapat Yang Berhormat Jasin, adakah sudah sampai masanya kerajaan setelah mengkaji keperluan tenaga buruh di negara kita setelah mengkaji bilangan *school leavers* ataupun murid-murid sekolah yang tamat belajar sama ada yang dapat masuk ke universiti yang kalau tidak silap saya lebih kurang 400,000 kalau di peringkat SPM tetapi bukan semua dapat masuk ke IPTA ataupun IPTS, jadi mungkin dalam 100,000 atau mungkin 300,000 itu adalah boleh dipasarkan dalam pasaran tenaga kerja. Jadi tidakkah wajar kementerian membuat perancangan bersama-sama dengan agensi yang terlibat bersama dengan Persatuan Pengilang Malaysia dan sebagainya menentukan keperluan sebenar tenaga buruh dan dibuat perancangan latihan dan sebagainya supaya dalam tempoh 10 tahun misalnya, bukan tidak perlu cuma perlu di dalam sektor-sektor tertentu sahaja misalnya sektor pembantu rumah. Saya rasa ini mungkin di mana-mana negara pun biasanya kalau negara itu sudah maju pembantu rumah daripada negara yang miskin pekerjaannya. Tetapi kalau negara sendiri susah untuk menjadi pembantu rumah, begitu juga misalnya sektor perladangan. Sektor ini mungkin masih kita memerlukan pekerja asing dalam tempoh yang panjang tetapi bagi sektor kilang, sektor perkhidmatan, saya rasa boleh dibuat perancangan kalau ada kesungguhan dan perancangan yang rapi daripada pihak kerajaan. Apa pandangan Yang Berhormat Jasin?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat Parit, memang betul. Cakap kita memang sedap....

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan [Sabak Bernam]: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Yang tahu cukup atau tidak cukup ialah Kementerian Sumber Manusia. Yang luluskan pekerja asing ini ialah KDN...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sabak Bernam.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya, Sabak Bernam.

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Saya sebenarnya kalau boleh hendak menyambung pandangan sahabat saya daripada Parit. Saya melihat isu ini dalam konteks dan analisis...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak perlu sambung pandangan dia, minta penjelasan dari Yang Berhormat Jasin.

Beberapa ahli: [Ketawa]

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ke arah itu. Saya melihat isu ini dalam konteks analisis SWAT di mana dalam kita ada masalah pekerja asing sebenarnya ia memberi satu ruang dan peluang kepada rakyat kita khususnya golongan belia untuk mendapat pekerjaan. Dalam konteks ini saya memang bersetuju supaya Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Dalam Negeri malah kementerian-kementerian yang lain seperti Kementerian Belia supaya ada satu jawatankuasa koordinasi. Saya melihat kalau di peringkat bawah kawasan saya sendiri, kita ada dalam berdaftar lebih 10,000 belia dan tiga puluh peratus adalah belia lepasan SPM yang sedang mencari pekerjaan. Ramai di antara mereka bertahun-tahun tidak mendapat pekerjaan dan ini apabila seseorang itu tidak ada pekerjaan maknanya dia tidak ada identiti dalam hidupnya, bila tidak ada identiti dalam hidupnya mudah sekali untuk mereka terjebak dalam gejala sosial negatif.

Oleh sebab itu saya ingin kembali sedikit tadi berkaitan dengan tukang gunting tadi kerana saya adalah pihak ketika belia dahulu ramai menghantar belia-belia dari Sabak Bernam pergi ke pusat Latihan Pertak untuk latihan menjadi pakar tukang gunting. Tetapi apabila saya kesan kemudian tidak ada seorang pun daripada lima belas orang yang pergi itu dari Sabak Bernam menjadi tukang gunting.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, bukan buat ucapan ya?

Dato' Haji Mat Yasir bin Haji Ikhsan: Tidak, sedikit lagi, sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua, kerana ini menyentuh mengenai belia yang begitu kritikal dan oleh sebab itu saya meminta pandangan daripada Yang Berhormat Jasin. Dalam kekosongan yang begitu banyak dalam berbagai-bagai-bagai sektor pekerjaan kesan daripada pekerja asing ini apakah tidak wajar diadakan satu *task force*, mungkin di bawah ataupun *sub* daripada jawatankuasa yang akan dibentuk oleh kementerian-kementerian ini supaya dibentuk satu jawatankuasa petugas supaya kekosongan ini dapat diisi oleh anak-

anak tempatan khususnya golongan belia dalam berbagai-bagai bidang yang sesuai, terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof : Terima kasih Sabak Bernam. Itu tadi saya buat contoh tentang gunting rambut. Saya ini, walaupun kepala saya tidak ada rambut tetapi dua minggu sekali....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Adalah Yang Berhormat, ada.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof : Adalah sedikit Tuan Yang di-Pertua. Tetapi walaupun sedikit ini Tuan Yang di-Pertua, dua minggu sekali pergi kedai gunting fasal hendakkan dia punya geli patah ini....*[Ketawa]* Masalah ini yang tukang patah kepala saya ini sudah balik India, tidak boleh datang lagi. *[Ketawa]* *[Dewan menjadi riuh dengan ketawa]* Jadi yang sebenarnya sekarang ini, kemelut yang kita hadapi ini realiti Tuan Yang di-Pertua. Kita diwar-warkan dengan masalah pengangguran, satu peratus, dua peratus tetapi realiti di kampung Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang disebut oleh Sabak Bernam.....

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Lipis bangun.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Baru hendak *start* sudah kacau. Sila.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat dari Jasin. Tadi apabila saya melihat banyak masalah yang berlaku di dalam pengurusan ataupun pembangunan sumber manusia ini jadi saya hendak minta penjelasan. Sejauh mana sebenarnya pada pandangan Yang Berhormat Jasin, Kementerian Sumber Manusia ini melalui agensi-agensi dia benar-benar melatih tenaga kerja mahir daripada penduduk tempatan, terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Saya tidak dapat secara terperinci tetapi Yang Berhormat bagi Lipis boleh lihat pada hari ini kita sudah berhabis berapa juta ringgit untuk mewujudkan MLVK sini dan MLVK sana, kononnya hendak mengeluarkan tenaga kerja mahir tetapi berapa ramai di antara belia-belie kita yang mengikuti kursus ini sudah balik dapat faedah? Di Lipis ada?

Jadi, ini semua kena hendak rombak balik. Masalah yang timbul sekarang yang menjadi masalah kita pada hari ini ialah ketegasan kita ini, Kementerian Sumber Manusia. Hari ini kilang-kilang yang jadi masalah ini kilang-kilang industri yang ada di dalam negara kita pada hari ini, dia tidak hendak naikkan kadar gaji dan dia suka menggunakan pekerja asing kerana dia tidak mahu bayar gaji tinggi. Di Muar ada kilang elektronik hanya bayar RM14, RM15 satu hari, orang tempatan tidak hendak pergi. Pekerja asing pada mereka itu, kalau RM15 itu hari ini sudah hampir-hampir RM40,000, pak. RM40,000 Tuan Yang di-Pertua. Lumayan sih! Tetapi kilang yang sama ini yang beroperasi di Muar Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Nanti sekejap, kilang yang sama yang beroperasi di Muar Tuan Yang di-Pertua, dia ada satu kilang di Singapura.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Putatan bangun.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Nanti sekejap Yang Berhormat, saya habiskan dahulu.

Seorang ahli: Bagi habis dahulu baru tanya!

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Dia ada kilang di Singapura, mengeluarkan produk yang sama, dia boleh bayar gaji di Singapura 30 Sing Dollar, barang yang sama. Mungkin kita ini tidak berapa tegas, oleh sebab kita hendakkan industri masuk ke dalam negara kita mereka bayar gaji yang rendah yang mana pada hari ini kurang menarik minat kepada belia-belia kita itulah sebabnya yang disebutkan oleh Sabak Bernam tadi, belia kita kurang minat kerana gajinya rendah. Ya, silakan Putatan.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih sahabat saya dari Jasin. Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh tertarik sangat dengan saranan Yang Berhormat Jasin tentang industri. Oleh sebab yang baru kita sedia maklum bahawa Yang Berhormat bagi Jasin ini dia juga seorang daripada ejen yang....

Beberapa ahli: *[Ketawa]*

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh:yang dilesenkan oleh kerajaan kita untuk mengambil pekerja-pekerja dari Indonesia. Ada lesen ataupun berlesen tidak tahulah tetapi saya sungguh tertarik dengan industri. Saya ingin minta penjelasan sedikit dari

Yang Berhormat bagi Jasin berkenaan dengan penjualan-penjualan jamu yang *disikut-sikut* oleh ibu-ibu kita dari Indonesia ini yang berleluasa di Tawau, berleluasa di Kota Kinabalu, ada yang jual jamu - ramai. Ada ketuanya yang menjual jamu-jamu ini.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh: Jadi bagaimana mereka boleh masuk ke Malaysia ini yang jual jamu ini, adakah mereka ini dilesenkan juga melalui agen? Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Terima kasih Yang Berhormat Putatan, yang sebenarnya masalah Yang Berhormat hadapi di Sabah, kita di Semenanjung pun menghadapi masalah yang sama. Jalan Tuanku Abdul Rahman, Jalan Chow Kit pada hari ini kita juga ada pedagang-pedagang daripada Negeri Cina yang jual barang-barang murahan, malah saya pernah timbul di dalam Dewan yang mulia ini. Masalah *jonker walk* di Melaka, yang mana kita adakan *jonker walk* di sana supaya pelancong-pelancong dapat memberi barangan-barangan *made in* Melaka, *made in* Malaysia.

Tetapi hari ini ada juga pendatang-pendatang daripada Negeri Cina yang menjual *sex stimulant* viagra-viagra tiruan, dan yang menyedihkan kita ini mereka ini pelancong-pelancong yang datang daripada Negeri Cina dia ambil kesempatan kemakmuran negara kita. Tetapi oleh kerana muka dia Cina, muka Cina dia lebih kurang macam itu dia ingatkan juga Cina Melaka, yang dapat nama buruk Cina Melaka, ini yang saya marah ini Tuan Yang di-Pertua, yang dapat nama kita. Walhal yang buat kerja ini orang luar, pendatang tanpa izinkah, negara sosial *visit* kah. Dekat balik ke Kulai, dekat Seremban di R&R kita datang sahaja macam dia panggil *boyfriend* – ‘*chit, chit*’ [*Membuat isyarat*] lepas itu tunjuk jam. Pun orang luar bukan orang Malaysia, apa sudah jadi ini? Ini yang jadi masalah ini, yang jadi masalah ini tidak ada kawalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kesemua ini adakah berkaitan dengan akta atau pindaan yang sedang kita bincangkan?

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*] Ada, ada.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Berkaitan Tuan Yang di-Pertua, ini berkenaan dengan agensi. Masalah-masalah ini semua timbul masalah dalam negara kita ini dia tuduh agensi, tetapi agensi tidak ada kuasa hendak bawa masuk Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Macam-macam ada?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Macam-macam ada tetapi agensi. Walhal agensi ini kalau yang kita hendak bincangkan ini yang dituduh ini tidak ada langsung kuasa. Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kita ini tahu masalah yang ada ini, tidak akan kita hendak biarkan sampai bila? Negara yang kita kasihi ini dicemar oleh pendatang-pendatang asing yang buat hal dalam negara kita.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Pasir Puteh.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya Pasir Puteh.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad [Pasir Puteh]: Terima kasih Yang Berhormat, Tuan Yang di-Pertua, Ahli- ahli Yang Berhormat saya tertarik dan terpanggil sedikit untuk bertanyalah sebab Akta 246 ini bagi saya walaupun dua, tiga sahaja. Satu, dua dan tiga, 246 ini tetapi penting bagi saya. Oleh kerana saya memandangkan bahawa tenaga muda ialah aset yang terpenting kepada negara. Kenapa Institut Latihan Perindustrian, ILP tidak ada *basic business*? Dahulu ada, jadi setuju tidak kita masuk balik *basic business* ini? Oleh kerana asas perniagaan ini penting untuk mereka berdikari. Kita tengok di India, saya belajar 4 tahun bukan saya hendak puji India ini. Banyak lepasan doktor-doktor dia tidak ada dengan kerajaan.

Seorang Ahli Pembangkang: Yang Berhormat itu sudah terkeluar.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Tidak keluar ini hendak cerita ini banyak yang bekerja sendiri, dia beri ilmu bekerja sendiri. Pembangkang jangan campurlah masa kita dok bercakap. Tuan Yang di-Pertua ada kuasa untuk *stop* saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Jadi saya harap.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, kata Yang Berhormat saya ada kuasa tegur betul? Ini memang terkeluar sedikitlah.

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: Ya.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato Haji Che Min bin Che Ahmad: *[Ketawa]* Jadi saya hendak, saya hendak ada kaitanlah, ada kaitan. Jadi saya hendak ada alternatif dicadangkan dalam ILP diadakan *basic* bisnes setuju tidak? Itu sahaja soalan saya, terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Saya minta ampun dengan Pasir Puteh tumpuan saya hari ini yang bagaimana yang diarahkan oleh Tuan Yang di-Pertua ialah untuk membincangkan akta undang-undang 126, berkenaan dengan agensi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bijak.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Jadi saya serahkan kepada Timbalan Menteri hendak menjawab. Ini Tangkak lagi Tuan Yang di-Pertua, ada lagi ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Ledang.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jasin sahabat saya, jiran saya. Yang Berhormat Jasin tadi menyebut bahawa negara kita dicemari oleh pekerja-pekerja asing yang melambak-lambak. Sebenarnya Yang Berhormat Jasin itu kita setuju, yang mencemari negara kita bukannya pekerja asing, kalau saya jadi rakyat asing dijemput datang kemari untuk bekerja, saya menganggur di sana saya datang.

Tetapi sebenarnya dicemari oleh mereka-mereka yang berkepentingan, mereka-mereka yang menggunakan kemakmuran dalam negara kita, kepada mereka yang menjadi *multi million dollar* tadi ini kerana ia adalah satu perniagaan yang sangat lumayan dengan kelonggaran dasar dan sebagainya seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Jasin tadi, adakah Yang Berhormat Jasin setuju? Sebenarnya yang mencemari adalah mereka yang berkepentingan sama ada mereka ini, minta maafah pegawai kerajaankah, siapakah dan sebagainya. Adakah Yang Berhormat Jasin bersetuju? Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Saya sangat setuju kerana ada juga kejadian bagaimana disebut oleh Yang Berhormat Ledang, oleh kerana surat yang macam ditunjukkan oleh sahabat kita daripada Kuantan ini, Indera Mahkota ada *company* yang tidak wujud tetapi *letterhead* dia ada. Mohon pekerja asing daripada luar, lulus 200 orang maka sudah hantar ke sana, duit pun sudah masuk. Apabila pekerja masuk, tiba di KLIA tidak ada seorang majikan pun datang menunggu ataupun agensi yang bertanggungjawab. *Surrounded* ini KLIA, berlaku dan akhir sekali pekerja itu dihantar balik oleh kedutaan negeri dia, negara dia.

Jadi masalahnya sekarang Tuan Yang di-Pertua *we must come to* satu, kita kena datang dengan satu itu, satu peraturan yang benar-benar untuk mengawal soal ini dan saya kira tidak ada yang lain hanya kita kena perkasakan agensi ini. Ini yang kita boleh kawal.

Beberapa Ahli: Ya, betul, betul!

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Apa guna kalau kita lekat lesen terpampang sahaja dekat *office* saya Tuan Yang di-Pertua ibarat harimau tidak ada gigi Tuan Yang di-Pertua dan lebih mendukacitakan pada hari ini, dahulu telah wujud agensi yang berlesen, saya tidak nampak pelanggaran syarat yang dikenakan. Boleh kementerian beritahu saya berapa banyak agensi yang telah langgar peraturan dahululah apabila agensi membawa pekerja-pekerja asing semua sektor. Adakah agensi ini diambil tindakan? Tidak ada, hanya dengar cakap-cakap orang-orang yang tidak berkenaan mungkin iri hati kerana adanya di kalangan agensi yang telah menjadi jutawan-jutawan segera. *Six million dollar manlah*, itulah.

Dato' Liow Tiong Lai: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Bentong.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya, Yang Berhormat Bentong.

Tuan Liow Tiong Lai [Bentong]: Ya terima kasih Yang Berhormat Jasin, memang benar, betul yang dikatakan oleh Yang Berhormat Jasin tadi. Agensi-agensi kita ini tidak diberi peluang untuk memainkan peranan yang penting, adanya lesen tetapi tidak boleh menjalankan perniagaan. Apa cadangan Yang Berhormat Jasin, kita kalau boleh berikan agensi ini untuk membolehkan mereka untuk membolehkan mereka

mengambil pekerja-pekerja dari mana-mana negara asalkan mereka dapat menjaga kebajikan.

Memastikan pekerja asing yang masuk ini dijaga dengan baik kebajikan mereka, dan tidak payah seperti yang kita buat pada masa sekarang majikan yang memohon kemudian banyak masalah timbul kemudian hari apabila majikan tidak bayar gaji langsung tidak dapat berbuat apa-apa terpulang kepada Kementerian Sumber Manusia untuk menjalankan tugas. Saya berpendapat bahawa sudah tiba masanya kita mengambil berat masalah pekerja asing dalam negara kita, ini satu isu yang cukup serius.

Hari ini rata-rata dalam Parlimen - Dewan yang mulia ini kita bincang dengan mendalam sekali berhubung dengan isu pekerja asing. Bukan kita kata bincang agensi pekerjaan swasta ini, kita rasa agensi pekerjaan swasta perlu diberikan peranan untuk membaiki keadaan masalah pekerja asing dalam negara kita. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Itulah matlamat saya kerana kalau kita lihat Singapura, jiran kita, yang hari ini kita kata ia salah satu negara yang maju di Asia. Sungguhpun dia maju, segala kerja-kerja pengambilan pekerja-pekerja asing yang diperlukan oleh Republik Singapura diserahkan kepada agensi. Saudi Arabia yang bergantung 30% tenaga kerja dia daripada buruh asing menyerahkan kepada agensi. Yang di Malaysia ini.....

Dr. James Dawos Mamit: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, ada dua Ahli Yang Berhormat bangun. Mambong dan Kinabatangan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Tunggu sekejap. Yang Malaysia ini, yang baru dengan pekerja asing kita hendak menafikan hak agensi-agensi berlesen. Saya harap kerajaan fikir-fikirkan. Silakan, Yang Berhormat bagi Mambong.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Jasin. Memang perbincangan Yang Berhormat bagi Jasin itu amat menarik sekali. Namun, kita harus melihat kepada objektif yang sebenar kita mengambil pekerja asing ini. Tetapi objektif sebenar sekarang ataupun objektif yang praktik sekarang ialah untuk mengambil pekerja

asing kerana upahnya terlalu murah. Itulah sebabnya negara kita dicemari oleh pekerja-pekerja asing.

Namun pada pendapat saya, Tuan Yang di-Pertua, ini adalah sistem rasmi untuk mengekalkan kemiskinan di negara kita. Sistem rasmi untuk mengekalkan kemiskinan di negara kita. Bayangkan kalau upah pekerja di ladang kelapa sawit hanya RM8 satu hari, ini jauh rendah daripada kadar kemiskinan. Ini bermakna, rakyat di kawasan luar bandar akan terus miskin.

Jadi, bagaimanakah kita hendak membangunkan ekonomi mereka? Dari segi kewangan mereka? Kalau RM8 ini adalah kadar upah satu hari, itulah sebabnya kalau boleh Yang Berhormat bagi Jasin cuba cadangkan kepada Menteri ataupun kementerian, boleh atau tidak kita adakan upah minimum untuk rakyat kita sendiri, kalau tidak kemiskinan memang susah untuk dihapuskan di negara kita, lebih-lebih lagi di kawasan-kawasan luar bandar di Sarawak. Saya tidak tahu di Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Confirm!

Dr. James Dawos Mamit: Confirm? Ha, Yang Berhormat bagi Kinabatangan pun confirm. Itulah satu cadangan saya. Terima kasih, Yang Berhormat bagi Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih, sahabat saya Yang Berhormat bagi Mambong. Apa yang berlaku di Sarawak hampir-hampir juga, ceritanya sama juga di Semenanjung lebih-lebih lagi di Jasin. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, Jasin 60% daripada kawasan itu ladang. Kalau tanya manager ladang, dia mengatakan bahawa pekerja tempatan tidak hendak bekerja di ladang tetapi kalau gaji RM350, takkan ya orang Jasin hendak kerja. Nasi lemak sekarang harganya RM2, kopi-o pun hari ini sudah naik RM1, campur susu sudah RM1.50 pasal harga minyak baru naik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, adakah itu sebab Ahli Yang Berhormat bagi Bentong pergi ke Bentong, Ahli Yang Berhormat bagi Ayer Hitam pergi ke Ayer Hitam?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Mana?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Adakah sebab itu?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: *[Ketawa]* Itu mungkin salah satu sebabnya, Tuan Yang di-Pertua. Ini yang menunjukkan Jasin ini *terror*, Tuan Yang di-Pertua, sudah terlampau banyak, kita eksport separuh.

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Silakan, Yang Berhormat bagi Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Jasin. Saya seperti rakan yang lain daripada Bentong dan lain-lain, Bentong ini bakal menjadi Ketua Pemuda MCA akan datang. *[Ketawa]* Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat menyedari bahawa isu pekerja asing ini telah kita bahas sebelum perubahan akta demi akta? Sebab masalah yang kita hadapi, warga Malaysia yang begitu penyayang, yang begitu baik budi tetapi ada sebahagian lagi warga Malaysia yang menganiaya pekerja asing, sama ada menyeksa, sama ada tidak membayar gaji dan sebagainya termasuk menipu kerajaan.

Saya dan rakan-rakan yang lain telah menyuarakan kepada kerajaan supaya akta ini digubal untuk memastikan tidak ada yang teraniaya dan memastikan penjenayah mesti dihukum tetapi dari segi rekod, belum ada pedagang-pedagang manusia haram ini yang telah didapati dihukum dan didakwa melalui agensi penguat kuasa. Masalah yang kita hadapi iaitu kerajaan menganugerahkan kepada agensi-agensi yang tidak mampu untuk mengeksport ataupun mengambil pekerja-pekerja asing ini, contohnya di Sabah.

Saya melihat agensi ini tidak berkemampuan tetapi diberi lesen...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat macam berucap. *[Ketawa]*

Datuk Bung Moktar bin Radin: Hampir-hampir sebab panas hati tidak ada peluang berucap. *[Ketawa]* Jadi, saya meminta Yang Berhormat bagi Jasin supaya menyampaikan kepada kerajaan supaya lebih serius. Apa pun akta yang kita ubah, kalau keseriusan itu tidak ada, akhirnya akta ini tidak akan dapat digunakan dan hanya membazirkan waktu kita untuk berbincang di dalam Dewan yang mulia ini. Terima kasih, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasihlah. Tuan Yang di-Pertua, saya pun hairan, mengikut statistik yang diberi oleh sahabat saya, Yang Berhormat bagi Tuaran semalam, di Sabah ada 11 ribu agensi yang berlesen. Ini mungkin yang disebut oleh sahabat saya, Yang Berhormat bagi Kinabatangan ini, daripada yang 11 ribu itu,

calon-calonnya. Jadi, itu pun hendak marahkan agensi juga. Semua hendak tolak agensi.

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Nanti dahulu. Berkenaan dengan pekerja ladang ini, Tuan Yang di-Pertua, *[Disampuk]* yang bekerja ladang ini sampai hari ini tidak selesai lagi. Di Jasin, Tuan Yang di-Pertua, saya pun kasihan dengan rakan-rakan saya, orang MIC ini, dia penyokong kuat saya, Tuan Yang di-Pertua, lima ribu orang pengundi di Jasin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Semua undi Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Undi saya, ya Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Semua beri sokongan?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Dia janji macam itulah, Tuan Yang di-Pertua, 100% tetapi bila buka peti undi ada juga yang lain. *[Ketawa]* Masalahnya Tuan Yang di-Pertua, bukan mereka tidak hendak bekerja di ladang, gaji mereka rendah. Yang terbaru ini kalau kita lihat, kalau ladang ini Guthrie, Guthrie ini milik.....

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Batu Pahat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Tunggu sekejap, belum habislah, karang lupa. Guthrie ini dulunya milik orang Putih, kita dengan bangganya sudah ambil ini bawa ke Malaysia, PNB punya. Sepatutnya bila PNB punya, rakyat Malaysia punya, pekerja-pekerja kita di ladang ini dapat pembelaan yang lebih baik daripada orang Putih, daripada penjajah. Rupa-rupanya Tuan Yang di-Pertua, lebih teruk, Tuan Yang di-Pertua. Hari ini, kalau dahulu orang-orang saya di Jasin pekerja ladang, mungkin gaji dia kecil tetapi oleh kerana mereka ini rajin berusaha memelihara lembu, ini sebagai bonus kepada mereka. Inilah bonus hujung tahun untuk mereka jual anak-anak lembu ataupun lembu-lembu untuk menyekolahkan anak-anak mereka. Tetapi bila pengurusan baru oleh PNB ini melarang pekerja-pekerja ladang ini memelihara apa-apa pun ternakan di dalam ladang. Sudahlah gajinya rendah, tidak dapat hendak pelihara, kasihan dia Datuk.

Itulah sebabnya pada hari ini banyak di antara orang-orang kita yang kerja di ladang terpaksa mencari pekerjaan di luar daripada ladang. Ladang hari ini melaporkan kepada kementerian, susah hendak dapat pekerja tempatan, maka dia mohonlah pekerja asing. Ini yang berlaku, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi kalau ladang bagi gaji yang setimpal, yang boleh hidup dengan keluarga, kadar kemiskinan kita berapa sekarang? RM600 ke bawah miskin, kita kena pastikan gaji pekerja-pekerja kita ini lebih daripada RM600.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Batu Pahat sudah lama bangun.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Kacaulah!

Dr. Junaidy bin Abdul Wahab: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, susahnya hendak dapat mencelah. Apabila mendengar cerita Yang Berhormat bagi Jasin tadi, ada sedikit-sedikit menyalahkan juga kerajaan sebab memberi ruang kepada agensi-agensi yang tidak berlesen tadi. Jadi apakah Yang Berhormat sokong kalau saya mencadangkan supaya kerajaan menyediakan satu perbadanan khusus untuk pekerja asing dan tidak dibuka kepada agensi-agensi pengambilan pekerja asing. Jadi kerajaan menyediakan satu pusat ataupun satu *pooling* yang untuk dikumpulkan sebagai pekerja asing. Jadi apabila majikan memerlukan pekerja asing, dia terus (*direct*) kepada kerajaan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Batu Pahat ini, hari itu apabila tentang buruh asing ini kerajaan kita wujudkan satu badan FOMEMA untuk menjalankan pemeriksaan doktor, dia yang bising selalu Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Fasal dia tidak dapat. Hari ini pula yang kita punya ini pula dia suruh buat satu badan lain Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat cakap panjang adakah kerana agensi Yang Berhormat tiada mendapatkan untung? *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ini yang masalah ini Tuan Yang di-Pertua. Sudah hendak tutup pintu sekarang ini.

Seorang Ahli: Gulung tikar.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Sudah dekat hendak gulung tikar. Kalau zaman-zaman dahulu Tuan Yang di-Pertua, apabila kami dibenarkan membawa masuk perkhidmatan-perkhidmatan, pekerja saya tidak kurang daripada 10 orang, Tuan Yang di-Pertua. Hari ini sudah tinggal dua orang. Ini pun kadang-kadang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah Yang Berhormat, bolehkah Yang Berhormat beritahu berapa lama Yang Berhormat sudah berucap?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua tidak tahan saya, saya ingatkan boleh jalan terus sahaja Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Berapa masa lagi Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Suka hati Yang Berhormatlah. Tetapi kena fikirkan kawan lain yang ingin berucap.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Dia orang sudah masuk mencelah-celah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baiklah, teruskanlah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Jadi Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan agensi ini, kita kena ada sesuatu. Bukan kata calon-calon yang beroperasi Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini sudah mula datang oleh kerana *direct hiring* yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Bentong tadi. Agensi-agensi daripada luar, daripada Pakistan, daripada Bangladesh, daripada...

Dato' Liow Tiong Lai: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Bentong bangun.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Sila.

Dato' Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Berbalik kepada apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Jasin tadi. Ini muslihat estet-estet ini, majikan-majikan dalam perladangan yang dengan pelbagai helah, pelbagai cara tidak memberi kebajikan yang sepatutnya kepada pekerja-pekerja tempatan dalam sektor perladangan. Contohnya dalam kawasan saya. Ini dahulu estet orang putih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, bukan kampung Yang Berhormat. Kawasan pilihan raya Yang Berhormat. *[Ketawa]*

Dato' Liow Tiong Lai: Ya. Kawasan Bentong saya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya fikir Yang Berhormat hendak rujuk kepada kawasan Jasin kampung Yang Berhormat.

Dato' Liow Tiong Lai: *[Ketawa]* Saya memang rujuk balik kepada kawasan saya kerana estet dalam kawasan saya itu, sampai hari ini tidak ada lagi bekalan air. Sampai hari ini tidak ada air, tetapi gunakan air daripada kolam. Lagi pun bekalan air bersih tepi jalan dekat sahaja. Dia tidak sambung. Majikan sampai hari ini enggan hendak menyambung air masuk ke kawasan perladangan. Saya rasa ini satu perkara yang kita tidak boleh maafkan. Kita minta Kementerian Sumber Manusia jagalah kebajikan pekerja-pekerja tempatan dalam sektor perladangan. Ramai lagi pekerja tempatan yang ada dalam sektor perladangan ini. Kita tidak boleh lepas tangan biar majikan menganiaya pekerja-pekerja kita dalam sektor perladangan, memaksa mereka keluar daripada sektor ini dan membolehkan mereka mengaji pekerja asing yang lebih murah untuk mereka mendapat untung yang lebih besar. Saya rasa ini sudah sampai masanya kerajaan kena berkeras mengambil tindakan yang tegas menghalang perkara ini terus berlaku. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Jasin?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya, orang kampung saya. Orang Jasin bertanding dekat Bentong. Jasin ini *terror* Yang Berhormat bagi Mambong. Terlampau ramai, kita eksport separuh, Air Hitam kita eksport, Bentong kita eksport, Bukit Gantang kita eksport, Kota Melaka kita eksport, Tangga Batu kita eksport. Semua orang Jasin itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tetapi nampaknya Jasin mempunyai masalah banyak. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya pun setuju daripada Yang Berhormat bagi Bentong tadi. Kadang-kadang kita lihat macam benda yang berlaku sekarang ini oleh kerana 400 ribu pekerja tanpa izin yang dahulu kerja ladang yang sudah balik. Apa pun cara yang dibuat oleh Imigresen untuk mendapatkan mereka balik dengan wujudnya pusat serenti kononnya, di Dumai, di Medan, di Pontianak, yang mana boleh dapat *direct hiring register* situ, keluar visa situ, tetapi tidak dapat sambutan. Ada baiknya. Hari ini di kawasan saya oleh kerana pekerja tanpa izin ini tidak ada, sudah mula pula hendak menggunakan orang tempatan balik. Laporan

terbaru yang saya dapat di FELCRA Lembah Kesang, upah untuk menurunkan buah segar ini satu tandan RM1.

Anak-anak muda datang pergi jolok kelapa sawit Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana satu tandan RM1. Satu hari mereka boleh kait sampai 120 tandan, 150 tandan. RM150, dia kerja. Kalau dahulu ini semua kerja dibuat oleh orang-orang daripada Indonesia. Masa zaman di Malaysia dahulu, dia boleh bayar RM0.18, RM0.20 satu tandan. Yang Berhormat ini pun kita pelik juga Imigresen Tuan Yang di-Pertua. Macam mana boleh ubah dasar pula? Dahulu tidak ada visa, harus dicop di Kedutaan kita dekat negara sumber. Hari ini sudah boleh pula pendatang-pendatang tanpa izin itu yang balik boleh masuk balik negara kita dengan visa sosial, datang dapat visa pula pekerja dekat negara kita. Jadi sudah *back to square one* balik.

Tuan Donald Peter Mojuntin: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Penampang bangun.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Alamak, sila.

Tuan Donald Peter Mojuntin: Terima kasihlah sahabat saya Yang Berhormat bagi Jasin, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya amat terharu dengan apa yang diperkatakan oleh Yang Berhormat bagi Jasin dan pandangan-pandangan atau pendapat-pendapat dari Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. Saya amat setuju memandangkan masalah yang wujud bahawa kita perlu mengkaji semula secara *detail* dan holistik Rang Undang-undang Agensi Pekerja Swasta ini untuk merangkumi semua aspek berkaitan dengan pekerjaan swasta termasuklah pengambilan pekerja asing. Mungkin Parlimen juga perlu membentuk satu Jawatankuasa Pilihan Khas yang dianggotai oleh KDN, Kementerian Sumber Manusia dan Ahli-ahli Yang Berhormat seperti Jasin. Kerana masalah ini menyentuh kepada banyak perkara yang penting, iaitu ekonomi negara, kekurangan pekerja-pekerja di sektor tertentu, peluang pekerjaan kepada pekerja tempatan, keselamatan negara kita dan lain-lain seperti kualiti pekerja asing itu, rasuah atau 'kautim' yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Jasin tadi. Apakah pendapat Yang Berhormat bagi Jasin tentang penubuhan dan pembentukan satu Jawatankuasa Pilihan Khas menangani isu ini, terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Saya setuju sangat kerana sebagai orang yang sayangkan negara, apabila kita hendak membincangkan dan orang yang berpengalaman tentang agensi ini, apabila saya pernah cuba untuk pergi berjumpa dengan orang yang bertanggungjawab berkenaan dengan *task force* yang diwujudkan oleh KDN dahulu tentang pengambilan buruh asing. Kita hendak menyampaikan pendapat dia, saya hendak jumpa dia, dia tidak hendak jumpa saya. "Saya tidak nak jumpa agensi,' begitu. Masa itu belum YB. Sampai saya kata, kalau *you* tidak hendak jumpa saya tak mengapa, saya tunggu *you* sampai 4.30, pasti *you* akan keluar daripada *office you*. Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, dia panggilkan polis halau saya daripada kementerian dia. Kita hendak kemukakan. Ego dia.

Beberapa Ahli: Woo!

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Tapi dalam masa yang sama saya tengok agen-agen daripada Bangladesh yang datang pintu dia terbuka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apa sebab?

Seorang Ahli: Rasuah!

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Sebab itu saya tidak hendak cakap, kawan-kawan saya cakap. Saya tidak hendak cakap nanti kata saya menuduh. Wallahualam. Itulah sebabnya saya lihat ada kepentingan tertentu yang menghalang agensi buat kerja ini.

Beberapa Ahli: Betul!

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Rupanya dia kata daripada agensi kaya aku hendak juga, kata dia. Hendak juga. Ini masalah yang timbul hari ini. Kalau benda ini diserahkan kepada agensi Tuan Yang di-Pertua, kita yang berlesen yang mempunyai bank *guarantee* RM100,000 dengan imigresen, yang mempunyai RM20,000 dengan KSM ini, kita pun hendak jaga juga supaya nama baik kita jangan tercemar, duit kita jangan diambil oleh kerajaan kerana salah laku kita. Tapi mereka ini yang tidak berdaftar, tidak mempunyai lesen sewenang-wenangnya buat kerja ini. Pergi ke kilang, *I'm a human resource consultant*. Ada..... dan dia lebih lumayan daripada kita. Tidak ada *registered company*, tidak ada lagi akta-akta ini tidak terikat.

Seorang Ahli: Rasuah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Itu saya tidak berani cakaplah. Itu saya tidak berani cakap. Tetapi masalahnya gambaran inilah keadaannya Tuan Yang di-Pertua. Inilah keadaannya. Jadi kalau hari ini kita hendak bincangkan dua perkara sahaja tidak selesaikan masalah yang kita hadapi ini Tuan Yang di-Pertua.

Dr. James Dawos Mamit: Masalah pokok.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Masalah pokok ini. Pokoknya kelapa sawit Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Jadi kena cerita tentang kelapa sawit, jangan dok cerita koko. Jadi hari ini yang timbul masalah kita hari ini kebanjiran dan masalah yang kita hadapi untuk menangani masalah buruh asing. Kebajikan buruh asing yang mana memburukkan negara kita. Ada majikan-majikan yang menggunakan khidmat buruh asing kita tengok cara dia perumahan buruh asing di mana mereka tidur, menyedihkan sekali. Menyedihkan sekali Tuan Yang di-Pertua. Yang ini kadang-kadang kilangnya tidak memerlukan pekerja asing tapi oleh kerana hendak *salvage* masalah kilang dia ini supaya dia dapat modal dia terpaksa ambil pekerja asing 100 orang dia dapat komisen RM300,000 hari ini. Pun ada.

Akhirnya apabila pekerja asing datang ke kilangnya bukan untuk kerja di kilangnya, dia pula hantar sana lima, sana lima, sana sepuluh. Dia pula jadi tauke Tuan Yang di-Pertua. Pun ada. Saya tidak tahu Kementerian Sumber Manusia tahu atau tidak tahu. Saya tidak tahu Kementerian Keselamatan Dalam Negeri tahu atau tidak tahu. Tapi Ahli Parlimen Jasin tahu.

[Tepuk]

Ahli Parlimen Jasin tahu. Kinabatangan pun tahu. Gaji orang yang kerja di kilang yang dihantar itu RM30 dia hanya bayar RM15. RM15 dia pegang, ada. Jadi sampai bila? Orang ini apabila dah dianiaya besok dia balik ke negara asal dia, dia memburuk-burukkan nama Malaysia dan Kerajaan Malaysia buat berpaling ini agensi punya kerja. Walhal agensi tidak tahu Tuan Yang di-Pertua. Agensi tidak tahu. Jadi yang kasihan agensi Tuan Yang di-Pertua. Kalau hendak cerita nanti meleleh air mata Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Ir. Haji Hamim bin Samuri: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Ledang bangun.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Silakan.

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya jiran saya Jasin. Tadi saya apabila mendengar Jasin kena halau tadi, sebelum jadi Yang Berhormat lah kena halau? *[Bertanya kepada Yang Berhormat Jasin]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: *[Menganggukkan kepala]*

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Ha, kena halau. Sekarang saya rasa dia tidak berani halau. Pertama saya hendak tanya kementerian mana ini? Kementerian Keselamatan Dalam Negeri atau Kementerian Sumber Manusia. Nombor dua Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya pada Jasin yang kita laksanakan dasar ini semua cantik, semuanya cantik.

Dahulu kita dah sebut dah tetapi masih berlaku masalah sebab tujuan kita untuk meningkatkan dan menyuburkan ekonomi negara supaya kilang-kilang beroperasi, supaya ekonomi berkembang dengan subur dan sebagainya tetapi pelaksanaannya tidak elok. Apabila Jasin kena halau dengan pegawai tadi, minta maaf lah yang saya nampak tadi kesilapannya ialah pelaksanaan. Bukan silap, kesalahannya ialah pelaksanaan. Pembangkang ini sibuk sahaja sebelah sini. Bising sahaja daripada tadi. Dia kata UMNO lah, UMNO lah.

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Menyampuk]*

Ir. Haji Hamim bin Samuri: Pelaksanaan. Bila pelaksanaan dia melibatkan siapa pun memerintah, parti mana pun memerintah kalau pelaksanaan tidak elok, katakanlah mana tahu DAP untung, dia memerintah. Tapi pelaksanaan begitu, DAP juga dapat nama buruk. Yang sekarang ini kita hendak jaga ini nama Barisan Nasional sudah jadi buruk.

Jadi saya mintalah Jasin masukkan dalam teks ucapannya supaya pelaksanaan mestilah diperhatikan sebagai suatu yang penting seperti yang selalu disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sekian terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya daripada Ledang. Saya akan jadikan apa yang dikemukakan oleh Ledang sebahagian daripada ucapan saya.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Pembaikannya.....

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:akan saya sebutkan apabila Tuan Yang di-Pertua suruh saya berhenti. Mungkin pukul 4.30 nanti saya akan gariskan bagaimana kita hendak itu.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof:kerana masalah ini Tuan Yang di-Pertua.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Seputeh bangun.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Seputeh, silakan.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua saya dah duduk sini dua jam dengar ucapan daripada Alor Gajah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bukan Alor Gajah.

[Dewan menjadi riuh seketika]

Puan Teresa Kok Suh Sim: Siapa itu? Jasin, Jasin minta maaf, Jasin. Tapi apa Yang Berhormat katakan tadi kerajaan kita memang tidak ada dasar tentang tenaga buruh dan pekerja asing. Tapi bila Yang Berhormat Ledang cakap dasar kita ini bagus tapi implementasi tidak bagus Yang Berhormat setuju lagi. Tapi saya tidak dengar betul-betul yang dia kata memang kita tidak ada dasar.

Jadi dia mencadangkan kita ubah sini sana. Okey, sekarang saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Jasin. Ini adalah laporan suruhanjaya polis dan saya juga berada dalam Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen yang mengkaji Rang undang-undang. Apakah pendapat Yang Berhormat sekiranya kerajaan menubuhkan satu suruhanjaya diraja untuk mengkaji masalah keperluan tenaga kerja di negara kita dan juga masalah pekerja asing tanpa izin dan semua masalah ini kerana ia melibatkan beberapa kementerian.

Apakah pandangan Yang Berhormat dan juga kalau tidak mungkin Parlimen kita juga boleh menubuhkan satu Jawatankuasa Pilihan Khas untuk mendengar pandangan daripada orang ramai dan juga operator agensi pekerjaan swasta supaya kita juga boleh memberi cadangan kepada Parlimen untuk meminda undang-undang dan juga menggubal dasar yang lebih baik untuk mengatasi masalah kita sekarang. Apa pandangan Yang Berhormat? Kita mungkin boleh pilih Yang Berhormat untuk menjadi ketua Jawatankuasa Pilihan Khas di Parlimen kalau Yang Berhormat setuju.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Seputeh yang dah jadi merah jambu. Dari putih dah jadi merah. Tidak lama lagi jadi kelabu.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Takkan masalah macam ini hendak buat suruhanjaya diraja. Memang itulah kerja DAP. Pembangkang ini tidak ada kerja lainkah? Yang saya sebut tadi tidak ada dasar yang konkrit. Bukan hendak suruhanjaya. Dasar itu dah ada, tinggal lagi kurang konkrit. Hendak dikonkritkan lagi, hendak diperkukuhkan lagi, ini tujuan kita. Allah, asal sedikit hendak mesyuarat, asal sedikit hendak mesyuarat. Tidak payahlah. Berhentilah cerita itu. Suruhanjaya diraja semalam fasal air, dok beratur lagi di luar jadi batu api pada rakyat. Sampai bila kita ini?

Datuk Bung Moktar bin Radin: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kinabatangan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya, sila.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Yang Berhormat mungkin menyedari inilah pembangkang ini. Kerja dia sedikit-sedikit masalah hendak tubuh suruhanjayalah. Kalau kita terikut rentak pembangkang ini Yang Berhormat, lingkup kita. Tapi oleh kerana kita tidak ikut, rakyat bagi kita sokongan dalam pilihan raya dan pembangkang daripada banyak bertambah kecil-kecil.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Kalau ini berlaku lagi saya tengok.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Soalan boleh disambung semula nanti.

[Dewan menjadi riuh dengan ketawa]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Jasin, masa sudah cukup. Kita kena rehat dan ucapan Yang Berhormat boleh disambung semula pada jam 2.30 petang.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] ***mempengerusikan Mesyuarat***]

2.30 petang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini bersidang semula. Diminta Yang Berhormat Jasin menyambung semula perbahasan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak, salah itu, ya. Penjelasan Kinabatangan tadi belum selesai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Jasin bagi ke tidak?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, tadi *floor* saya. Masa sebelum berhenti tadi Yang Berhormat Kinabatangan telah bangun dan belum habis soalnya, jadi saya persilakan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Silakan Yang Berhormat Kinabatangan.

Datuk Bung Moktar bin Radin: Terima kasih Yang Berhormat Jasin dan Tuan Yang di-Pertua. Penjelasan yang seterusnya, memandangkan keadaan isu pekerja asing ini begitu kritikal kalau kita lihat, jadi apakah Yang Berhormat meminta kerajaan supaya membenarkan agensi-agensi tertentu sahaja yang beroperasi untuk mengendali pengambilan pekerja asing ini daripada ada orang-orang tertentu ataupun orang-orang *middle man* yang berurusan dengan kerajaan dan tanpa diketahui asal usul siapa yang

sebenarnya meminta dan siapa yang sebenarnya yang berkehendakkan pekerja-pekerja asing ini secara menyuruh.

Yang kedua, apakah Yang Berhormat mungkin untuk menjimatkan kos ataupun perbelanjaan untuk mengangkat pekerja-pekerja asing ini sehingga diseludup. Dalam negara kita ini termasuk di Sabah terdapat 60,000 lebih pendatang tanpa izin. Apakah Yang Berhormat bersetuju supaya mereka ini kita *legalize* kan dan dijadikan pekerja yang sah dan boleh bekerja sebab mereka pun menganggur juga dan sudah tahu keadaan dalam negara ataupun negeri di mana mereka tinggal supaya mereka dijadikan pekerja asing. Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih kepada sahabat saya daripada Kinabatangan. Yang saya hendakkan supaya kerja untuk rekrut pekerja-pekerja asing ini diserahkan kepada agensi berdaftar ialah kerana dengan adanya ini kita boleh kawal. Sebagai mana yang saya cakapkan tadi bahawa industri pekerja asing ini adalah *multi million business*. P. Ramlee dalam cerita Madu Tiga dahulu pun dia sudah nampak ini sehinggakan apabila ipar-iparnya ataupun adik-beradiknya dilelong dia kata “waw, ini kerja jual orang lagi untung” kerja lain tak untung. Dan kalau “calo-calo” ataupun orang-orang yang tidak ada kena mengena yang tidak ada lesen sekarang memainkan peranan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Itu bukan Madu Tiga, Yang Berhormat, tetapi Tiga Abdul.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Tiga Abdul, silap Tuan Yang di-Pertua. Madu Tiga itu abang Aziz kita punya cerita. *[Ketawa]* Sri Gading. Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita bagikan mereka-mereka ini kerajaan rugi. Kalau dalam segi agensi dengan kita menguatkuasakan Akta Pekerjaan Swasta yang mana dalam seksyen-seksyen ini ada menunjukkan bahawa mereka kena lapor, mereka kena simpan buku dan mereka disyaratkan apabila menerima fi-fi komisyen ini kena keluarkan resit dan sebagainya ini bermakna setiap tahun mereka terpaksa akan mengauditkan *company* mereka dan kerajaan boleh kenakan cukai tetapi kepada mereka-mereka yang tidak ada identiti tidak ada lesen ini, calo-calo ini pun kita tidak kenal siapa, kadang-kadang orang daripada luar pun boleh datang berkira dengan pegawai-pegawai DKDN kita, jadi akhirnya kita yang rugi.

Nombor dua soalan yang dibawa oleh Yang Berhormat Kinabatangan, saya tidak bersetuju di *legalize* kan orang yang ada di dalam negara. Yang mana pendaatang-pendatang tanpa izin yang ada di dalam negara ini sudah jelas, kerajaan telah buat keputusan kita hantar mereka balik. Kerana Tuan Yang di-Pertua, kita lihat daripada 400,000 pekerja-pekerja asing tanpa izin yang balik ke negara asal mereka memang susah mereka hendak datang ke mari kerana dia sudah tipu kita. Semasa dia hendak balik dia membuat pasport sementara di kedutaan dia. Kalau di kedutaan Indonesia dia akan keluarkan SPLP (Surat Perjalananan Laksana Pasport) nama dia tulis di situ, dia pun tidak pergi ke kedutaan tetapi calo yang buat kerja dengan gambar. “Apa nama orang ini?”. “Daud” katanya walhal namanya Don maka SPLPnya Daud. Bila dia hendak keluar daripada luar negara dengan Imigresen sudah di *registered* dicap cari di situ Daud, ini gambar dia, namanya Daud cap jarinya begini. Bila dia balik di sana hendak datang balik namanya Don. Jadi itulah sebabnya walaupun KDN kita hantar pegawai-pegawai Imigresen di pusat-pusat kemasukan ini tidak dapat sambutan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Putatan bangun.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya, sila.

Datuk Dr. Marcus Makin Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih sahabat saya daripada Jasin sekali lagi. Tadi saya minta penjelasan daripada sahabat saya dari Jasin tetapi tidak jelas penerangan tadi berkenaan dengan yang saya sebut “sikut-sikut jamu” ini. Saya tidak tahu kalau Yang Berhormat dari Jasin faham perkataan “sikut” ini. Kita perkayakan bahasa kita jugalah. Jadi begini, saya minta penjelasan lagi berkenaan dengan permit masuk melalui agen-agen swasta ini.

Oleh kerana pekerja-pekerja ini mempunyai *spouses*, ahli keluarga maka atas pertimbangan kemanusiaan, maka anak bini turut bersama dengan pekerja itu bekerja di negara kita. Jadi bagaimana pengalaman Yang Berhormat Jasin oleh kerana Yang Berhormat ini ada lesen pengimport pekerja ini jadi adakah juga pengalaman ini termasuk kalau mengimport pekerja-pekerja ini dimasukkan jugalah dia punya *family* dan anak-anak kerana mereka-mereka ini Tuan Yang di-Pertua, dia beranak macam tikus,

ramai di kawasan saya. Macam tikus, terheret-heret, tersorong-sorong, tertarik-tarik menjual sikut-sikut jamu.

Kalau kita mohon di sini bukan senang, kita sorong sini, sorong sana tidak dapat. Jadi bagaimana pula ni calo-calo mendapat kemudahan yang senang sekali dapat mengimport pekerja-pekerja asing Yang Berhormat. Sekian.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ini Yang Berhormat Putatan, yang sebenarnya tidak ada permit dikeluarkan untuk isteri-isteri orang-orang ini. Kalau melihat syarat daripada imigresen, sektor perkhidmatan, pembinaan, perladangan termasuk pembantu rumah, perkilangan pun syarat dia jelas. Kalau dia berkahwin dengan rakyat tempatan pun, itu bermakna visa dia terbatal, dia kena balik, kita larang.

Jadi saya pun terkejut bagaimana di Sabah ini boleh pula ambil isterinya, dikeluarkan permit. Yang saya tahu hanya kalau visa profesional sahaja, visa profesional yang bayar levi RM1,200 yang boleh membawa isteri dia, *spouse* dia. Tetapi bagi pekerja-pekerja ladang tidak ada, yang ini yang susah kerana kadangkala mungkin pegawai-pegawai di imigresen di sana tersilap lihat. Ini kemungkinan yang saya kata tadi, yang saya penuh yakin dan percaya kalau agen yang boleh buat kerja macam tu adalah agen-agen yang tidak berdaftar, tidak berdaftar di bawah Akta yang kita bincangkan ini.

Jadi ini yang menjadi masalah, berbalik kepada Akta ini supaya jangan saya lari jauh, tentang Akta tahun 1981 yang kita akan pinda dua perkara. Saya rasa Akta ini

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman [Lipis]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Lipis, Lipis bangun Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Nanti sekejap, belum habis lagi. Kalau nak ikutkan Akta ini banyak yang tidak bersesuaian lagi pada keseluruhan Akta Ibu ini. Sebagai contoh, berkenaan dengan yang kita bincang perkara pindaan Seksyen 3, tentang Ketua Pengarah Tenaga Rakyat dan kalau kita lihat di Seksyen 7 bahawa orang yang bertanggungjawab untuk mengeluarkan lesen mesti dikeluarkan oleh Ketua Pengarah. Kuasa satu lesen yang sah dikeluarkan oleh Ketua Pengarah, lepas itu kita lihat pula Seksyen 16, satu lesen yang dikeluarkan di bawah Seksyen 7 boleh di *endorse* oleh Ketua Pengarah. Dia yang keluaran lesen, dia pula *endorse*, macam ada

orang lain pula yang keluarkan lesen, ha, ini mungkin jadi di Sabah. Ada orang yang lain pula keluarkan lesen, Ketua Pengarah pula *endorse*.

Disebabkan inilah yang kita huru-hara baru-baru ini. Jadi undang-undang kita dipermain-mainkan macam ini, banyak sangat *loopholes*. Kalau kita nak selamatkan industri, kalau kita nak selamatkan negara kita, saya harap Kementerian Sumber Manusia kita kena perkemaskan balik keseluruhan Akta ini, tidak relevan lagi tahun 2005.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: [*Bangun*]

Tuan Wilfred Madius Tangau [Tuaran]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Tuaran bangun Yang Berhormat. Dua orang bangun, Lipis sama Tuaran.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Lipis dulu baru Tuaran.

Tuan Mohamad Shahrudin bin Osman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, ini Yang Berhormat daripada Jasin. Ini mengenai dengan latihan, dari aspek latihan. Jadi semalam sebenarnya saya pergi makan di kedai, kedai restoran Pelita ataupun dia ada tulis 786, 786 ada bintang. Jadi saya minta air yang canggih sikit lepas nasi kandar tu minta air yang canggih sikit. Bila saya sebut sahaja, air yang ada taruk susu, dia tak tahu, dia kata nombor. Saya kata air ni, dia kata nombor, nombor. Jadi bila saya sebut nombor empat, rupanya dia tahu nombor sahaja. Cakap tak tahu.

Jadi bagaimana dari segi latihan sebelum jadi pembantu kedai tu, perlu tak kita latih dia?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Yang sebenarnya Yang Berhormat Lipis, kalau ikut dari apa yang telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Kabinet, orang itu tidak layak untuk bekerja di restoran itu. Restoran yang kita luluskan untuk pekerja-pekerja daripada India hanya tukang masak dan tukang cuci pinggan, itu sahaja. Tapi pada hari ini, jadi operator, jadi tauke, jadi *cashier*, jadi yang tukang *server* pun macam yang disebut oleh sahabat saya Lipis tadi. Semua diimport khas, dan malang kalau sebut tentang Pelita dan Restoran Nasi Kandar.

Saya nak beritahu Dewan yang mulia ini memang kita tengok, senang kita nak cari makan, tetapi dengan wujudnya nasi kandar kalau kita tak *control*, kalau kita buat sesuatu, perusahaan anak watan negara ini yang membuat kedai kopi, restoran kedai

makan akan tutup semuanya. Ini sedang berlaku di Jasin kawasan saya, wujudnya restoran nasi kandar di Merlimau, kedai-kedai makan kecil-kecil, gerai-gerai makan, semua sudah tutup.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada tambah satu lagi Yang Berhormat, Ketereh bangun.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ketereh bangun, tak, bagi Tuaran dulu Ketereh. Ha, saya ni adil Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Wilfred Madius Tangau: Terima kasih Yang Berhormat Jasin. Balik kepada soal pengeluaran lesen tadi, adakah Yang Berhormat sedar bahawa ada juga selain daripada lesen ada lagi pengagihan kuota, bukan sahaja kepada orang yang mempunyai lesen tetapi kepada yang calo tadi tu. Kepada calo pun diberi kuota, jadi siapa sebenarnya yang berkuasa dan mana satu undang-undang yang digunakan untuk mengeluarkan kuota-kuota ini. Siapa yang mengeluarkan kuota-kuota ini?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih Tuaran, saya kalau nak sebut, ya Allah, ini yang berlaku ini, orang-orang tertentu dapat kuota. Walhal peraturan dia kata agensi tak boleh, *direct hiring* oleh majikan. Tapi ada orang tertentu mendapat kuota ni, yang itu saya minta maaf kerana kadang-kadang kita bercakap ada di kalangan kita di sini pun dapat saya tahu.

Ahli-ahli Dewan: *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Dia lebih kurang cerita AP keretalah Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Ahli-ahli Dewan: *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Lebih kurang macam itulah. Jadi faham-faham sendirilah, untung-untung esok kita yang dapat. Ya, Ketereh.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ketereh bangun Yang Berhormat.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat daripada Jasin. Saya ada dua perkara, pertama saya tertarik dengan ketawa Yang Berhormat Jasin, dia antara bunyi dengan tidak.

Yang kedua, Yang Berhormat Jasin sebut tadi, buruh asing atau pekerja untuk sektor perkhidmatan ini yang boleh masuk ialah hanya tukang cuci pinggan dengan tukang masak. Tetapi yang berlaku sekarang ini yang menjadi pelayan, so boleh tak saya minta penjelasan apa penalti kepada majikan atau penalti yang akan diambil oleh Kementerian Sumber Manusia atau Kementerian Dalam Negeri yang Jasin nak cadangkan kepada orang yang dah langgar peraturan. Kalau kita cakap berdegar-degar di sini, dia buat juga, tapi penaltinya apa? Tangkap, buang, hantar balik? Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Kalau kita lihat sahabat saya daripada Ketereh, [Akta 246] - sumber manusia tidak ada. Penalti kepada agensi yang melanggar, agensi, tidak ada. Kepada agensi sahaja, kepada calo ni tidak ada, yang ada boleh diambil atas Akta Imigresen, yang ini tidak ada. Sebab itulah saya kata tadi, Akta yang kita bincang ini ibarat kata kita bagi kepada Kementerian Sumber Manusia, lambang harimau tak ada gigi.

Tuan Loh Seng Kok [Kelana Jaya]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Kelana Jaya.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya, Kelana Jaya.

Tuan Loh Seng Kok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jasin. Saya mengamati perbahasan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Jasin. Dan saya nak minta penjelasan apakah seperti mana yang diberitahu dimaklumkan kepada Dewan ini bahawa Yang Berhormat Jasin sendiri pun ada mengendalikan agensi. Apakah agensi Yang Berhormat Jasin mempunyai kuota juga?

Tuan Yang di-Pertua, ada dua isu saya nak bangkitkan dengan isu pekerja asing ini, dari dua perspektif iaitu perspektif isu kemahiran kerja dan juga isu keselamatan.

Di negara kita ini, kita memang perlukan pekerja asing ataupun tenaga buruh di sektor pengilangan, sektor perladangan dan sektor pembinaan, termasuk juga sektor keluarga. Apakah agensi pekerjaan swasta ini patut dipertanggungjawabkan untuk melatih pekerja-pekerja asing yang diambil dari luar negeri, supaya mereka itu sesuai dimasukkan ke dalam sektor-sektor yang berkenaan. Ini kerana, pada masa kini kita lihat agensi pekerjaan swasta hanya bertindak sebagai orang tengah untuk membawa masuk tenaga buruh ini ke negara kita. Maka, timbullah soal apakah orang-orang yang

dibawa masuk ke negara kita ini sesuai untuk kerja-kerja tertentu. Siapakah mereka yang patut diberi latihan?

Isu yang kedua adalah isu keselamatan. Seperti mana yang telah dimaklumkan kepada dewan ini oleh Yang Berhormat bagi Tuaran semalam, di Sabah ada lebih daripada 95,000 pekerja asing termasuk yang datang dari Filipina. Beberapa hari yang lalu, kita juga dengar bahawa mereka yang memegang IMM13 juga dibenarkan bekerja dan jumlahnya adalah lebih daripada 60,000. Apakah dari segi keselamatan negara? Apakah ini bukan hanya menggugat keselamatan negeri Sabah. Kalau mereka ini beredar dari satu negeri ke satu negeri yang lain, apakah ini juga *posting a threat*, mengancam keselamatan negara, termasuk negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Minta penjelasan. Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kelana Jaya. Yang sebenarnya agensi saya ini, saya sudah serahkan kepada adik saya sebelum saya jadi wakil rakyat lagi. *[Ketawa]* Jadi kalau hendak ikut *intrest*, sudah tidak ada dah. *[Ketawa]* Berkenaan dengan kemahiran kerja dan keselamatan, *on paper* memang cantik. Kalau kita sebutkan hendakkan kemahiran, jadi negara sumber itu akan kata, apabila surat perjanjian dibuat antara Kementerian Sumber Manusia dengan Kementerian Tenaga Kerja, contohnya di Indonesialah. Dia akan patuh semua dan dia katakan bahawa setiap pekerja yang hendak hantar kepada negara kita ini, akan melalui dia punya BLK dia itu, Balai Latihan Kerja dia, BLK.

Di Indonesia, disebut begitu BLK, balai latihan kerja. Tetapi yang sebenarnya tidak ada. Hanya nama sahaja. Alangkan *medical certificate* itu, Datuk pun pengamal perubatan tahu. *Medical certificate*, kalau hospital 'Gatok Si Proto' itu ada dekat Jakarta. Tetapi Medan pun hospital 'Gatok Si Proto', dia pergi printi balik kerana Imigresen luluskan Hospital Angkatan Tentera 'Gatok Si Proto' Jakarta. Tetapi, di Palembang pun keluar 'Gatak Si Proto', di Pekan Baru pun 'Gatok Si Proto', di Medan pun begitu.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: *[Bangun]*

Tuan Wilfred Madius Tangau: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, dua orang lagi bangun Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya, sila sahabat saya, anak buah saya, nanti dia marah Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya Tangga Batu, sila.

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Saya seronok dengar Yang Berhormat bagi Jasin cakap begitu kerana secara tidak rasminya, Yang Berhormat bagi Jasin juga adalah wakil rasmi Kerajaan Negeri Melaka di Indonesia. *[Ketawa]*

Jadi, apa yang saya hendak kaitkan dengan hujah Yang Berhormat bagi Jasin sebentar tadi. Ada kebenarannya juga kerana Yang Berhormat bagi Jasin pun almaklum, Majlis Belia Melaka adalah antara NGO yang juga melaksanakan beberapa program latihan kemahiran oleh pekerja-pekerja Indonesia ini apabila kita menempatkan mereka di dalam *Implant Training* di sebuah syarikat *cubic electronics* di Melaka Tuan Yang di-Pertua. Jadi, hasilnya kita dapat lihat ialah sebenarnya, pekerja-pekerja Indonesia ini memang dia tidak mahir.

Dia tidak mahir dan mereka memerlukan satu jangka masa untuk mereka memahirkan apa juga bidang kerja yang diharapkan oleh pihak majikan mereka untuk lakukan. Jadi, hasilnya pada hari ini kita telah menerima lebih kurang 600 orang pekerja-pekerja Indonesia yang kita latih mereka selama enam bulan dan mereka ini menerima elaun. Yang peliknya Tuan Yang di-Pertua, mungkin Yang Berhormat bagi Jasin boleh bersetuju dengan saya, pihak majikan mendapati walaupun pada peringkat awal *defect product* yang dihasilkan oleh pekerja-pekerja asing ini adalah begitu tinggi, tetapi akhirnya mereka boleh menggunakan produk yang dikeluarkan oleh pekerja-pekerja Indonesia ini sebagai produk utama mereka.

Jadi, daripada mereka membayar gaji sebanyak mungkin RM500, RM600 sebulan, mereka cuma hanya membayar gaji RM200 hingga RM300 sebulan dan mendatangkan pulangan yang tinggi kepada syarikat mereka. Jadi Yang Berhormat bagi Jasin boleh komen tentang apa yang saya telah sampaikan tadi sebagai perkongsian pengalaman. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Memang ada. Di Imigresen juga pernah luluskan *on job training*. Bukan sahaja daripada Indonesia tetapi negara-negara sumber yang lain, termasuk

daripada Negeri China. Banyak di antara orang-orang di sana datang ke Malaysia atas visa yang itu, *on job training*. Tetapi kita lihat akhir-akhir ini kilang-kilang dia suka memohon macam itu kerana dia tidak payah membayar gaji penuh, separuh sahaja. Untung lagi kilang. Akhirnya, Imigresen tutup visa itu dan diperketatkan, kerana kilang-kilang ini ambil kesempatan. Kononnya hendak bagi *on job training* kepada mereka ini, tetapi yang sebenarnya inilah peluang bagi mereka untuk membayar gaji separuh, lebih murah lagi.

Jadi Yang Berhormat Datuk, saya hendak terangkan juga daripada rakan-rakan, yang sebenarnya kemahiran di Indonesia, sebut sahaja. Indonesia sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Tangga Batu tadi, oleh kerana penglibatan saya sudah lama di Indonesia dan apa sahaja yang Kerajaan Negeri Melaka hendak buat Indonesia, saya kena rintis dulu. Semak-semak semua saya tebaslah. Bila sudah terang, Tangga Batu datang. *[Ketawa]*

Kalau misalan kata pembantu rumah macam iklan dalam surat khabar, yang ini pun Kementerian Sumber Manusia ini kena ambil tindakan, iklan-iklan pembantu rumah di dalam surat khabar. Sama ada langgar undang-undang akta ataupun tidak, tetapi saya percaya, pernah saya dulu, agensi saya telah dihukum kerana mengeluarkan cerita dalam surat khabar, iklan. Saya dihukum. Tetapi sekarang ini saya tengok hari-hari dalam surat khabar, iklan yang terlatihlah, apa semua. Yang sebenarnya, kalau setakat satu, dua bulan, bagaimana hendak melatih pembantu rumah ini?

Tuan Eric Enchin Majimbun: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Orang di Indonesia ini, minta maaf sekejap. Biar saya habis dulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum bagi Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Orang di Indonesia ini, yang jadi pembantu rumah, kebanyakan mereka yang hidup daif di kampung-kampung, yang mana keadaan Malaysia kita 40, 50 tahun dulu. Lantai pun lantai tanah. Dia datang ke Malaysia hendak jadi pembantu rumah, barulah jumpa seterika elektrik. Itulah masa baru dia pegang. Belum lagi mesin basuh, belum. Jadi, kalau hendak training orang ini, ibarat zaman kita Tuan Yang di-Pertua, tahun 60-an dulu, kita mengajar orang-orang kita dulu,

sekolah dewasa, berapa punya susah. Hendak suruh mengeja pun satu tahun, pun belum tahu dapat. Adakah latihan untuk pembantu rumah hendak buat kerja rumah kita dengan seterika baju, dengan dobi baju, dengan jaga anak boleh cukup masa dua minggu? Tidak boleh buat. Jadi, jelas tipu semua itu. Jadi iklan yang dibuat di dalam surat khabar ini, yang KSM meluluskan ini, tipu. [Ketawa]

Tuan Eric Enchin Majimbun: [Bangun]

Tuan Wilfred Madius Tangau: [Bangun]

Tuan Haji Idris bin Haji Haron: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ada tiga yang bangun Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Putatan dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sepanggar. Sepanggar.

Tuan Eric Enchin Majimbun: terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Jasin. Tadi Yang Berhormat Jasin telah menyentuh mengenai keselamatan kesihatan buruh. Saya berpengalaman di mana saya didapati satu maklumat daripada pihak doktor, di mana seorang buruh telah didapati mendapat penyakit HIV. Kemudian buruh itu telah diberi satu notis keluar dari Sabah tetapi tiba-tibanya sebulan selepas itu balik buruh itu juga ada di Kota Kinabalu.

Ini satu pengalaman yang saya tidak tahu siapa yang akan memantau, siapa yang akan cari kesalahan ini. Disebabkan FOMEMA telah didapati bahawa memang orang itu adalah *courier positive* HIV. Apa pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Macam saya sebutkan tadi, pihak kesihatan kita telah memperakui beberapa pusat rawatan ataupun hospital untuk menjalani pemeriksaan kesihatan tetapi kebanyakannya di bandar-bandar besar, Jakarta, Surabaya, Medan, yang besar.

Mungkin di Malaysia Timur sana belah Kalimantan mungkin di Pontianak ataupun dengan Sabah itu Tarakan. Tarakan itu bandar kecil, kalau kita itu dekat sini lebih kurang Tampin ataupun lebih kecil lagi lebih kurang Merlimau. Mana ada facilities yang kita perlukan untuk *blood test* dan sebagainya.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruddin [Jerai]: [Bangun]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Nanti kejap. Mana ada? Nunukan lagi teruk, Tanjung Balai Asahan lagi teruk. Jadi, bandar dia Jerai pun besarlah [Ketawa]

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Hendak bagi siapa Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Jerai, Jerai.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Jerai.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya bersimpati sungguh dengan Jasin, dia terpaksa membuka rintisan-rintisan untuk Tangga Batu hinggan rambut pun habis, [Ketawa] tinggal kepala sahaja. Itu perjuanganlah. Saya hendak minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tetapi Yang Berhormat, dia ketawa tidak keluar suara.

Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin: Dia ada hikmahnya, Tuan Yang di-Pertua. Saya tanya Yang Berhormat bagi Jasin, dia ada rahsia untuk hendak bagi tumbuh rambut balik iaitu bawang merah dengan kicap. Bawang merah dengan kicap lumur atas kepala. [Ketawa] Arau pun, Arau sudah bubuh sudah. [Ketawa]

Bila kita dengar balik cerita-cerita ini, Tuan Yang di-Pertua, teringat saya cerita 'The Root', [Disampuk] Hah! Kunta Kinte, di mana manusia itu dijadikan hamba sedemikian rupa. Kita sebagai dunia yang bertamadun pada hari ini, walaupun Barat adalah kejam dengan menghina, membunuh orang, mereka lebih kejam dari zaman yang tidak bertamadun suatu ketika dahulu tetapi kita yang bertamadun ini harus melihat dari sudut perikemanusiaan.

Mereka tidak akan bergadai nyawa untuk datang ke Malaysia untuk mencari rezeki, contohnya mereka naik bot, tenggelam dalam laut dan sebagainya, semata-mata untuk mencari rezeki yang halal tetapi kadang-kadang sindiket-sindiket ataupun agensi-agensinya menyalahgunakan dan memperalatkan mereka sehingga mereka ini dianiayai menjadi pelacur-pelacur dan sebagainya.

Mungkin cadangan ini, saya terfikir tadi, mungkin juga agensi-agensi yang telah dipilih oleh kerajaan yang benar-benar bertanggungjawab mengadakan pusat-pusat latihan di negara-negara tersebut, *recruit* mereka di sana, kursuskan mereka di sana, selitkan budaya kita, menyiasat balik latar belakang mereka, sama ada mereka ini dari kumpulan yang baik atau tidak. Kemudiannya apabila ini semua selesai kita proses dan hantarkan mereka ke negara kita.

Bermaknanya tidak payah mereka datang ke sini mengeluarkan belanja, kemudian kita latih mereka. Mungkin kadang-kadang yang datang itu tidak selayak yang kita perlukan. Biarlah diadakan macam kursus di sana, kita adakan pusat latihan untuk sama ada pembantu rumah, sama ada kerja-kerja lain yang diperlukan di Malaysia ini. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Jasin? Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Tidak setuju. [*Ketawa*] Saya tidak setuju, Tuan Yang di-Pertua, pasal undang-undang dia tidak membolehkan kita buka di sana serupa juga macam undang-undang kita. Akta yang kita akan pinda tuan-tuan boleh baca, Seksyen 9, "Tiada satu lesen untuk menjalankan urusan satu agensi pekerjaan swasta boleh diberi melainkan urusan itu dijalankan oleh seorang perorangan adalah warganegara Malaysia dan kalau ada kongsi-kongsi dia pun mesti warganegara Malaysia."

Begitu juga di negara semua, dia tidak benarkan orang luar operasi di negara dia, dia hendak dia sendiri. Hanya yang boleh pada kita hari ini kalau kuasa ini diberi balik kepada agensi, agensi Malaysia boleh kerjasama dengan agensi di sana kerana telah dibuat kerajaan G2G dahulu kerajaan di bawah *task force* buat kerjasama dengan Peti Bijak dekat Indonesia ternyata gagal.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Lipis]: [*Bangun*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dua bangun, Yang Berhormat, Lipis dengan Sri Gading.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Lipis jangan, jangan dahulu. Abang aku ini kalau dia mengamuk kang susah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sahabat saya Jasin ini hebatlah, hebat. Ini ada kosong ini nampaknya boleh ke sana. *[Ketawa]* Dia pun rakan-rakan jugakan, ada kosong saya dengar ceritalah, hari ini Kabinet buat keputusan ada macam kosonglahkan. Nampak Jasin ada tokohlah, tokoh. *[Disampuk]*

Masalah pekerja asing yang jadi masalah besar ialah pekerja Indonesia kerana secara kebetulan kita punya perairan yang panjang ini, kebanyakannya bersempadan dengan Indonesia dan kebetulan pula kalau daratannya pun, Sabah dan Sarawak bersempadan dengan Indonesia. Antara negara yang paling ramai pekerja asing yang tanpa ada apa-apa dokumen ini, yang pernah berlaku di dunia ini ialah pekerja asing daripada Indonesia ke Malaysia. Tidak ada, tidak ada negara lain yang dibanjiri oleh pekerja asing dari Indonesia.

Pekerja asing Indonesia yang tanpa ada apa-apa ini tidak berani ke Singapura, dia tidak akan pergi ke Thailand, dia juga tidak akan pergi ke Filipina, dia akan datang ke Malaysia. Dia datang ke Malaysia dengan dua jalan, dua lorong. Betul ke ini lorong, dua jalanlah. Pun tidak berapa tepat. Dua cara, satu halal, satu haram. Walhallalul Walharamu. *[Brcakap dalam bahasa Arab]* Halal dan haram.

Kebanyakan yang haram ini kerana masalah di negaranya sendiri. Saya dengar pekerja, wallahualam, Jasin ini lebih kerap ke Indonesia. Dia tahu Indonesia. Kenapa dan mengapa dia kerap ke Indonesia, tanya sama dia/ *[Ketawa]* *[Disampuk]* Ya!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Harap-harap, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tangga Batu pun tahu itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Harap-harap dia tidak ada rumah di sanalah, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tidak tahu, Tuan Yang di-Pertua, tidak tahu kita. *[Ketawa]* Antara sebabnya, yang saya katakan Jasin lebih tahu kerana bayaran yang dikenakan oleh Kerajaan Indonesia kepada warganegaranya yang hendak secara halal masuk ke Malaysia begitu tinggi. Setengah kata kena bayar dua juta rupiah, dua juta maknanya hampir lebih kurang RM1000. Jasin lebih tahulah tentang

pertukaran ini. RM1000 bagi orang Indonesia, lumayan pak, lumayan, engak mampu aku pak kerana hendak cari RM1000 payah.

Maka itu jalan rentas, jalan mudah yang baik ialah menyusup masuk secara haram sama ada di darat mahupun di laut. Jadi bagaimana itu yang kata G dengan G itu? G dengan G (G to G) ini masuk tak perkara-perkara yang menjadi kesulitan kepada rakyat Indonesia yang secara ikhlas hendak masuk ke Malaysia secara baik tetapi tergalang kerana tidak mampu, maka berlakulah seperti yang sama-sama kita tahu. Penjelasan, Yang Berhormat bagi Jasin, terima kasih.

Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih kekanda saya, Yang Berhormat bagi Sri Gading. Hanya Yang Berhormat bagi Sri Gading lupa, di antara negara yang mempunyai sempadan yang panjang macam kita dengan Indonesia ialah Mexico dengan Amerika yang mana pelarian Mexico masuk ke Amerika lebih 10 juta orang dan apa yang berlaku antara Indonesia dengan Malaysia, seolah-olah Malaysia pun standardnya macam Amerika, abang, tinggi! Itu yang kita sayang. Tinggal lagi penguatkuasaan kita tidak macam Amerika. *[Disampuk]* Kelam kabut.

Dan saya hendak menerangkan kepada Tuan Yang di-Pertua di Dewan yang mulia ini, janganlah marah sangat saudara saya di Indonesia itu kita caj dia tinggi. Untuk makluman, tiap-tiap pekerja yang hendak datang ke Malaysia ini oleh kerana kita hendak buat dengan cara sah, mereka mesti datang dengan pasport yang sah. Dan untuk membuat pasport yang sah, orang Indonesia bukan macam kita. Hari ini kita dilahirkan, kita melahirkan anak kita sahaja terus keluar surat beranak. Umur 12 tahun kita diwajibkan ambil kad pengenalan.

Orang di Indonesia, abang, Yang Berhormat bagi Sri Gading, bila hendak datang bekerja di Malaysia, masa itulah hendak buat surat beranak, masa itulah hendak buat kad tepek, 'katu' penduduk. Masa itulah hendak buat. Jadi dia kena buat Akta Kelahiran, Akta Keluarga, semua hendak kena akta-akta ini dan bukan satu. Macam kita sini, kita boleh pergi ke Jabatan Pendaftaran, kita boleh dapat semua. Dia kena pergi kepada 16 jabatan baru boleh dapat satu pasport. Ini surat, ini hendak kena jumpa kepala desa, kepala segala kepala, *[Ketawa]* baru...

Seorang Ahli: Pelincir?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ha, yang pelincir itu jangan kira. Itulah sebabnya ongkosnya pak, tinggi! Jadi jangan marah, kasihan kat dia pak oi!. Itulah sebabnya kita kena lihat mereka sebab itu mereka ini suka datang dengan cara haram. Dan saya ucapkan ribuan terima kasih kepada kerajaan yang telah membuat keputusan yang tepat kerana kita tidak membuat kerja-kerja pemutihan. Kalau kita jadi buat kerja pemutihan hari itu, untuk makluman, Tuan Yang di-Pertua dan Dewan yang mulia ini, di sempadan-sempadan – saya tidak tahu di Kalimantan kerana saya bukan orang Sabah atau Sarawak. Saya tidak tahu keadaan di sana. Tetapi kalau dekat pintu-pintu masuk daripada Johor sampai ke Kelang ini, saya tahu. Sampai ke Medan ini saya tahu. Di Mekala sahaja di Tanjung Tuan, di Pulau Rupert, sudah menunggu lebih kurang 50,000 orang warga Indonesia hendak datang secara haram dengan harapan Kerajaan Malaysia membuat balik kerja pemutihan, dia pun masuk.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Oleh kerana Kerajaan Malaysia kata hendak Ops Tegas ini, tegas kita hantar balik, mereka pun balik, Tuan Yang di-Pertua. Kalau hari itu kita buat cara pemutihan balik, saya penuh yakin dan percaya, lebih daripada 200,000 pendatang tanpa izin akan *cross over* cara berenang ke, cara naik apa, dia tidak kira. Janji dia mahu datang ke bumi bertuah, Malaysia ini, kerana dengan adanya bumi Malaysia, berubah tempatnya.

Di Pulau Lombok di Indonesia, pada hari ini kalau Ahli Parlimen hendak pergi, saya boleh bawakan. Ada satu kampung namanya Kampung Malaysia. Segala rumah di sana dibuat banglo ikut cara kita di Malaysia kerana pekerja-pekerja Lombok membuat rumah dan namanya di Malaysia, nama Kampung Malaysia. Ada satu lagi pula kampung dia, Tuan Yang di-Pertua, Kampung Janda Malaysia. *[Disampuk]* Janda Malaysia ini kerana suami dia semua ada di Malaysia, yang tinggal isteri sahaja. *[Ketawa]* Sila, Yang Berhormat bagi Mambong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya. Yang Berhormat bagi Mambong.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Saya memang setuju kalau pada masa itu kerajaan buat pemutihan, memang ramai yang akan masuk. Tetapi di Sarawak, saya rasa

gambarannya agak berlainan. Walaupun ada pemutihan ataupun tidak ada pemutihan, mereka masuk setiap hari, masuk jalan tikus tetapi mereka balik. Ini bukan persoalan pekerjaan kerana beratus-ratus tahun sebelum sempadan ditetapkan dengan Indonesia dahulu, kami keturunan Bidayuh, memang hidup bersama mereka yang di sebelah sana.

Sehinggalah sekarang, bilangan penduduk Bidayuh, 3.5 juta orang tetapi di Sarawak hanya 180,000. Jadi kami pun mahu mereka datang supaya bilangan kami makin bertambah. *[Ketawa]* Tetapi bukan macam itu, Tuan Yang di-Pertua. Walaupun mereka di sebelah sana taraf kedudukan mereka, taraf ekonomi mereka hampir sama dengan kita di sebelah sini sebab beratus-ratus tahun mereka membuat *business*, pekerjaan dengan kita di sini. Mereka tidak pergi ke bandar seperti Pontianak kerana kalau pergi ke Pontianak untuk menjual hasil-hasil tani mereka, ini mengambil masa sekurang-kurangnya dua minggu, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi kalau mereka datang ke sebelah kita, pekan Padawan untuk menjual lada hitam mereka dan hasil-hasil tani yang lain, ini hanya mengambil masa enam atau lapan jam. Jadi lebih dekat lagi.

Duit yang mereka guna adalah Ringgit Malaysia, bukan Rupiah. Jadi, walaupun saya setuju bahawa kerajaan tidak melaksanakan pemutihan dahulu, namun hanya satu sahaja kebimbangan, saya harap Yang Berhormat akan masuk di dalam cadangan Yang Berhormat dengan kerajaan, hanya saya takut penyakit, merebaknya penyakit seperti malaria dan TB kerana ini adalah satu penyakit merbahaya. Pada satu ketika dahulu di sebuah sekolah kebangsaan, seluruh murid-murid di sekolah SK Kebong kena penyakit malaria. Ini adalah satu kesulitan. Minta penjelasan. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong. Walaupun keluarganya di seberang sana, tetapi demi untuk Malaysia, apa yang telah dibuat oleh kerajaan tempoh hari, tidak mengadakan pemutihan adalah satu langkah yang betul. Bukan sahaja Yang Berhormat bagi Mambong dapat rasa, saya pun kalau hendak ikutkan moyang-moyang saya pun datang dari Indonesia. Tinggal lagi ada sedikit 30% Arab, macam kata Yang Berhormat bagi Sri Gading. Memang, dan kita hendak biarkan mereka ini di sana, Yang Berhormat bagi Mamong.

Macam juga kita di Melaka, kalau ikut di Kuala Linggi dengan Pulau Rupert di Indonesia itu, hanya 26 *nautical miles*. Kalau ikut batuan dia, lebih kurang 50 batu

sahaja, bukan jauh. Pada cuaca malam yang indah, boleh nampak lampu Indonesia, Indonesia boleh nampak kita.

Begitu juga Pulau Bengkalis dengan Batu Pahat, boleh nampak Sri Gading, dekat. Mereka kalau datang itu sekejap sahaja, tiga, empat jam dengan bot sudah sampai, kalau pakai *speed boat* kurang daripada satu jam sudah sampai ke pantai, itulah sebabnya pada hari ini kita pening kepala, sekarang ini kecurian motosikal dan apa semua dibawa lari ke seberang. Ini yang timbul masalah tetapi dari segi perdagangan antara kita Malaysia dengan Indonesia hari ini menguntungkan kita, kerana mereka lebih dekat hendak datang ke Melaka daripada pergi di kapital di Riau di Pekan Baru lebih dekat di Melaka, jadi biarkan mereka di situ Mambong. Kita ibarat, dikatakan seperti kata pepatah orang bijak pandai, "Kita tidak berapa cerdik, kita kena berkawan dengan orang bodoh kita jadi raja", Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Kalau kita tidak berapa cerdik dan kita berkawan dengan orang pandai, kita jadi kuli. Jadi biar dia duduk di sana, kita jadi raja.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Sila Lipis.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat dari Jasin. Ini berbalik kepada soal pekerja asing yang menjadi pembantu rumah, mereka ini menjadi pembantu rumah dan kebanyakan daripada masa mereka tinggal di rumah dengan anak-anak. Jadi budaya mereka dibawa kepada anak-anak ini, anak-anak akan mengikut budaya pembantu rumah..

Seorang Ahli: Cakap pun ikut.

Tuan Mohamad Shahrum bin Osman: Cakap pun silap-silap sudah jadi ikut cakap pembantu rumah, mungkin cakap Indonkah cakap Filipinakah dan sebagainya. Jadi ini saya pasti akan memberi kesan kepada generasi kita yang akan datang dan sudah pasti kalau dahulu tidak ada pembantu rumah daripada Indonesia, mungkin Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Warisan, tidak payah buat kempen budi bahasa. Jadi macam mana dengan aspek budaya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Jasin.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ini tepuk dada tanya selera Yang Berhormat Lipis, kerajaan telah membenarkan beberapa negara sumber, Indonesia, Filipina, Thailand, Sri Lanka untuk hendak mendapatkan pembantu rumah. Tetapi masing-masing di Indonesia ini mereka lebih suka Indonesia dan saya tidak tahu kenapa, saya pun tidak tahu kenapa? [*Yang Berhormat dari Ipoh Timor masuk dewan menuju ke tempat duduknya*]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: Berapa kali mahu ambil *floor*? Tadi sudah cakap, ini cakap juga?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, duduk dahulu Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Hei, saya punya *floor* saya punya suka. Apa fasal baru sampai? Sepatutnya 2.30 sudah masuk. [*Ketawa*] Jadi terserah kepada yang hendak menggunakan perkhidmatan pembantu rumah, kalau hendak yang banyak duit, itu sebab dalam peraturan mengambil pembantu rumah bagi mereka yang berpendapatan RM2,000 atau RM1,500 boleh ambil Indonesia, kalau pendapatan lebih daripada RM3,000, dibenarkan mengambil Filipina. Yang Filipina pula kalau hendak anak tuan-tuan ataupun Yang Berhormat bercakap orang putih ambil Filipina tetapi tahu sahajalah. Lebih daripada 4.30 overtime. Ikut peraturan, *condition number one, condition number two, condition number three, condition number four* sampai *condition number ninety nine. Sunday off, Saturday half-day*, esok kalau kerajaan buat lima hari seminggu dia pun hendak buat lima hari mengikut *government*, katanya tetapi Indonesia alhamdulillah, tujuh hari tujuh malam pun tuan-tuan begitu pun *carry-on* juga, gaji sama juga.

Berkenaan dengan penyakit bagaimana yang ditimbulkan oleh Mambong dan juga Lipis. Masalah inilah yang kita hendak perbetulkan, anak-anak kita daripada dilahirkan dan sudah diberi *vaccination*, macam-macam dan satu ketika negara kita tidak jumpa lagi penyakit-penyakit untut, penyakit-penyakit tibi, penyakit-penyakit yang berjangkit kulit, sudah tidak ada sudah. Tetapi oleh sebab kurang pengawalan daripada pekerja-pekerja asing ini yang mana dia punya *health certificate* pun ditipu, “diciplak” kata orang Indonesia, “diciplak” maka pada hari ini kita sudah jumpa balik *elephantiasis*, sudah jumpa balik tibi dan penyakit-penyakit kulit yang sudah hilang.

Jadi adakah kita hendak biarkan keadaan macam ini ataupun kita hendak perbaiki keadaan. Jadi saya rasa pada hari ini saudara-saudara memang kita hendakkan, kita perlu, suka dan tidak suka kita perlukan tenaga asing di dalam negara kita, tetapi kita hendak kawalannya dan hari ini kalau kita tengokkan rakan-rakan, apabila timbul masalah tunjuk kepada agensi walhal dalam penyata pada hari ini, dalam Akta Agensi Pekerjaan Swasta, agensi pekerja asing pada hari ini tidak ada kuasa untuk membawa pekerja-pekerja asing kecuali pembantu rumah Tuan Yang di-Pertua. Semua kuasa pada hari ini diberi kepada imigresen yang mana telah membuat ketetapan bahawa semua pekerja asing dalam apa sahaja perkhidmatan dibenarkan *direct hiring*. Oleh sebab peraturan itu banyak *lopeholes* yang mana pada hari ini ada orang yang menyamar dan mengatakan dia wakil majikan, ini jelas.

Saya minta pihak berkuasa datang ke pelabuhan Melaka, pelabuhan feri Melaka di Sungai Melaka yang menjadi pintu masuk pekerja-pekerja asing di Indonesia, siapa yang menerima pekerjanya? Adakah majikan sendiri yang menerima kerja ataupun calo-calo yang tak berlesen ini yang menerima pekerja?

Kadang-kadang saya malu Tuan Yang di-Pertua, yang kita agensi berlesen ini diketepikan begitu sahaja. Calo-calo pakai seluar pendek berlagak sebagai majikan

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timor]: [*Bangun*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, Ipoh Timor bangun Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Dia kata dia berlagak mewakili majikan, sila Ipoh Timor, ini dia orang kampung Tuan Yang di-Pertua, dia orang kampung saya dahulu

Tuan Lim Kit Siang: Ya, dari Jasin, ya...

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Jiran dekat sebelah rumah, kejam dia lari ke Penang, kejam dia lari selepas itu dia tidak tahu hendak lari ke mana Tuan Yang di-Pertua, saya pun rindu dekat dia Tuan Yang di-Pertua, jiran belakang rumah Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Tidak apa Yang Berhormat, tidak apa Yang Berhormat, sudah berjumpa di Parlimen.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya, dapat jumpa di Parlimen.

Tuan Lim Kit Siang: Ya, ya....saya mahu lihat dunia, mahu lihat dunia bukan sebagai '*Frog in the well*'. [*Ketawa*] Saya percaya semalam Yang Berhormat Jasin berdiri dan berkata semua Ahli Parlimen sudah *out of the topic*. Tidak ada kena-mengena dengan pekerja asing sekarang beliau berbincang mengenai pekerja asing sendiri *out of the topic*. Kalau lain orang *out of the topic* tidak apa, tetapi apabila sendiri kata kepada orang lain *out of the topic*, sendiri pun *out of the topic*, bukankah ini aneh? Kata orang lain *irrelevant* tetapi sendiri pun *irrelevant* apa boleh diberi alasan? Huh? Betul bukan? Betul? Dia *irrelevant*....[*Dewan riuh dengan sorak*]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Yang Berhormat Ipoh Timor, Yang Berhormat Ipoh Timor, Yang Berhormat Ipoh Timor datang pukul 3 lebih tadi, jadi apa yang saya cakap, saya sudah menyanyi 'Oh! Carol' sampai sudah habis dengan *ending* sudah, baru Ipoh Timor masuk itu yang keliru ini. [*Ketawa*] Jadi janganlah macam itu, yang kita bincangkan ini sudah saya katakan tadi, apa sahaja tentang buruh asing dia akan *pinpoint* agensi yang bekerja, yang sebenarnya agensi tidak buat kerja ini. Dilarang membuat kerja ini, tetapi tuduhan kepada agensi ini maksud saya Ipoh Timor, *that is lesson number one*. [*Dewan menjadi riuh seketika dengan ketawa*] Lain kali kalau hendak campur urusan orang tengok dahulu dan lihat. Ada mata pandang pandang, ada telinga dengar, jangan sebarang-sebarang masuk, apabila sebarang masuk nanti esok tiga bulan kena gantung kerana silap masuk. [*Ketawa*]

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan, penjelasan. Siapa tiga bulan gantung? Oh! Timbalan Menteri Environment, tiga bulan gantung, adakah setuju, adakah semua bersetuju? Atau rasa ini tidak adil, adakah rela berdiri berkata ini tidak adil untuk mereka memohon, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk tukar balik atau tarik balik keputusan itu? [*Dewan gamat seketika*]

Seorang Ahli: Keluar topik, keluar topiklah, keluar topiklah.

Tuan Lim Kit Siang: Dia bangkit perkara? bukan saya bangkit perkara, saya rasa ini tidak adil, saya harap bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tarik balik pengantungan Yang Berhormat Sothinathan, tiga bulan, ini tidak adil. Saya harap ahli-ahli MIC berdiri pun kata tidak adil, UMNO? Beranikah?

Seorang Ahli: Ini bukan topik inilah! Out of the topic!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Ya, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang: Mana itu adil?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]: Duduk, duduk, duduk.

Tuan Lim Kit Siang: Kalau mahu bangkit mahu dengar, kalau tidak mahu dengar jangan bangkit, *lesson* satu.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ipoh Timor, *lesson number two!* Ini masalah Timbalan Menteri ialah masalah Barisan Nasional, DAP jangan campur. *Lesson number two.*

Tuan Lim Kit Siang: OK, penjelasan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: *You* janganlah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Takut?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Duduk, duduk, duduk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *Lesson number three* jangan takut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: *Lesson number three, lesson number three end your floor. You sit down, sit down!*

Tuan Lim Kit Siang: Apa ini? *Lesson number four!*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Ipoh Timor.

Tuan Lim Kit Siang: Apa itu *lesson, lesson?* Haiyo!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Dia belum bagi jalan, dia tidak bagi jalan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Duduk!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Sila duduk.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Jangan ingat *you* orang lama *you* pandai sahaja mahu ajar kita.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Duduk Yang Berhormat, duduk.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Jangan hendak perkecil-kecilkan kita, *please*. Jangan hendak perkecil-kecilkan kita. Saya tahu banyak *you* punya cerita. Saya jiran *you*, jangan sampai saya keluarkan. Cerita Melaka sudah banyak tetapi bukan cara kita politik macam itu.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak ada perkara yang Barisan Nasional - keadilan. Isu keadilan. Barisan Nasional ada keadilan atau tidak ada keadilan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Duduk Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Duduk, duduk! [*Dewan riuh seketika*]

Tuan Lim Kit Siang: Apa? Apa?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Duduk, duduk!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Apa? Apa hak DAP bercerita tentang keadilan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat duduk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Apa yang dibuat adillah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Ipoh Timor, duduk, duduk. Yang lain duduk.

Datuk Haji Mohd.Said bin Yusof: Duduk, duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Ipoh Timor duduk.

Datuk Haji Mohd.Said bin Yusof: Yang Berhormat Ipoh Timor duduk, duduk. Haa...jangan ingat....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [*Menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Yang Berhormat Sri Gading duduk, Yang Berhormat Ipoh Timor duduk. Yang Berhormat Jasin teruskan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Yang Berhormat Ipoh Timor duduk!

Tuan Lim Kit Siang: [*Menyampuk*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Teruskan, Yang Berhormat Sri Gading duduk. Yang Berhormat Sri Gading sila duduk, ya?

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Tuan Yang di-Pertua, saya benarkan Yang Berhormat Sri Gading bercakap, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]: Bagilah. Yang Berhormat duduklah. *[Dewan riuh]*

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Ketawa] Soalapabila ada kesalahan ada hukuman, apabila hukuman dijatuhkan orang yang bersalah tidak mesti kata tidak adil, itu soal orang bersalah tetapi bagi pihak umum apabila etika dilanggar soal hukuman..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat sekarang akta mana satu?

Beberapa Ahli: [Menyampuk]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Ketawa] Ini akta fasal Yang Berhormat Ipoh Timor buat, ini akta keadilan.

Tuan Lim Kit Siang: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Baik, Yang Berhormat Jasin sambung.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ha?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Jasin, sila.

Tuan Lim Kit Siang: [Menyampuk]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Duduklah, duduklah. Tuan Yang di-Pertua, ini aneh. Sepatutnya dia sebagai orang lama - *old parliamentarian* dia menunjuk ajar kita cara menjadi ahli politik yang disiplin untuk.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Menyampuk] Saya minta maaf dia tidak berhak untuk ajar kita, kita ajar dia. Dia tidak ada hak ke atas kita, daripada.....

Tuan Lim Kit Siang: [Menyampuk] Adil atau tidak adil, kasi tunjuklah!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: *[Ketawa]* Sudah, duduk. Tetapi Yang Berhormat saya tidak tarik sebab saya sudah bagi dia *lesson number one, lesson number two*. Kalau dia lama sedikit lagi saya akan ajar dia *lesson number three*. *[Dewan riuh seketika]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: *[Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]* Apa? Bagi jalan!

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Tidak, bagi jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat tidak payahlah, nanti bergaduh-gaduh.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Tidak bagi jalan, *lesson number three*. *When you're in power you must be powerful, if not you are bloody fool.*

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd.Said bin Yusof: Duduk, saya punya *floor* duduk.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]* Apa ini?

Datuk Haji Mohd.Said bin Yusof: Duduk, duduk, duduk.

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]* Adakah Barisan Nasional cakap macam itu? Ini apa ini?

Datuk Haji Mohd.Said bin Yusof: Duduk, duduk, duduk. Ini hendak cerita fasal akta

Tuan Lim Kit Siang: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohd.Said bin Yusof: Ini pasal akta, duduk, duduk, duduk. Saya hendak bahaskan soal akta. Duduk, saya punya *floor*. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ini cakap baik-baik, saya ini orang Melaka, Tuan Yang di-Pertua. Saya cakap baik-baik, yang ini yang saya itu, fasal saya hendak bincang tentang akta ini, pindaan yang dibuat seksyen 4 ini. Yang mana seksyen 4 ini hendak menggantikan perkataan Yang di-Pertuan Agong dengan perkataan Menteri. Kalau hari ini dengan kuasa Yang di-Pertuan Agong pun kementerian tidak boleh selesaikan kalau bagi serah balik pada Menteri lagilah haru.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Dengan perkataan Agong, kuasa Agong pun jadi rimau tidak ada gigi, Agong sudah tidak ada ganti Menteri lagilah haru. Jadi saya minta dia ini, saya belum tahu lagi hendak menyokong ataupun tidak walaupun di *warning* hari itu oleh pucuk pimpinan tapi saya tengok tidak menyelesaikan masalah kita hari ini. Kita sudah berbincang tiga, empat hari yang kita hendak bahaskan ini ibarat macam kata sudahlah tidak ada gigi kita hendak bagi gigi palsu yang *loose* pula.

Dato' Liow Tiong Lai [Bentong]: [Bangun]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Mengunyah pun tidak boleh, menelan pun tidak boleh. Jadi ini yang masalah kita Tuan Yang di-Pertua. Ya, sila Yang Berhormat Bentong.

Dato' Liow Tiong Lai: Terima kasih Yang Berhormat Jasin, nampaknya pindaan kali ini tidak mencukupi untuk menyelesaikan masalah pekerja asing dalam negara kita. Boleh tidak dicadangkan kepada kementerian ini kita buat pindaan secepat mungkin, kalau boleh dalam tahun ini juga kita buat pindaan keseluruhan Akta Agensi Pekerjaan Swasta dan beri gigi kepada akta ini.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Saya setuju kerana masalah yang kita hadapi pada hari ini kalau kita hendak sayangkan negara kita, bagaimanapun kita terpaksa mewujudkan satu Rang Undang-undang yang baru, yang menyeluruh. Yang mana KSM juga mempunyai kuasa untuk menentukan untung nasibnya ataupun tentang aliran buruh tenaga kerja dalam negara kita. Sekarang ini kalau kita tengok pada hari ini tidak ada kuasa langsung. Syarat Menteri buat keputusan dikeluarkan dalam akhbar, bahawa semua pekerja asing yang hendak bekerja di Malaysia mesti mengenali dan mengetahui budaya Malaysia.

Maka diwujudkan MLVK, sini sainsana sains MOU. Kemudian pula Kementerian Dalam Negeri buat *ruling* baru, mereka-mereka yang hendak datang ke Malaysia lebih-lebih lagi daripada Indonesia dikecualikan daripada mengikuti kursus ini. Ada apa ini? Ini main-mainkah? Kalau hendak dengar cerita kita tiga hari ini menceritakan tentang budaya, ragam, perangai pekerja-pekerja asing daripada Indonesia tetapi apabila kita hendak menetapkan, hendak adakan kursus orientasi untuk dia mengenal budaya kita, bahasa kita dan sebagainya tiba-tiba sekali, prap! Boleh ada, boleh tidak ada pula. Jadi

saya sokong apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Bentong tadi. Kita bagi tempoh, kalau perlu hendak tubuhkan *select committee* kita tubuhkan *select committee*.

Beberapa Ahli: *Betul, betul!*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Demi untuk kepentingan negara kita, keselamatan, kesihatan, kesejahteraan yang mana pada hari ini rata-rata Tuan Yang di-Pertua, rata-rata orang bercakap. Hari ini kita tengok di hotel-hotel, bukan kata di situ, di hotel-hotel. Hotel yang kita duduk Pan Pacific pun hari ini sekuriti dia gorkha. Saya pun hairan daripada Nepal, kalau ikut dahulu peraturan *security company* tidak boleh ambil pekerja-pekerja asing untuk bekerja kerana dia bertanggungjawab berkenaan dengan keselamatan. Ini *security company* pun sudah menggunakan pekerja asing, ini apa cerita ini, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Sri Gading, baru masuk belum duduk lagi mahu tanya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Tanya? *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jasin. Saya hendak Yang Berhormat bagi Jasin *goes turn* sikit boleh?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Boleh.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *Goes turn.* Ini soal pekerja-pekerja asing kena kursus, kecuali Indonesialah kerana hendak disesuaikan dengan masyarakat di Malaysialah. Kita setuju kaedah itu dibuat. Cuma bagaimana pula tentang majikan? Majikan juga harus menyesuaikan dirinya dengan pekerjanya. Kita harus berlaku adil.

Saya banyak dapat pengaduan sebagai Ketua UMNO Bahagian, Datuk. Banyak pengaduan di mana pekerja-pekerja dari Indonesia yang beragama Islam, minta maaf ini bukan kerana apa-apa cuma hendak satu keadilan. Bekerja dengan kawan kita daripada kaum Tionghua disuruhnya pekerja Indonesia yang beragama Islam ini memandikan anjing, memasak makanan yang di dalam Islam dikatakan mughalazzah; daging babi. Masalah-masalah yang berkaitan dengan perkara-perkara di dalam menyempurnakan fardu ain dia, ditahan. Yang memberikan satu resah gelisah dan budaya yang bercanggah dengan keadaan kehidupannya di negeri asal yang bebas melakukan amal ibadat Islam dan mengamalkan cara hidup Islam yang najis mughalazzah dia tidak pegang, tidak boleh masak, tidak boleh makan dan sebagainya.

Jadi ada atau tidak dalam Yang Berhormat bagi Jasin tadi itu kata, enakmen ataupun dalam akta atau undang-undang yang telah menyatakan bahawa majikan juga harus menghormati pekerja yang berlainan agama. Kes ini berlaku, macam mana Yang Berhormat bagi Jasin punya pandangan?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sri Gading. Memang ada surat perjanjian antara majikan dengan pekerja Indonesia khususnya pembantu rumah supaya menghormati keagamaan pembantu rumah tadi seperti memandikan anjing, memotong daging khinzir dan sebagainya. Tetapi masalahnya, kalau dia mengambil pembantu rumah ini melalui agensi berdaftar, agensi akan terangkan. Ini *conditionnya* kerana kita boleh hendak lari. Kalau sudah agensi yang berdaftar itu kita sudah register kita punya *office* di tempat itu, sentiasa berada di situ. Jika ada permasalahan antara majikan dengan pembantu rumah, majikan pun boleh cari kita di *office* kita, pembantu rumah pun boleh cari kita di *office* kita, nombor telefon tertera. Yang menjadi masalah ini ialah orang-orang tengah yang tidak ada lesen, '*calo*' ini! Oleh kerana hendak melakukan supaya orang mengambil pembantu rumah melalui dia, ini semua boleh, dia tidak kisah. Saya punya pembantu semua boleh, dia kata. Semua boleh. Kalau hendak suruh potong pun boleh, asalkan jangan makan, kata dia. Wah, dia punya berjanji, dia bagi angin syurga kepada semua majikan. Maka, majikan pun ambillah pembantu rumah melalui dia, ini yang timbul masalah.

Kalau melalui agensi, memang ketat syarat-syarat ini dan kebanyakan daripada mereka pada hari ini, di kalangan majikan pada hari ini oleh kerana kelonggaran ada. Tanpa melalui agensi pun, dia boleh dapat perkhidmatan pembantu rumah kononnya melalui *direct hiring* yang dibenarkan oleh Akta Imigresen ataupun syarat-syarat yang dikemukakan oleh Imigresen tanpa agensi.

Jadi dia mengambil biodata ataupun perkhidmatan '*calo-calo*' ini yang mana asalkan boleh sahaja Tuan Yang di-Pertua. Ini masalah yang timbul pada hari ini. Bila timbul masalah, tekan balik, ini agensi punya kerja. Asalkan orang itu buat kerja ini, agensi hanya berdaftar ataupun tidak berdaftar, dia pun tidak *check*. Tetapi kalau ini kita persyaratkan, tentang urusan pekerjaan, buruh asing ataupun pembantu rumah pun, semua mesti melalui agensi dan agensi mempunyai kewajipan untuk menetapkan dan mengikut peraturannya bagaimana termasuk di dalam Akta 246 ini untuk membukukan

segala-galanya; butir-butir peribadi majikan, siapa majikan, di mana dia dan sebagainya. Kalau timbul masalah, mudah bagi kita hendak dirujuk.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Boleh Sri Gading? *[Mengajukan soalan kepada Yang Berhormat bagi Sri Gading]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Okey.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Bolehkah Yang Berhormat bagi Jasin hendak mengelakkan benda-benda ini daripada berlaku disyaratkan majikan bukan Islam ambil pekerja walaupun dari Indonesia, ada yang bukan Islam ambil pekerja yang bukan Islam – syaratkan begitu. Tidak tahukah sama ada kementerian ada syarat itu atau tidak. Maknanya majikan yang bukan Islam mesti mengambil pekerja yang bukan Islam. Kalau orang yang bukan Islam mengambil orang Islam, jadikan satu kesalahan. Ada penalti dia, hukuman dia. Jadi, kalau itu dapat diwujudkan sama ada agensi ataupun sebagainya, dia mesti patuh dan majikan diberitahu ke seluruh negara, kalau berlaku perkara-perkara pelanggaran daripada syarat ini, dia menjadi satu kesalahan. Bagaimana?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Itu pandangan dan cadangan kita tetapi untuk makluman Yang Berhormat bagi Sri Gading, untuk mencari pembantu rumah khususnya bukan Islam dari Indonesia amatlah sulit, bukan mudah, agak sulit dan kadang kala daripada pengetahuan saya dan pengalaman saya di Indonesia, oleh kerana hendak menghalalkan cara, kita pula menumpang berdosa. Oleh kerana kalau kita menetapkan bahawa pembantu rumah yang hendak datang ke Malaysia untuk majikan yang bukan Islam mesti bukan Islam, yang Islam juga di Indonesia itu akan mengaku diri dia bukan Islam. Dia sanggup buat Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya kira memang majikan di Malaysia ini bukan semuanya zalim Tuan Yang di-Pertua. Banyak di antara mereka menghormati. Saya dan rakan-rakan saya di Melaka itu ada yang tidak makan pun daging babi. Mereka hidup kadang-kadang cara hidup dia sudah lebih kurang kita Tuan Yang di-Pertua. Istighfar dia kadang-kadang kita pun kalah, dia lagi lebih *[Ketawa]* Ya.

Jadi dia menghormati, hanya yang segelintir ini. Tetapi segala syarat ini memang termaktub dalam perjanjian antara pembantu rumah dengan majikan, sudah ada. Kalau dengan melalui agensi, kita akan pastikan, agensi akan pastikan benda ini

dituruti. Yang menjadi masalah bagi kita sekarang ini, macam saya katakan tadi, *calo*, terlampau banyak, terlampau banyak.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, ini yang timbul banyak masalah apatah lagi pada hari ini peranan yang dimainkan oleh agensi ini pada hari ini boleh dikatakan tidak ada lagi, kurang. Kecuali, hanya pembantu rumah membuatkan banyak di antara agensi-agensi yang berdaftar di Malaysia ini hampir gulung tikar.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Ketereh.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya, Ketereh.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Jasin. Ini fasal latihan pembantu rumah. Saya hendak kongsi pengalaman sedikitlah. Saya tidak tahulah, saya ingat kerajaan mesti menekankan soal latihan pembantu rumah, saya terkena dua kali. Isteri saya bekerja, maka saya kena ambil pembantu rumah daripada Indonesia. Bila dia bagi gambar calon-calon, kita pilihlah gambar yang hendak jadi pembantu rumah, ada yang pakai apron, ada yang tidak pakai apron. Jadi saya pilih gambar yang pakai apron sebab kononnya mereka ini ada latihan, memasak pakai apron. Isteri kita masak pun tidak pakai apron, baju apa yang di hadapan? Tidak bagi kuah atau minyak memercik. Ingatkan dia bagi latihan.

Bila dia datang ke sini, bila kita suruh goreng ikan, saya suka makan ikan. Ikan yang digoreng itu sebenarnya digoreng dengan perut-perut dia sekali Tuan Yang di-Pertua. Bila hendak makan, kita tengok perutnya tidak dibuang, dia goreng sekali. Itu yang pertama, kononnya ada latihan. Saya tanya, pernah ada latihan? Ya, saya dilatih pak, kursus. Kemudian saya kata biasa guna peti sejuk? Biasa. Buka peti sejuk okay. Kebetulan hari itu hujan, bila hujan, rumah kita ada *dryer*, bila pergi dekat *dryer*, *dryer* itu keluar angin panas, dia bising. Bila dia tengok angin panas keluar, dia terkejut, dia lari *[Ketawa]* juga tidak ada latihan. Jadi, saya kata, apa latihan yang kamu terima? Ini semua tidak ada di Indonesia. Tetapi yang ikan? Yang ikan, kami pun tidak biasa makan ikan, kami makan daging sahaja.

So saya hendak minta supaya kalau kita betul-betul hendak buat latihan, kena latih betul-betul *and I have to spend time, I'm not good cook, I have to spend time teaching them*, dengan izin. Terima kasih *[Disorak]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih, Yang Berhormat bagi Ketereh. Yang sebenarnya balai latihan di Indonesia itu setiap *district* itu ada dan kalau hendak ikutkan daripada practisanya agensi-agensi di sana kena hantar calon-calon yang hendak pergi bekerja di luar negara ini mengikuti latihan di balai latihan kerja mereka. Balai latihan kerja mereka ini bukan macam kita, kita boleh hantar dekat KEMAS, kita boleh hantar ke mana-mana sekolah *vokasional, free of charge*. Di sana semua berbayar, apabila sebut berbayar maka agensi tidak hantar. Yang pakai uniform itu, itulah yang ada satu apron dan *uniform* itu dekat agensi berkenaan. Dia ini pakai ambil gambar, lepas itu buka pakai balik yang lain, tiada latihan. Kalau inilah sebabnya pada hari ini kita tidak ada choice kerana untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, Indonesia dan juga negara-negara sumber ini, dia menghantar tenaga kerja dia seluruh dunia.

Bagi pembantu rumah Arab Saudi dan juga West Asia, Beirut dan negara-negara di belah sana. Dia belayar USD, satu pembantu rumah untuk agen Indonesia dia bayar lebih daripada USD1000, RM3,800. Kita baru RM2,500, RM2,800. kebanyakan daripada pembantu rumah-pembantu rumah yang datang ke Malaysia ini apabila dia tidak disected, tidak dipilih untuk mengikuti rombongan ataupun terpilih untuk menjadi calon-calon pembantu rumah di Hong Kong, di Arab di negara-negara lain, baru Malaysia. Malaysia ini last choice. Bermakna yang baik-baik sudah pergi negara lain, yang tinggal yang saki bakinya datang ke Malaysia. Itu yang dapat oleh Ketereh, potong ikan pun tidak buang perut. Yang sebenarnya itulah cara dia orang makan. Untuk orang kampung di Indonesia, yang sebenarnya kalau jumpa ikan ini pun, saya rasa sebulan sekali pun mungkin baru dia jumpa.

Itulah sebabnya apabila kita lihat, apabila kita buat Ops Tegas, yang lepas pendatang tanpa izin ini balik ke Indonesia, syarikat-syarikat Maggie, Mamee, mee segera pada hari ini mengadu. Mengapa perniagaan dia sudah merosot, tiada orang hendak beli ataupun hendak makan mee maggie ini. Pemakanan ini dimakan oleh pendatang-pendatang tanpa izin, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, kalau di sini kita boleh pergi ke Muar di Johor makan mee bandung, sepatutnya mee bandung ini kita ingatkan bandung dekat Indonesia, alah sana. Sana kalau kita minta mee, Tuan Yang di-Pertua, itulah mee segera itu dia potong plastik taruk air panas, hulur dekat kita, ini mee. Mee goreng pun itu, mee rebus pun itu, mee bandung pun itu. Saya pun hairan macam

mana orang Johor boleh dapat nama Mee Bandung, walhal di Bandung pun tidak ada. Jadi, Tuan Yang di-Pertua yang kita hendak tekankan tadi penguasaan.

Mengapa tidak kita ubah cara? Kita ikut negara yang maju, yang telah lama pakai buruh asing macam Arab Saudi. Di mana apabila orang itu dapat kelulusan untuk menggajikan pekerja asing, dia diikat supaya bertanggungjawab dan menjadi sponser kepada pekerja asing itu. Seheinggakan kalau misalan kata Datuk Wahab Dollah ini mendapat pembantu rumah, di passport pembantu rumah di Arab Saudi itu sponsernya Datuk Wahab Dollah. Ada gambar dia.

Kalau pembantu rumah ini buat tidak tentu arah di tempat lain ataupun lari tempat lain, passportnya akan lihat balik fail. Ini Datuk Wahab bertanggungjawab kerana dia sponser. Tetapi di Malaysia ini pernah tidak kita buat? Pembantu rumah kalau kita tengok kes-kes pembantu rumah tidak sesuai majikan, lari, lari sini, lari sana. Tetapi kalau kita ada syarat yang macam ini, bagaimana yang disebut, saya tidak tahu apa hendak disebut cara Arab Saudi ini. Mungkin rakan saya yang lain, yang ada pengalaman di Arab Saudi, itu apa disebut benda ini supaya kita dapat kawal.

Ini tidak. Siapa sahaja Tom, Dick and Harry tidak ada agensi dia, tidak siapa tidak apa. Pembantu rumah boleh buat sahaja. Boleh datang ke negara kita dan kita tidak tahu siapa majikan dia. Sila Yang Berhormat bagi Ketereh.

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Jasin, saya setuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Jasin. Saya ada sedikit pengalaman di Saudi Arabia sebab kakak saya adalah rakyat Saudi, walaupun dia kakak saya. Di Saudi Arabia kalau hendak bawa pembantu rumah mesti ada qafir dia. Dia panggil qafir. Ustaz boleh sahkan. Qafir ini maknanya dia sponsor atau penjamin. Kalau tidak ada penjamin tidak boleh. Apa-apa yang berlaku kepada pendatang asing yang datang ke Saudi Arabia, sama ada pekerja rumah atau pemandu, tidak ada qafir tidak boleh, tidak ada sponsor tidak boleh.

Ini kalau dilaksanakan di Malaysia, saya ingat ia akan memberi kebaikan kepada kita. Tetapi akan timbul satu masalah. Masalahnya ialah di Saudi Arabia, pembantu rumah tidak berani lari. Di Saudi Arabia pekerja asing tidak berani lari sebab bahasanya adalah bahasa berbeza. Di Saudi kalau dia lari, lari padang pasir, dia hancur tidak boleh *survive*, dengan izin. Tetapi di Malaysia ramai pembantu rumah lari dan dia lari atas

banyak sebab. Atas gaji kurang, atas dia ada *boyfriend* baru, ada pacar baru. Saya sendiri mengalamai dua orang pembantu rumah lari jumpa pacar baru. Jadi, kalau kita buat penjamin, kadang-kadang mungkin penjamin itu pula akan teraniaya atas sebab-sebab yang lain. Jadi, kalau kita hendak buat perkara...

Dr. James Dawos Mamit: Pacar itu apa benda?

Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad: Pacar itu boyfriendlah bahasa Indonesia. Ini tolong Yang Berhormat bagi Jasin betulkanlah. Betul ke pacar itu boyfriend? Terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Pacar ini boyfriend, che wek ini girlfriend. *[Disorak]* Jadi, terima kasih Yang Berhormat bagi Ketereh. Walau macam manapun ada kebaikan dia dan ada keburukan dia. Tetapi daripada kita tidak ada apa yang kita hendak pegang. Hari ini juga kita, Kementerian Sumber Manusia ataupun pihak-pihak yang bertanggungjawab, kita juga harus fikirkan hari ini pun di antara kita, Ahli Parlimen pun dapat elaun driver RM800, hendak gajikan pekerja tempatan pun susah hendak dapat. Mengapa tidak kita ikut cara Arab Saudi yang membenarkan rakyat dia mengambil pembantu rumah, couple dengan suami dia yang mana suami dia kerja sebagai driver. Saya rasa sudah sampai masa dalam negara kita pada hari ini, kita hendak mengajikan driver pun, elaun yang kita dapat Ahli Parlimen RM800. Adakah orang hendak kerja hari ini RM 800, jadi driver wakil rakyat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, itu driver wakil rakyat atas Akta Ahli Parlimen?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Termasuk, Tuan Yang di-Pertua, pasal cadangan, Tuan Yang di-Pertua. Sila Yang Berhormat bagi Ayer Hitam.

Ir. Dr. Wee Ka Siong: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Saya apabila mendengar cadangan Yang Berhormat bagi Jasin itu, saya minta Yang Berhormat bagi Jasin memperihalkan dengan lebih terperinci. Sebab kalau bawa suami sekali apa yang lebih ketara adalah mungkin akan mendapat anak Indonesia yang ramai. Bermakna kita kena bagi cuti bersalin kemudian dan sebagainya. Apakah implikasi sosial selepas itu dan perlukan perkara ini diberi pertimbangan sewajarnya? Ataupun kita mengehendkan mereka datang ke sini tetapi tidak boleh beranak. Itu

mungkin satu perkara yang tidak bertimbang rasa, tidak berperikemanusiaan. Minta pandangan Yang Berhormat?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya bagi Ayer hitam. Ini telah dijalankan di negeri-negeri Arab, termasuk di Arab Saudi yang mana membenarkan couple. Jadi, untuk menjadikan masalah hendak cari che wek hendak cari apa ini tidak timbul.

Dia pun manusia, kadang-kadang pembantu rumah, dia kerja di rumah kita lepas itu dia melihat kita suami isteri duduk atas sofa menengok televisyen. Di Astro pun sekarang cerita-cerita kita tengok pakaian dia sekejap terselak sana, terselak sini bila terselak kita memandang orang rumah senyum, kita pandang kiri orang rumah senyum kat kita, kita pun senyum kat orang rumah. Jadi pembantu menengok saja. Sakit jiwa dia Tuan Yang di-Pertua. Bila dia sakit jiwa tu yang dia lari Tuan Yang di-Pertua. Dia lari mencari pacarnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat banyak lagi hendak berucapkah?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Banyak lagi Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ha, teruskanlah.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Jadi itulah sebabnya, ini banyak kes lari pasal dia pun terbawa-bawa melihat majikan dia. Jadi dia pun teringat dia hendak lepas geram dia larilah. Tetapi kalau hari ini yang macam Arab Saudi

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Yang Berhormat Mambong duduk sekejap. saya hendak *explain* yang ini. Hendak tanya ke? Nanti sekejap. Ini macam Arab Saudi ni Tuan Yang di-Pertua, dia bagi kita bawa pembantu rumah sekali dengan *driver*, jadi kalau dia melahirkan anak pun takkanlah dia hendak jadi rakyat Malaysia. Dia Arab Saudi tidak boleh daftar sebagai Arab Saudi, kedutaan dia ada, pergilah *report* ke kedutaan dia. Dan kita boleh buat perjanjian dalam masa 2 ke 3 tahun ini jangan beranak. Itu apa caranya terserahlah kepada dia Tuan Yang di-Pertua. Kalau dia dapat '*team pregnant*' kita hantar dia balik kerana melanggar perjanjian. Tetapi ini sedikit sebanyak kita dapat mengatasi masalah yang kita hadapi pada hari ini. Sila Yang Berhormat Mambong.

Dr. James Dawos Mamit: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Jasin, saya tidak ada pengalaman dengan kes lari ini, tetapi di Taiwan Yang Berhormat Kudat ada bercerita dengan saya sikit-sikit, tetapi dia saya pun tidak tahu kenapa dia tidak mahu mencelah pada hari ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, dia faham kerana tidak berkaitan dengan Akta yang kita bincangkan.

Dr. James Dawos Mamit: Kes lari ini ada kaitan dengan Akta Tuan Yang di-Pertua. Di Taiwan kalaulah seorang pekerja asing lari, ini bermakna kerajaan akan memotong kuota agen seperti Yang Berhormat daripada Jasin, dia akan memotong sehinggalah pelarian ini dapat ditangkap oleh polis dan dihadapkan ke mahkamah. Dia ditangkap dan dihadapkan ke mahkamah. Kenapa kita tidak boleh menggunakan cara seperti begini.

Yang kedua, ini perundangan Labour Law di Taiwan, setiap seorang pekerja national Taiwan majikan boleh mengambil 8 orang pekerja asing di dalam industri pembinaan. Kenapa kita terpaksa mengambil lebih? Kalau kita ikut nisbah macam ini mungkin ada kurang sikit kerana di Taiwan sekarang ada 303,684 pekerja asing dan dari bilangan ini 200 adalah rakyat Malaysia. Bidang yang ditentukan oleh kerajaan hanyalah dalam bidang pembinaan, bidang *care takers*, apa itu *care takers*, *domestic helpers* itu, pembantu rumah dan *construction industry*, itu sahaja. Kenapa kita buka untuk semua. Walhal kita ada orang hendak bekerja juga dalam bidang-bidang tertentu - warganegara kita. Di Sarawak tenaga kerja memang ramai. Orang Sarawak mahir dalam bidang *construction*. Di Sarawak orang Bidayuh yang membuat bangunan yang tinggi, jadi kenapa tidak mengambil mereka untuk bekerja di sini juga. Kita boleh buat seperti Twin Towers dan KLCC. Sila.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih sahabat saya. Yang sebenarnya hari ini kita hanya hendak mengambil hati FDI-FDI, *Multi National Corporation* yang telah bertapak di negara kita. Serupa juga kita hendak mengambil hati ladang-ladang besar di negara kita, seolah-olah apa yang mereka cakap itulah benar dan tidak ada agensi ataupun kementerian yang berani ke depan untuk bercakap berkenaan dengan apa yang benar. Mereka hendakkan pekerja ladang, ok bagi. Walhal pekerja-pekerja ladang

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, hujah-hujah ini tidak perlu mendapatkan jawapan daripada kerajaan.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Mungkin ada Tuan Yang di-Pertua, dia kena jawab pasal dia Kementerian Sumber Manusia, maka dia kena bertanggungjawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kita lihat Yang Berhormat hanya memberi jawapan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Yang itu saya menerangkan kemelut yang sedang dalam pemikiran sahabat-sahabat saya Tuan Yang di-Pertua itu yang pagi tadi. Yang petang ini saya hendak ke arah bagaimana hendak perbaiki sistem yang ada itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bila hendak berhenti ucapan?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Sampai Tuan Yang di-Pertua kata “berhenti” saya berhentilah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Bila-bila masa Yang Berhormat boleh berhenti?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Boleh. Saya ni Tuan Yang di-Pertua enjin diesel bila sudah start hendak berhenti susah. Tetapi kalau Tuan Yang di-Pertua bagi *signal* saya boleh. Kalau Tuan Yang di-Pertua kata *carry on*, maka saya *carry on* lagi. Jadi Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Nampaknya ramai lagi hendak berucap.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ada yang hendak berucap?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada. Ramai lagikah yang hendak berucap?

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: [*Bangun*]

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Yang Berhormat Seputeh ini Tuan Yang di-Pertua, dia sudah mencelah saya beberapa kali tadi. Daripada puteh sudah jadi merah dah naik kelabu dah ni.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat Yang Berhormat Jasin ini dia suka dengar suaranya sendiri itulah dia sudah berucap sejak pagi hingga sekarang. Mungkin hingga lewat malam kita semua dengar suaranya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, dia tidak dapat dengar suara dia sendiri. Hanya kita dapat dengar suaranya. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Jadi itulah Tuan Yang di-Pertua, kita hendak buat satu kajian berkenaan dengan guna tenaga dalam negara kita ini harus dibuat oleh Kementerian Sumber Manusia. Bukan semua daerah di dalam negara kita ini memerlukan tenaga asing. Kita tahu dan kita pun terkejut bagaimana orang Kelantan boleh ada pembantu rumah di Kelantan, walhal kita tahu orang Kelantan menganggur bukan main banyak. Buat apa pekerja-pekerja daripada Indonesia berada di Kelantan menjadi pembantu rumah, walhal di Kelantan kita tahu banyak yang menganggur dan kalau kita tahu macam kata Yang Berhormat Mambong tadi bahawa kalau kerja-kerja *construction* sahabat dan saudara dia orang kaum Bidayuh boleh buat sehinggakan dia kata boleh buat macam Twin Towers, mengapa di Sarawak ada pula pekerja-pekerja asing daripada Indonesia yang buat kerja-kerja pembinaan? Walhal kaum Bidayuh ramai dia kata 3.5 million, tetapi di Indonesia Tuan Yang di-Pertua. Jadi kajian ini kena buat. Ini bukan main-main. Pembangunan dalam negara kita pada hari ini ialah untuk orang Malaysia, pembangunan dalam negara ini mesti dinikmati oleh rakyat Malaysia dahulu. Kita harus dulukan rakyat kita barulah *[Tepuk]* Wah Tuan Yang di-Pertua, kalau macam ini punya semangat....

Puan Teresa Kok Suh Sim: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya, Yang Berhormat Seputeh. Sila.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Yang Berhormat Jasin, pagi tadi saya cadangkan kita semua tubuhkan satu Suruhanjaya di-Raja untuk mengkaji keperluan tenaga kerja di negara kita ataupun Select Committee di Parlimen, tetapi Yang Berhormat kata tak perlulah kita ada dasar implementasi tidak bagus. Sekarang kata, "Oh kita mahu buat kajian". Saya rasa Yang Berhormat telah bercakap terlalu panjang sehingga terlupa apa yang dia cakap pada pagi tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tanya sama siapa?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ini sahabat saya Yang Berhormat Seputeh dah jadi merah jambu, jangan jadi kelabu ye!. Yang saya minta buat kajian ini bukan kita, tetapi Kementerian Sumber Manusia yang bertanggungjawab. Kalau kakitangan

kerajaan di Jabatan Perdana Menteri itu ada MAMPU dialah yang bertanggungjawab. Yang kita ada Kementerian Sumber Manusia, kita ada Menterinya, kita ada Timbalan Menterinya entah dia kerja atau tidak kerja *wallahualam*.

Setiausaha Parlimen adakah? Pegawai-pegawai dia ada. Ha, Setiausaha Parlimen tidak ada? Itu tak berani cakaplah. Jadi dia kena buat kajian, jadi kita tidak adalah masalah, masalah kita harus bergantung pada pekerja asing. Yang MITI dok bercakap supaya industri-industri ini automatikkan segala usaha-usaha dia. Pakai robot, pakai apa, saya tengok sekadar cakap saja tapi penguasaannya tidak, penguasaannya tidak.

Seharusnya kalau kita nakkan automasi, kita automasikan. Kita lihat pam minyak hari ini, kerajaan mengatakan tuang sendiri. Tuan Yang di-Pertua balik Pulai Tuan Yang di-Pertua tengok dekat highway, Tuan Yang di-Pertua tuang sendirikah ataupun orang tuangkan? Driver Tuan Yang di-Pertua tuang, bukan Tuan Yang di-Pertua tetapi driver Tuan Yang di-Pertua tuang, adakah pekerja dia tuangkan? Dan saya pun jadi tauke minyak 15 tahun, saya pun dah malas nak tuang sendiri. Saya akan cari stesen yang ada orang....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tauke banyak. Ada agensi, ada minyak.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Saya ni Tuan Yang di-Pertua, *Jack of all trade and master of none*. dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, ini yang kita kena buat kajian, kita selama ini ambil ringan saja. Banyak Kementerian, kita kena duduk balik, kena perbetulkan keadaan ini. Apatah lagi dengan kemasukan pekerja asing ini Tuan Yang di-Pertua, kita kena betulkan prosedur. Ya ustaz.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Pasir Mas.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Orang Kelate.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jasin. Saya mengikuti apa yang telah disebut, yang telah dibincang oleh Yang Berhormat Jasin daripada semalam kelmarin sampai ke hari ini dan petang ini. Banyak perkara yang disebut oleh Yang Berhormat Jasin, terima kasih.

Sepanjang apa yang kita dengar iaitu masalah yang ditimbulkan daripada kedatangan buruh-buruh asing dan pembantu-pembantu rumah. Saya suka bagi ataupun sama-sama memberi pandangan dalam masalah ini. Kita sebagai rakyat Malaysia, jangan melihat sesuatu perkara itu dalam bentuk negatif, tetapi hendaklah kita mengambil positif lebih banyak daripada negatif. Dan kalau kita perlu pada kedatangan buruh-buruh asing, kalau tidak datang buruh asing ini mana kita dapat melihat pembangunan-pembangunan yang begini hebat di negara kita. Sebagaimana Singapura memerlukan buruh asing, orang Kelantan pergi ke sana, membangunkan Singapura. Dan begitu juga orang Kelantan datang ke Kuala Lumpur, biasa saja. *[Membaca sepotong Hadis]* Bermaksud “Manusia sesama manusia, masing-masing menjadi khadam kepada yang lain walaupun dia tak merasakan khadam.” Orang kampung khadam kepada orang bandar, orang bandar khadam kepada orang kampung dan begitu seterusnya. Itu adalah tabiat hidup.

Cuma apa yang saya nak bangkitkan tadi, saya setuju benar apa yang disebut oleh Yang Berhormat Jasin bahawa kedatangan mereka sebenarnya mesti diatur, disusun dengan baik. Saya tarik siapa kelmarin? Yang Berhormat daripada Ketereh ke, daripada mana. Mereka datang berasingan, lelaki Bangladesh datang berasingan, India datang berasingan, gadis-gadis daripada Indonesia datang berasingan. Apa salahnya kalau kerajaan kita membuat satu syarat iaitu mereka datang ke sini dengan cara berpasangan, suami isteri.

Jadi kalaulah daripada Bangladesh mereka datang suami isteri dalam umur yang muda, 20 tahun misalnya, mampu untuk membuat bangunan-bangunan. Isterinya sebagai pembantu rumah dan dia sebagai buruh-buruh kasar. Di waktu malamnya, dia bersama dengan isterinya di tempat yang telah kita khususkan. Jadi sekurang-kurangnya tidak timbul masalah-masalah sosial.

Yang kedua pula, bila kita letakkan mereka ini di tempat-tempat tertentu, biarlah ada di kalangan, mereka ini orang Islam. Bangladesh ini orang Islam, Indonesia ini orang Islam, orang tak Islam tak datang, orang tak Islam ini orang kaya-kaya, mana dia nak datang. Yang datang ini orang miskinlah, kita pun tahu, tak payah cerita pun kita tahu yang datang tu orang miskin. Kita kena bagi kursus kepada dia, bagi kursus agama, JAKIM mesti atur kursus agama kepada orang. Jangan lepas begitu, dia makan

sedap, enak di sini, nafsu dia besar. Ada manusia bila dia makan sedap, daging hari-hari, di negara dia tak jumpa di Indonesia. Datang sini jumpa itu, jumpa ini, nafsu dia segar, bila nafsu dia segar, dia melakukan suatu perkara yang tidak baik, kita hentam dia. Kita tidak mengaturkan sesuatu yang terbaik, kita tak pernah bagi dia kursus sebelum dia datang sini misalnya ataupun sudah datang ke sini kita kurung dia, satu hari satu malam kita bagi kursus dulu, kita bagi sivik dulu tentang negara kita. Bagaimana negara kita, budaya berbeza-beza, berbagai-bagai budaya, bangsa, agama dan sebagainya. Bagus sebenarnya, saya tadi lagi saya dengar, saya tak sempat berucap. Saya dengar apa yang disebut oleh sahabat-sahabat kita tadi, saya setuju.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat nak berucap atau nak minta penjelasan?

Tuan Haji Ismail bin Noh: *[Ketawa]* Saya setuju Tuan Yang di-Pertua, saya setuju orang Islam sana datang ke sini dan bekerja di rumah orang bukan Islam, saya bersetuju tapi syaratnya dia tunjuk imej Islam dia. Bila dia tunjuk imej Islam dia, dia boleh berkomunikasi Islam dengan cara baik, barangkali inilah satu-satunya cara orang Islam masuk ke rumah orang bukan Islam. Saya sendiri alhamdulillah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apakah soalan Yang Berhormat?

Tuan Haji Ismail bin Noh: Saya di Pasir Mas Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Apakah soalan sekarang ini?

Tuan Haji Ismail bin Noh: Ini bukan soalan, ini baru mukadimah. Kerana tak bercakap lagi, mukadimah ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Kalau Yang Berhormat nak berucap saya boleh timbangkan.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Sikit Tuan Yang di-Pertua, sikit. Jadi apakah pandangan Yang Berhormat Jasin sekiranya bila mereka sampai di Kuala Lumpur, mereka seharusnya diberi dulu, setidak-tidaknya sivik kepada mereka ataupun pandangan-pandangan kepada mereka tentang budaya kita, tentang sikap kita, iklim kita, sosial kita, agama kita dan berbagai-bagai yang ada pada kita bagi membantu mereka bila datang ke sini mudah mereka untuk menyesuaikan diri mereka dengan

keadaan yang ada di sini. Kalau tidak mereka akan menjadi sebagaimana yang telah disebut. Apakah pandangan Yang Berhormat di atas ini?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas. Yang sebenarnya saya ke arah itu kerana pada hari ini di negeri-negeri maju seperti Singapura dan Taiwan bagaimana disebutkan tadi. Di Taiwan cara dia hantar, dia datang cara satu kumpulan oleh agensi yang diberi kuota. Dia datang ke Singapura, dia datang ke Taiwan dan apabila dia berada di negara majikan dia tu, dia beri latihan secukupnya untuk meng*adopt* ataupun untuk menyesuaikan diri mereka kepada negara itu. Dan ketika itu pilihan dibuat yang mana agak-agak tidak boleh ataupun tidak baik dihantar pulang ke negara dia dan diminta ganti. Bermakna orang itu masuk dulu dan diberi latihan secukupnya dan barulah majikan di negara-negara itu datang memilih pembantu yang dia nak. Di *training center* majikan ini, di *training center* agensi di sana. Barulah masalah-masalah yang kita sebut tadi tak timbul, kesesuaiannya apa semua. Yang dipraktis dalam negara kita pada hari Tuan Yang di-Pertua, hanya gambar dengan biodata, kadangkala dalam gambar umur muda, bila dia datang, bila tengok, dah baya mak kita. Kadang-kadang kita kata oleh kerana isteri kita ini kuat cemburu, kita cadang nak ambil yang agak berumur sedikit supaya tenteram rumah tangga kita, kita ambil gambar yang agak tua tetapi bila dia turun dari kapal terbang, kita tengok muda pula. *[Ketawa]*

Jadi ini yang susah ini Tuan Yang di-Pertua. Tetapi negara-negara yang sebutkan tadi macam mana disebut oleh al-ustaz kita Yang Berhormat bagi Pasir Mas, kalau benda itu baik mengapa kita tidak buat peraturan macam ni supaya agensi-agensi yang kita daftarkan ini, yang kita boleh kawal ini dibagi kuota sebulan 30 orang, 40 orang supaya dapat mengadakan kursus MLVK bagaimana yang disyaratkan - Timbalan Menteri tak ada dah, oh ada - oleh Kementerian Sumber Manusia, jadi daripada situ kita boleh terapkan tentang keagamaan dia, tentang apa semua dan baru kita serah kepada majikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Pasir Mas.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya, sila.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Ada satu perkara lagi. Terima kasih kepada Yang Berhormat dan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya dengar tadi ada

sahabat kita yang menyebut masalah di Arab Saudi. Saya ada pengalaman sedikitlah. Saya tidak tinggal dengan keluarga dia. Cuma keluarga saya ada di Saudi dan saya tinggal dengan keluarga saya di sana. Saya tengok pembantu-pembantu rumah di Saudi bukan di kalangan orang Islam. Sebahagian besarnya daripada Burma, sebahagian besar daripada Filipina, sebahagian besar daripada Thailand.

Tetapi bagaimana 'sahibulbit' ini, tuan rumah-tuan rumah ini, dia mendisiplin diri sendiri? Sehingga pada akhirnya, tiga tahun mereka berada di sana, setelah mereka dihantar balik, tok syeikh-tok syeikh dia ini hantar ke airport, pembantu-pembantu rumah dia menangis kerana berpisah daripada tuan dia. Menangisnya, berpeluk dengan anak isteri, yang perempuan sama perempuan dan diminta lagi supaya ditambahkan lagi 'taakut' ataupun ikat janji mereka dengan tuan-tuan rumah tadi. Bukan setakat itu, dia sengaja mengambil pembantu-pembantu rumah yang bukan Islam. Dia didik dia orang ini. Dia bukan buat khadam, dia mendidik, dia tarbiah, dia takdim, dia taklik.

Akhirnya, biarlah saya dedah di sini, barangkali sahabat-sahabat kita kurang bersetuju. Hasil daripada tiga, empat tahun, empat lima tahun, akhir sekali orang ini mengucap syahadah [*Mengucap dua kalimah syahadah*]. Ini bukan orang Islam ini. Orang bukan Islam duduk di rumah orang Islam. Akhirnya dia menangis, dia melolong hendak balik, dia sayang hendak tinggal Saudi dan orang-orang ini, bukan setakat itu. Dia bawa pembantu-pembantu rumah ini ke masjid-masjid dengan pakaian dia - dengan pakaian dia hitam itu, dia bawa masuk dalam masjid. Kamu tidak sembahyang tidak apa, kamu masuk dalam masjid. Kamu tidak sembahyang tidak apa, kamu masuk dalam masjid, duduk di sini jaga anak-anak saya. Bila mereka tengok orang ini sembahyang, dengan secara dekat dididik, ditarbiah dan sebagainya. Itu yang saya katakan. Tetapi bagaimana kita di sini, kita orang Islam, negara Islam yang diwar-warkan sebagai negara.....

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: [*Menyampuk*]

Tuan Haji Ismail bin Noh: Apa itu Pasir Puteh?

Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad: Islam Hadhari.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Islam Hadhari. Mengapa ini kita tidak boleh lakukan? Malu sebenarnya. Bukan semata-mata orang Cina, orang bukan Islam sahaja yang buat. Orang Melayu pun ada yang buat, yang buat tidak baik kepada pembantu

orang Islam. Orang ini mesti dikursuskan ini, sebelum daripada mereka mengambil pembantu-pembantu rumah orang Islam, mereka mesti dikursuskan terlebih awal. Setidak-tidaknya mereka diberi pandangan-pandangan begini. Masalah agama, pertukaran agama kita tidak paksa mereka. Tetapi bagaimana Saudi berjaya? Orang Filipina datang ke Saudi, lima tahun. Akhir sekali budayanya, kehidupannya boleh diserapkan dengan secara baik, dengan tidak paksa kerana 'sahibulbit' yang saya katakan tadi, ia boleh menunjukkan suatu yang terbaik kepada pembantu-pembantu. Apakah pandangan Yang Berhormat bagi Jasin? Apakah kita tidak boleh buat kepada tuan-tuan rumah kita yang beragama Islam supaya mereka juga dapat sebagaimana Saudi lakukan itu. Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Saya setuju dengan kenyataan dan apa yang telah diperkatakan oleh Yang Berhormat bagi Pasir Mas. Pada hari ini juga, walaupun kita menempatkan pembantu-pembantu rumah Islam di rumah yang bukan Islam, tidak ada pun pembantu-pembantu kita ini yang beragama Islam tukar agama, tidak ada. Tetap dengan agama Islam. Begitu juga sebaliknya. Jadi masalah yang itu, saya setuju dan kita berharap kadang-kadang yang berlakunya benda-benda yang mendera pembantu rumah di kalangan majikan bukan Islam dan juga majikan Islam, kecil yang sebenarnya, Yang Berhormat bagi Pasir Mas.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Sri Gading.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya, Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Pasir Mas tadi itu, satu contoh yang terbaik. Tetapi masalah kita di Malaysia, berbeza dengan Arab Saudi. Di Arab Saudi, 'sahibulbit' dia, dia kaya.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Orang Arab Saudi, saudara-mara saya satu pertiga di Mekah. Yang kaya-kaya yang mengambil Indonesia dan Filipina ini. Kita di sini, pendapatan RM1,000 lebih, RM2,000 hendak pakai pembantu rumah. Di sana, RM10,000, RM20,000 satu isi rumah RM40,000 pendapatan dia. Sebab itu, dia boleh

buat macam itu, panggil isteri jadi pembantu rumah, panggil suami jadi pak supir. Ini fasal 'sahibulbit' dia ya Sheikh Pasir Mas, dia kaya. Ente punya pendapat itu betul, tetapi kita tidak dapat hendak buat. Kalau dapat buat macam itu, yang terbaiklah. Ini masalahnya. Kita jadi masalah ini fasal pendapatan kita pun tidak berapa besar. Ini masalahnyalah. Jadi hendak salahkan rakyat Malaysia pun tidak boleh juga kerana kita ada keperluan hendak bekerja, suami bekerja, isteri bekerja, anak tinggal rumah, siapa hendak jaga? Jadi, banyak daripada kita kerana hendak menyempurnakan tugas kita.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat hendak tanya sama Pasir Mas, Menteri, ataupun Jasin?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Menteri boleh jawab. Pasir Mas punya pendapat betul. Cuma, hendak kita *implement*kan dekat negara kita sukar.....

Tuan Haji Ismail bin Noh: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Pasir Mas, kenapa?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:.....fasal pendapatan kita tidak sama.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Pasir Mas sudah sesat, dia hendak jawab. *[Ketawa]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Dia tidak boleh jawablah, Tuan Yang di-Pertua. Ini, yang boleh jawab ini Jasinlah. Ini *floor* saya, yang saya minta daripada Jasin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, Jasin jawablah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Pasir Mas biar dia bercakap, saya boleh mencelah dia, kan? Tetapi, ini Jasin punya. Jadi Pasir Mas....

Tuan Haji Ismail bin Noh: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ehh, ente duduklah. Ini Jasin punya *floor*.

Tuan Haji Ismail bin Noh: Jasin bagikah tidak? Jasin bagi Pasir Mas?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Bagi sekejap, bolehlah. Haa, bagus. *[Ketawa]*

Tuan Haji Ismail bin Noh: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Jasin. Masalah kaya, masalah miskin itu satu. Tetapi, paling besar sekali masalah akhlak. Masalah kita ini ada akhlakkah tidak akhlak? Masalah

budi bahasa. Kalau kita lihat, sekarang ini orang bercerai rumah tangga bukan masalah kaya-raya, tidak, bukan masalah miskin. Orang kaya-kaya yang bercerai sekarang ini. Orang dulu miskin tetapi tidak bercerai. Dia dapat jaga anak dia lapan orang, kerana dia ada budi bahasa, ada akhlak. Kalau kita melihat yang itu, sekarang ini orang Melayu sudah kaya-raya dah. Boleh dikatakan kaya-raya. Orang Melayu Kelantan kaya. Oleh kerana itu, dia boleh pakai khadam dia, dia boleh pakai pembantu rumah.

Begitu juga orang lain, kaya-raya. Jadi, saya tidak nampak masalah kita miskin, kita kurang duit. Saudi kaya. Di Yaman itu, miskin daripada kita, tetapi masing-masing ada pembantu rumah, sama dengan kita. Tetapi, barangkali kerana budi-bahasa mereka lebih daripada kita. Oleh kerana itulah saya katakan, bahawa kursus budi-bahasa yang dianjurkan oleh Kementerian Penerangan itu perlu, bukan sekadar anak-anak kecil di sekolah. Tetapi orang tua mesti diserapkan benda ini. Selagi budi-bahasa tidak diketengahkan kepada masyarakat kita, walaupun wang kita banyak, apa banyak, wang itulah sebenarnya yang menghancurkan kita. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Jasin?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih. Saya rasa Yang Berhormat bagi Pasir Mas, sendiri soal, sendiri sudah jawab, itulah dia. *[Ketawa]* Tidak payah saya hendak jawab lagi. Hanya saya minta Tuan Yang di-Pertua, supaya kementerian mengkaji balik dan membolehkan majikan-majikan yang berupaya, yang mungkin pendapatan lebih daripada RM10,000 ataupun RM5,000, kita tetapkan dia punya pendapatan supaya.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, banyak lagi?

Seorang Ahli: Banyak lagi.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Besok, saya hendak bawa ke arah bagaimana hendak memperbaiki sistem kita, Tuan Yang di-Pertua. Panjang lagi Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Besok hendak sambung lagi?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Okey, boleh Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada bahan?

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ada bahan yang....

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Ada lagi Tuan Yang di-Pertua. Jadi besok sambung, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Selepas. Sebab nanti kita ada Peraturan Mesyuarat.

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Jadi Tuan Yang di-Pertua, kita minta supaya kementerian yang bertanggungjawab ini buat satu peraturan yang membolehkan majikan-majikan yang mempunyai pendapatan yang secukupnya untuk menggajikan kedua-dua sekali suami isteri pasangan ini tadi. *Driver* dan juga pembantu rumah suami isteri supaya kita hendak mengelakkan masalah yang lari-lari ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat boleh sambunglah selepas Usul Peraturan Mesyuarat 18(1).

Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PEATURAN MESYUARAT 18(1)

Nelayan Thailand Menakutkan nelayan Sarawak

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang masa telah pun pukul 4.30 petang. Menurut keputusan yang telah pun dibuat pagi tadi, satu usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) telah dibenarkan, dibahaskan pada petang ini. Saya sekarang memulakan perbahasan usul itu seperti yang telah pun diputuskan tadi, pihak pencadang akan diberi 30 minit dan pihak kerajaan juga 30 minit. Saya menjemput Yang Berhormat bagi Bandar Kuching mengemukakannya.

4.30 ptg

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kejadian yang saya sebut dalam notis usul saya pagi tadi adalah satu perkara

yang berlaku di Tanjung Sireh di Divisyen 3 di Sarawak lebih kurang 10 batu nautikal perairan Sarawak. Dari huraian yang diberi kepada saya oleh nelayan-nelayan yang terlibat, kapal nelayan Thailand yang berkenaan masa itu didapati sedang menjalankan penangkapan ikan secara haram di perairan kawasan 10 batu nautikal perairan kita dan jala pukat tundanya itu telah tersangkut dengan jala kapal nelayan tempatan kita.

Oleh itu pergaduhan telah berlaku dan dalam pergaduhan yang berlaku itu nelayan-nelayan Thai telah menembak tiga kali dengan senapang mereka. Nelayan tempatan kita terdengar tiga tembakan senapang. Oleh itu mereka panggil telefon radio kapal-kapal nelayan tempatan yang lain yang sedang menjalankan penangkapan ikan di sekelilingnya supaya datang untuk membantu. Kapal nelayan Thai itu hendak melanggar kapal nelayan tempatan kita tetapi nasib baiklah *angle* dia telah terkeluar sedikit dan akhirnya kapal Thai sendiri itu tenggelam.

Walaupun hal ini telah berlaku tetapi semua nelayan Thai itu telah pun diselamatkan oleh nelayan kita dan selepas itu nelayan kita berasa takut kerana di dalam kebanyakan kapal nelayan Thai terdapat senapang dan Persatuan Nelayan Sarawak juga mengadakan satu *emergency meeting* yang memutuskan bahawa seluruh nelayan di Sarawak akan menghentikan segala aktiviti menangkap ikan di perairan Sarawak buat masa dua minggu. Di sini surat khabarnya menceritakan [*Membaca keratan akhbar dalam bahasa Cina*]...dengan izin.

Jangka masa dua minggu yang ditetapkan oleh persatuan itu adalah masa kerajaan supaya mengambil tindakan untuk mengatasi masalah ini kerana di dalam artikel di dalamnya ada menyebut bahawa pemberhentian selama dua minggu ini *is not necessary two weeks* mungkin akan dipanjangkan memandangkan apakah tindakan yang akan diambil oleh kerajaan untuk mempertahankan nyawa dan harta benda nelayan tempatan kita.

Tuan Yang di-Pertua, masalah ini ditimbulkan kerana kerajaan semenjak tahun 1998 telah mengeluarkan banyak *Deep Sea Fishing License* dan membenarkan pemegang lesen itu menyewakan lesen tersebut kepada kapal asing untuk menjalankan *deep sea fishing* di perairan kita. Sehingga Mac 2004 jumlah permit menangkap ikan laut dalam atau *Deep Sea Fishing Permit Vessel Chartered* asing itu yang telah dikeluarkan adalah sejumlah 833. Dari jumlah ini 320 unit telah beroperasi dan dari

kenyataan yang diberikan oleh pegawai-pegawai tinggi dalam *fishery* untuk mengeluarkan satu lesen menerima RM5,000 dan itulah *hear say*. Saya tidak tahu sama ada ia benar atau tidak benar tetapi saya menyeru ACA supaya mengadakan siasatan.

Pemegang lesen itu akan menyewakan lesen menangkap ikan laut dalam itu *Deep Sea Fishing Licence* menyewakan lesen itu kepada nelayan kapal asing dan sewa bulannya ialah juga RM5,000 satu bulan. Oleh itu, ia telah mengakibatkan banyak masalah kepada nelayan tempatan kita bukan sahaja sekarang ia telah juga mengancam nyawa nelayan kita kerana pemegang-pemegang lesen kapal asing, mereka bukan sahaja menjalankan penangkapan di luar 30 *nautical mile* tetapi mereka sering masuk ke dalam kawasan di dalam 30 *nautical mile*.

Pada mulanya mereka masuk pada waktu malam supaya tidak mudah dikesan dan ditangkap dan ditemui tetapi sekarang walaupun di hari siang mereka juga masuk ke dalam kawasan perairan 30 *nautical mile* itu untuk menjalankan aktiviti tangkapan ikan. Oleh itu nelayan tempatan kita telah mendapati bahawa kebelakangan ini ikan-ikan di perairan Sarawak telah berkurangan. Terdapat beberapa kawasan di mana dahulunya tangkapan besar boleh dibuat dalam masa yang singkat tetapi sekarang tiada banyak ikan yang dapat ditangkap.

Oleh itu rezeki kebanyakan nelayan-nelayan di Sarawak pun terjejas. Kesan ini bukan terbatas kepada keluarga-keluarga nelayan juga, ia juga mempengaruhi penjual ikan yang ramai. Dari satu tinjauan yang dijalankan oleh Persatuan Nelayan Sarawak, bilangan orang yang terlibat yang dipengaruhi oleh akibat aktiviti itu adalah lebih kurang 100,000. Oleh kerana kekurangan bekalan di pasaran tempatan, maka harga ikan juga naik. Itu adalah salah satu sahaja dari masalah yang ditimbulkan oleh kerana polisi kerajaan mengeluarkan, membenarkan pemegang *Deep Sea Fishing Licence* menyewakan lesen itu kepada kapal asing, menggunakan *chartered* kapal asing.

Di samping itu kita juga kerugian banyak cukai kerana di bawah Akta Fishery 1985 segala tangkapan yang diperolehi dalam EEZ kita seharusnya akan diproses di negara kita, dibayar cukai atas tangkapan dan baru boleh dieksport. Tetapi apa yang berlaku adalah *charter* kapal asing itu selepas tangkapan yang besar mereka akan *tranship* tangkapan mereka kepada *mother boat* yang tunggu di *international water*,

dan dalam proses itu mereka mengelakkan pembayaran cukai. Kalau saya tidak salah ingat Setiausaha Parlimen juga pernah sebut, bahawa kerugian kutipan cukai negara kita akibat daripada *transshipment* itu beratus-ratus *million* satu kod sehinggakan satu bilion satu tahun, kalau saya tidak salah ingat.

Masalah yang keempat adalah tujuan kerajaan meng“*issue*”kan atau mengeluarkan *deep sea fishing licence* dan membenarkan pemegang lesen itu menyewa kepada kapal asing, tujuannya adalah untuk mewujudkan satu *technological transfer* supaya nelayan tempatan kita boleh mendapat manfaat daripada *technological transfer* itu. Tetapi oleh kerana pelaksanaan mengeluarkan lesen itu adalah tidak telus dan lesen itu kebanyakannya dikeluarkan kepada Ali Baba, syarikat yang tidak benar-benar menjalankan penangkapan ikan.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Oleh itu, *technological transfer* tidak diwujudkan tetapi sebaliknya dari nelayan-nelayan Thailand, kita telah di “*transfer*”kan HIV. HIV case yang pertama dijumpai di Sarawak adalah disyaki daripada nelayan dari Thailand dan sekarang masalah HIV di Sarawak semakin hari semakin teruk. Tahun lalu, jumlah penghidap HIV dan AIDS itu telah menjadi *double* di Sarawak dan sekarang ada 600 kes HIV di Sarawak. Apakah yang kerajaan buat?

Kerajaan mengimplementasikan *deep sea fishing licence* kepada mereka yang melanggar *condition licence*, tetapi kerajaan tidak mampu tangkap semua yang melanggar peraturan itu dan saya masih ingat dalam tahun lalu, 2004, adalah satu Rang Undang-undang Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia 2004 diluluskan dan dalam ucapan membentangkan rang undang-undang itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah menyebutkan, saya memetik, “Penguatkuasaan undang-undang maritim negara pada masa ini diluluskan secara sektorial oleh 11 jabatan dan agensi kerajaan. Ianya melibatkan hampir 5,000 anggota dan lebih 400 buah kapal dan bot. Dalam hubungan ini, agensi-agensi yang berkaitan telah mengambil langkah bersendirian untuk mengembangkan organisasi dan menambahkan aset agensi masing-masing sejajar dengan tanggungjawab yang diberikan meskipun pendekatan ini dalam konteks jabatan

masing-masing ada keberkesanannya, namun dalam konteks negara dengan begitu banyaknya agensi yang terlibat dalam aspek penguasaan iaitu telah menyebabkan pertindihan fungsi dan bidang kuasa.”

Seterusnya menteri itu juga menyebut sebegini, “Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi tujuan kerajaan dengan penubuhan agensi ini. Agensi ini adalah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM). Ianya akan dapat melaksanakan fungsi-fungsi penguatkuasaan dengan lebih berkesan dan efisien bagi memastikan kesejahteraan dan keselamatan zon maritim Malaysia agar kepentingan maritim dan kepentingan lain negara dalam zon itu sentiasa terpelihara.”

Seterusnya menteri juga ada sebut, “Adalah menjadi tujuan kerajaan untuk melihat agensi ini memulakan operasinya pada bulan Mac tahun hadapan, iaitu bulan Mac tahun ini, sekarang bulan Jun. Masa ini diperlukan bagi menentukan segala persiapan logistik dan latihan dapat berjalan dengan sempurna dan lancar. Kerajaan yakin bahawa dengan tertubuhnya agensi baru ini, pentadbiran lautan atau *ocean governance* akan menjadi lebih efektif dan teratur dengan penggunaan sumber-sumber secara lebih optimum.”

Rang undang-undang itu telah diluluskan dan bulan Mac juga telah berlalu dan sekarang bulan Jun. Tetapi masalah sebegini terus berlaku. Sekarang warganegara kita yang merasa keraguan terhadap kemampuan kerajaan dan negara untuk memberi perlindungan terhadap nyawa dan harta mereka. Itu menunjukkan kedaulatan negara kita telah dicabar. Itu adalah satu kenyataan yang sangat memalukan. Dan jika kita meneliti bajet yang diluluskan pada tahun lalu, Bajet 2005, bajet untuk Kementerian Keselamatan Dalam Negeri yang juga ada agensi maritim di dalam kementerian itu sebahagiannya, jumlah bajet bagi Kementerian Keselamatan Dalam Negeri adalah RM4,483,682,100 dan bajet untuk Kementerian Pertahanan yang juga ada maritim, tentera laut di bawah kementerian itu, Kementerian Pertahanan mendapat peruntukan yang ketiga terbanyak, *the third largest budget*, RM9,398,654,000.

Dengan bajet-bajet yang begitu besar dan dengan tujuan yang begitu murni dengan meluluskan Rang Undang-undang Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), tetapi nampaknya tidak ada apa-apa kesan untuk memberi perlindungan kepada nyawa nelayan kita dan tidak memberi apa-apa keyakinan kepada warganegara

kita. Dari segi nelayan, mereka merasa bahawa rezeki mereka telah dirompak oleh dua pihak. Satu pihak adalah kapal asing, nelayan asing kerana hasil lautan yang dirompak oleh nelayan asing yang mengurangkan rezeki mereka, mengurangkan *income* mereka.

Mereka juga beranggapan nelayan sebagai lanun kerana yang merompak hasil lautan kita. Dari pihak yang kedua, double jeopardy. Pihak yang kedua yang merompak mereka adalah Kerajaan Barisan Nasional [*Disorak*] kerana ia meningkatkan harga diesel. Ya! Di sebelahnya *income* dikurangkan, di sebelahnya *expenses cost* ditingkatkan oleh sebab kerajaan meningkatkan harga diesel, itulah tidak adil terhadap nelayan negara kita.

Oleh itu, saya bercadang kerajaan kita seharusnya menyokong seruan nelayan-nelayan Sarawak supaya kerajaan dengan segeranya menghentikan dasar penggunaan shuttle kapal asing untuk menjalankan penangkapan ikan laut dalam dan membatalkan segala lesen penangkapan ikan laut dalam yang menggunakan shuttle kapal asing.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah?

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tidak boleh.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tidak boleh.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Bolehlah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Apa tidak boleh, bolehlah, saya terpenggil dengan hujah oleh Kuching ini, you kata Barisan Nasional rompak nelayan pasal diesel punya harga, harga diesel naik. Harga diesel bagi subsidi diberikan kepada nelayan, macam mana pula Barisan Nasional rompak nelayan punya, you punya kenyataan salah. Kerajaan Barisan Nasional menolong nelayan kerana memberi subsidi diesel. You tarik balik you punya persoalan, you punya cakap kerana Barisan Nasional rompak.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Awak mahu tarik balik, awak tarik baliklah, saya mewakili kawasan Bandar Kuching bukan 'kucing'. [*Ketawa*]

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yalah, Bandar Kuching, kucing pun sama jugalah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tidak sama, kucing adalah haiwan, binatang.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Habis bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Kalau saya panggil kamu binatang, awak mahukan? Tidak mahukan?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bukan. Hei! Kalau you panggil binatang, you pun binatang juga.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Saya ada sopan untuk menarik balik kalau saya panggil awak binatang tetapi kalau awak panggil saya kucing. Ha! satu. Kucing adalah sejenis binatang

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kucing tarik baliklah, kalau you panggil saya binatang, you pun binatang jugalah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tarik balik.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Apahal? Apa tarik balik pula?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Saya sangka baik, pasal dalam Bandar Kuching ada kucinglah. Apalah, bukan saya kata you kucing.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Di depan kucing.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tambahlah, tambahlah itu perkataan 'Bandar'.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bukan saya panggil kamu begitu...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya...

Cik Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Mintalah panggil nama baik-baiklah.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Yalah.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: This is my floor, you want to speak later.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: You tuduh Barisan Nasional itu tidak betul sebab Kerajaan Barisan Nasional bagi subsidi diesel kepada nelayan. Kenyataan itu salah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Sri Gading, sila duduk.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Bandar Kuching ada enam minit sahaja lagi.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: dan pihak Yang Berhormat untuk berucap.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Last point, cadangan kedua adalah supaya kerajaan meningkatkan perondaan polis marin dan tentera laut di perairan Sarawak. Sekian, terima kasih.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Saya sokong. Saya sokong, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila Yang Berhormat Bagan.

4.54 ptg

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk menyokong usul tergepar yang dibawakan oleh Bandar Kuching. Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1998 kerajaan kita telah berjanji dengan Kerajaan Thai supaya memberi lesen untuk shuttle vessel nelayan-nelayan Thai supaya kononnya hendak pelajari teknik-teknik menangkap ikan dari Thailand tetapi sehingga sekarang masih tidak ada apa-apa teknikal transfer seperti apa yang telah dikatakan oleh wakil Bandar Kuching.

Perjanjian ini hanya akan tamat pada tahun 2006 Jun iaitu masih ada satu tahun. Dalam tujuh tahun ini, nelayan di Sarawak telah hidup dalam kesengsaraan seperti apa yang diceritakan oleh Bandar Kuching. Bukankah pada Akta Perikanan 1985 diterangkan bahawa semua hasil laut perlu didaratkan di tanah kita dan perlu diproses, di bayar cukai, kalau hendak dieksport barulah dieksport dari negara kita tetapi apa yang berlaku sekarang ialah tangkapan hasil laut ini telah dipindah di atas lautan dan terus dikeluarkan kepada destinasi yang dikehendaki. Bukankah ini telah melanggar Akta Perikanan 1985 di mana nelayan Thai ini tidak perlu langsung bayar cukai hasil mereka. Tambahan pula diesel yang disubsidikan oleh negara kita untuk nelayan-nelayan tetapi vessel Thailand ini membeli diesel di Sarawak.

Jadi, mereka mengambil kesempatan kemudahan negara kita dan hasil mereka terus dijual kepada negara asal mereka. Semua ini tidak memberi faedah atau memberi

manfaat kepada negara kita. Saya juga berharap supaya kerajaan boleh menimbang semula dengan menarik balik lesen-lesen yang telah diberi kerana mereka terang-terang telah melanggar syarat-syarat dan tidak pergi ke lautan seperti 35 nautical miles dari daratan tetapi mereka memukat di tempat-tempat di mana dikhaskan untuk nelayan-nelayan tepi pantai.

Ini juga berlaku di Semenanjung, di Perak, di Selangor dan di Pulau Penang dan Kedah, di mana pukat harimau mencerobohi kawasan nelayan pantai dan walau pun marin polis atau pasukan peronda mereka nampak tetapi pura-pura tidak nampak. *[Ketawa]* Jadi, ini pun satu masalah. Tidakkah berlaku di kawasan Yang Berhormat? Tidak berlakukah di kawasan Yang Berhormat? Pukat harimau?

Dr. James Dawos Mamit [Mambong]: *[Menyampuk dan bangun]*

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab itu....hendak tanya apa? *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, teruskan.

Tuan Lim Hock Seng [Bagan]: Ini semua mengenai dengan kesengsaraan nelayan pantai, kehidupan mereka, rezeki mereka telah dirosak oleh pukat harimau. Saya menyeru kerajaan supaya menimbang semula, supaya kehidupan nelayan kita dapat dipertahankan. Sekian sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, satu minit lagi, boleh? Sila, Yang Berhormat Petrajaya.

4.59 ptg

Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petra Jaya]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya kira usul yang dibawa pada hari ini adalah premature, dengan izin, sebab apa yang kita lihat berlaku seperti mana yang katakan oleh Yang Berhormat bagi Bandar Kuching berlaku yang lepas. Sebenarnya tindakan telah diambil, kalau kita melihat kepada laporan-laporan akhbar, di mana Timbalan Ketua Menteri Sarawak, yang juga merupakan Menteri Pemodenan Pertanian Sarawak telah sebenarnya menguruskan perkara ini melalui beberapa siri dialog dan juga tindakan, di mana pihak marine fisheries telah diarahkan untuk mengambil tindakan untuk memperketatkan kawalan-kawalan di perairan.

Saya ingin memetik beberapa keratan akhbar misal katanya dalam *Berita Harian*, Rabu 22 Jun, hari ini di perkatakan Polis Diraja Malaysia akan menjalankan siasatan, pertamanya siasatan. Maknanya bila berlaku permasalahan pertama sekali polislah yang akan menyiasat apa sebenarnya berlaku sebab ada dua cerita di sini.

Saya sendiri sebenarnya telah menyiasat juga dan bertanya dan apa yang berlaku kemungkinan adanya provokasi daripada para nelayan tempatan yang memprovokasikan nelayan-nelayan laut dalam ini yang menimbulkan, mengakibatkan perselisihan faham dan di sini siasatan masih dijalankan. Jadi usaha sebegini rupa saya rasa *premature* dan polis telah mengarahkan supaya diperketatkan kawalan-kawalan marin supaya akan menjaga keadaan ini dan sebenarnya tidaklah seburuk apa yang diperkatakan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz : Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh?

Seorang Ahli: Sinilah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz Boleh, boleh?

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Mana satu?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya begini. Bagi saya apa Petra Jaya punya pendapat Tuan Yang di-Pertua, maknanya tuduhan-tuduhan yang dibuat oleh Yang Berhormat Bandar Kuching - ini hendak betul sedikit, dia tidak boleh dipanggil Kuching rupanya, Yang Berhormat Bandar Kuching dan juga Yang Berhormat Bagan, maknanya tuduhan-tuduhan yang melululah. Kerajaan Barisan Nasional mengikut kenyataan Petra Jaya telah pun lebih dahulu mengambil tindakan membela nelayan-nelayan ini. Jadi maknanya apa yang dibuat oleh DAP ini benda-benda yang tidak beberapa penting lagi kerana Kerajaan Barisan Nasional lebih dahulu bertanggungjawab mengambil tindakan. Apakah betul begitu Yang Berhormat Petra Jaya?

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Sangat bersetuju Yang Berhormat Sri Gading. Banyak laporan sebenarnya yang tidak dinyatakan oleh Yang Berhormat Bandar Kuching.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan.

Tuan Lim Hock Seng: Bagi sinilah.

Tuan Chong Chieng Jen: Tidak beranikah?

Tuan Lim Hock Seng: Tadi....

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Tidak diizin, *my floor*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen: Tadi ada bagi.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: *My floor, my floor please.*

Tuan Chong Chieng Jen: Tadi ada bagi, tadi ada bagi.

Puan Chong Eng: [*Menyampuk*]

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Bagi saya respons

Tuan Chong Chieng Jen: Tadi ada bagi, tidak berani dicabarkah menerima cabarankah?

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Bagi saya respons dahulu.

Tuan Chong Chieng Jen: Tidak berani?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Bagi saya respons.

Tuan Chong Chieng Jen: Okay, tidak berani tidak apalah.

Seorang Ahli: Bagi sayalah Yang Berhormat Petra Jaya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat sudah, sudah.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Sekejap, sekejap *let me response.*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Petra Jaya sila teruskan.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Izinkan saya menjawab pada Yang Berhormat Sri Gading dahulu. Jadi sebagaimana yang saya katakan tadi begitu banyak laporan akhbar yang tidak dikemukakan secara jelas oleh Yang Berhormat Bandar Kuching, jadi yang dilaporkan hanyalah di pihak nelayan. Ada juga laporan daripada pihak kementerian, maknanya Ketua Menteri Sarawak melalui Timbalan Ketua Menteri telah mengambil tindakan lebih awal daripada apa yang dilakukan pada hari ini. Jadi apa yang dilakukan hari ini adalah *premature* hanya merupakan gimik politik untuk membawa seolah-olah DAP lah memperjuangkan.

Seorang Ahli: [*Menyampuk*]

Dr. James Dawos Mamit: [*Bangun*]

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Ya, sila Yang Berhormat Mambong, sila Yang Berhormat Mambong.

Tuan Yang di-Pertua: Mambong.

Dr. James Dawos Mamit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat daripada Petra Jaya. Saya ingin memohon penjelasan untuk dua perkara. Yang pertama, tadi disebutkan bahawa polis nampak dan pura-pura tidak nampak, ini daripada Yang Berhormat Bagan. Tetapi saya faham bahawa pada tahun lepas, tahun 2004, 30 buah bot nelayan asing telah pun ditangkap oleh polis marin Sarawak. Jadi kalau polis tidak nampak kenapa 34 bot ini ditangkap? Boleh ditangkap?

Seorang Ahli: [*Menyampuk*]

Dr. James Dawos Mamit: Apa ini Yang Berhormat Bagan!

Yang Berhormat Petra Jaya, yang kedua, tangkapan menurun, tangkapan menurun ini. Adakah tangkapan menurun ini disebabkan *over fishing* ataupun tangkapan menurun disebabkan pembuangan sisa-sisa toksik dan bahan minyak di dalam perairan yang menyebabkan pencemaran laut dan akibatnya ikan banyak mati. Jawablah.

Beberapa Ahli: Ha, jawablah cepat, jawab!

Puan Chong Eng: [*Menyampuk*]

Tuan Lim Hock Seng: [*Bangun*]

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat Mambong. Jadi sebenarnya soalan itu telah terjawab sendiri oleh Yang Berhormat Mambong. Ini betapa ceteknya pandangan DAP dalam perkara ini. Jadi begitu berat sebelah dan laporan-laporan baru-baru ini telah di lapor juga dalam akhbar.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Bagan minta laluan.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Sekejap, sekejap saya belum habis respons kepada Yang Berhormat Mambong. Jadi baru dilaporkan nelayan Vietnam baru semalam ditangkap beberapa buah bot oleh polis marin. Bagaimana mereka boleh mengatakan bahawa polis marin ini pejam mata, pura-pura dan sebagainya. Jadi cukuplah dengan tuduhan melulu yang sebegini rupa. Yang saya khawatirkan, yang Tuan Yang di-Pertua, perkara ini sebenarnya diangin atau diangkat-angkat oleh sesuatu pihak

supaya timbulnya permasalahan dan dikaitkan sebenarnya untuk tujuan politik, jadi tidak menyelesaikan sebenarnya masalah.

Sepatutnya kita sebagai wakil rakyat bertanggungjawab, kalau timbul masalah kita harus memujuk, misal kata nelayan ini supaya mengikuti prosedur. Kita ada undang-undang, kita ada polis untuk mengambil tindakan. Bukanlah kita hendak mengambil tindakan dalam tangan kita sendiri. Kita tahu kalau perkara ini berlaku maka timbullah huru-hara dan timbul huru-hara adalah orang yang 'menangguk di air yang keruh.'

Tuan Lim Hock Seng: [*Bangun*]

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Jadi ini yang kita khawatirkan. Jadi....

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat Bagan sudah menyelesaikan.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Sila, sila, sila.

Tuan Lim Hock Seng: Tuan Yang di-Pertua, laporan nelayan-nelayan menjalankan protes bukan kita sendiri yang cipta. Dalam laporan Star hari ini pun ada memaparkan gambar-gambar di mana nelayan ada menjalani protes-protes dengan slogan-slogan dan juga sepanduk-sepanduk dan di sini satu laporan akhbar dari Kuching, *United Daily News* kelmarin sahaja, pun ada. Kalau ini nelayan mereka sudah kenyang tidak ada kerjakah? Tidak mahu pergi lautkah? Suka-suka keluar untuk memprotes? Memprotes dengan sekeras-kerasnya nelayan Thailand mencero bohi wilayah kita, ini dalam *Chinese wording* saya terjemah sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat baik.

Tuan Lim Hock Seng: Saya hendak memberi satu penjelasan berkenaan dengan tuduhan saya. Pada suatu malam, nelayan tempatan kita di kawasan saya, mereka telefon saya kata pukat harimau mencero bohi Pantai Jerneh di kawasan kita. Itu tadi pun saya ada kata seperti berlaku di Semenanjung sini.

Puan Chong Eng: [*Menyampuk*] Ha, tidak dengarkah ucapan?

Tuan Chong Chieng Jen: Tidak dengar baik-baik.

Tuan Lim Hock Seng: Jadi saya pun telefon *marine police*, saya telefon *marine police* saya kata ada pukat harimau mencero bohi pantai kita dan minta *marine police* untuk tangkap mereka. *Marine police* kata, oh, kita ada bot di sana, tapi tidak ada

nampak mana-mana ada pukot harimau tetapi kawan saya dia telefon *saya marine police* memang ada di kawasan sana. Mereka mengawasi pukot harimau itu menangkap ikan, mengawasi tetapi tidak jalan apa-apa pun. Dia nampak tetapi dia tidak ambil tindakan.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Itu cerita belum tentu betullah Yang Berhormat Bagan, itu cerita belum tentu betul.

Seorang Ahli: Cukup Yang Berhormat Tanjong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Petra Jaya ada tiga minit lagi ya.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Terima kasih. Jadi kalau kita amati apa yang diperkatakan oleh pihak DAP di sini sebenarnya *here say*, Yang Berhormat Bandar Kuching sendiri mengaku apa yang di katakan *here say*. Dalam konsep perundangan, kalau *hearsay* ini.....

Tuan Chong Chieng Jen: Minta penjelasan.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Ia daripada orang lain, *hearsay*. Kalau dapat *hear*, jangan diperkatakanlah, *hear don't say it here*.

Tuan Chong Chieng Jen: Minta penjelasan, minta penjelasan.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Duduk, duduk dahulu, saya ada tiga minit.

Tuan Chong Chieng Jen: Cakap sudah banyak, ada tiga minit? Selalu panjangkan masa!

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Jadi, bila *hearsay*, maknanya kita tidak dapat mendengar melainkan terbukti dengan siasatan, dibantu dengan fakta-fakta yang tertentu. Jadi dalam kes ini, polis menyiasat dan ternyata di sini, ada kapal Vietnam ditangkap baru-baru ini. Adakah polis marin tidak mengerjakan tugas mereka? Jadi, tidak boleh kita perkatakan sesuatu kejadian *digeneralize* sebagai satu kenyataan umum yang boleh diterima. Adalah tidak adil pada pihak polis marin. Jadi kalau kita hendak mengatakan sesuatu dan saya hormati Yang Berhormat bagi Bandar Kuching, tetapi sebagai apa yang diperkatakan tadi, disebabkan *hearsay*, kita sepatutnya tidak menerima dengan sebegitu mudah. Kita dengarkan kesemua pihak dapatkan fakta-fakta dan bukti tertentu, barulah sebagai wakil rakyat, kita nyatakan dengan bukti yang jelas dan nyata. Bukan semata-mata untuk menimbulkan isu.

Tuan Chong Chieng Jen: Minta penjelasan, bolehkah?

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Belum habis lagi!

Tuan Chong Chieng Jen: Yang Berhormat, jangan pura-pura tengok sanalah! Minta penjelasan!

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Duduk, duduk, masih banyak lagi, masih banyak lagi yang dikemukakan.

Tuan Chong Chieng Jen: Mana ada? Biarkan Setiausaha jawablah! *[Ketawa]*

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Duduklah, hormatilah peraturan Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Petrajaya, teruskan, satu minit lagi.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Jadi, ini sudah ada jaminan sendiri juga oleh Yang Berbahagia Datuk Osman Taib sebagai Pengarah Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam memberi jaminan bahawa polis marin akan berada di sana untuk memperkuatkan kawalan. Kedua, siasatan yang seadilnya akan dilaksanakan. Jadi, itu tindakan telah dibuat. Unsur sebegini rupa sebenarnya hanya membuang masa kita.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, baik.

Tuan Haji Fadillah bin Yusof: Banyak isu lagi yang harus kita bincangkan di sini dan untuk itu saya rasa unsur sebegini rupa kita buang sahajalah, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah Yang Berhormat. Saya minta Yang Berhormat pihak Menteri untuk memberi jawapan.

5.11 ptg.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Bandar Kuching, Bagan, Petrajaya dan celahan daripada Sri Gading dan Mambong di atas perbahasan tadi yang telah dijalankan dan di mana kebanyakan fakta yang telah disebutkan, memang diputarbelitkan untuk menimbulkan satu perasaan, untuk digunakan sebagai *political mileage*. Jadi, saya ingin hendak memberitahu kepada Yang Berhormat bagi Bandar Kuching, jangan kita menimbulkan ketakutan. Jangan kita menimbulkan emosi terhadap nelayan-nelayan ini dan bayangkan Yang Berhormat, dua minggu tidak turun ke laut, apa jadi? Lagi orang lain ambil ikan kita. Bukan senang, dua minggu itu satu masa yang lama.

Tuan Chong Chieng Jen: Minta penjelasan.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Dan selepas itu pula mengatakan Barisan Nasional tidak buat itu dan ini, menjadi perompak, menjadi penyamun, itu adalah suatu kenyataan yang begitu tidak bertanggungjawab. Yang Berhormat, saya belum masuk lagi, itu mukadimmah. Jadi biarlah dahulu ulas banyak sedikit, jadi Yang Berhormat boleh masuk benda-benda lain lagi, saya belum masuk lagi Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Masa terhad!

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Ya, masa saya pendek.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, pihak menteri hendak bagi jawapan.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Yang Berhormat, yang sebenarnya bukan Yang Berhormat sahaja yang membawa isu pada hari ini sebab untuk memberitahu bahawa kami Kerajaan Barisan Nasional ini begitu *transparent* dan telus, okay, kita biarkan supaya usul ini dibahaskan. Tetapi untuk makluman Yang Berhormat, kawan-kawan daripada Barisan Nasional sudah lama membawa hal ini Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua....

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Yang Berhormat, Yang Berhormat. Kawan-kawan dari Barisan Nasional

Tuan Chong Chieng Jen: Ada satu kesalahan yang disebutkan, bukan Barisan Nasional yang membiarkan usul ini dibahaskan. Itu keputusan Tuan Yang di-Pertua! Apa ini?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Samalah, sama, okey Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat....

Tuan Chong Chieng Jen: Yang Berhormat anggap Tan Sri (Tuan Yang di-Pertua) sebagai Kerajaan Barisan Nasional kah? Tidak patut!

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat....

Tuan Chong Chieng Jen: Kita menghormati kerusi.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Kawan-kawan daripada Barisan Nasional sudah membawa kisah ini tahun lepas, Yang Berhormat. Saya turun berdialog atas pelawaan Yang Berhormat bagi Bintulu. Saya turun berdialog dan untuk makluman Yang Berhormat, 16 Julai 2004, saya sendiri yang mempengerusikan dialog. Tetapi

Yang Berhormat, sampai hari ini saya masih menunggu *counter-proposal* daripada nelayan untuk kita sama-sama memungkinan yang terbaik untuk semua nelayan. Kalau katakan buang asing, kita mesti ada cara kalau kita hendak memberhentikan *charter* asing ini, berilah satu proposal untuk kita adakan satu tindakan, bukan sahaja buang macam itu! Tetapi apa tindakan susulan selepas itu?

Tuan Lim Hock Seng: Penjelasan, penjelasan!

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: [Bangun]

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Yang Berhormat, Yang Berhormat, saya masuk dahulu Yang Berhormat, belum masuk lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Cepat sedikit masuk ya!

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Saya ini asyik tidak masuk lagi, ini mukadimah Yang Berhormat, nanti sekejap, sekejap. Yang Berhormat, saya habiskan dahulu ya.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.....

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Tuan Yang di-Pertua, dalam peristiwa yang berlaku pada 17 Jun 2005 yang lepas di mana sebuah vessel tempatan – SF2-2241 iaitu pukat tunda zon C yang sedang beroperasi menangkap ikan di perairan kira-kira sepuluh batu nautika dari kawasan Tanjung Sireh, Sarawak telah bertembung dengan *vessel charter* SF2-1282C yang sama-sama beroperasi di kawasan tersebut. Semasa aktiviti penangkapan ikan tersebut, hampir berlaku perlanggaran di antara kedua-dua *vessel* ini sekali gus menimbulkan perselisihan faham di antara kedua-dua tekong berkenaan. Dalam masa yang sama, tekong *vessel* tempatan tadi telah menghubungi pemilik *vessel-vessel* tempatan yang lain di kawasan Sibul untuk datang ke laut bagi membantu beliau dan sebagai kesudahannya, bot *charter* SF2-1282C telah karam.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usul yang dibentangkan oleh Yang Berhormat bagi Bandar Kuching, sebenarnya bot *charter* SF2-1282C tersebut bukanlah menangkap ikan secara haram seperti dikatakan Yang Berhormat tadi kerana ia mempunyai lesen masih sah sehingga 28 November 2005. Kementerian sedang menjalankan siasatan tentang dakwaan bahawa *vessel* tersebut telah menangkap ikan dalam kawasan sepuluh batu nautika dari pantai. Jika didapati dakwaan tersebut benar, ia merupakan satu kesalahan

di bawah Akta Perikanan 1985 iaitu melanggar syarat lesen di mana kawasan menangkap ikan yang dibenarkan bagi *vesse/* ini ialah 30 batu nautika dan ke atas. Insya-Allah Yang Berhormat, kita akan mengambil tindakan tetapi siasatlah dahulu. Jangan terburu-buru Yang Berhormat, ya?

Tuan Chong Chieng Jen: Minta penjelasan, minta penjelasan.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Sekejaplah, tidak habis lagi. Mengenai dakwaan bahawa *vesse/* tersebut telah tenggelam, pemilik *vesse/* telah membuat satu laporan polis di Balai Polis Sarikei dan sedang dalam siasatan pihak polis sama ada terdapat unsur-unsur jenayah. Jadi bermakna, ini adalah kes polis.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan dakwaan mengenai pergaduhan dan pertempuran antara krew warga Thailand dan tempatan sering berlaku, setakat ini kementerian tidak pernah menerima sebarang laporan mengenainya. Walaupun tidak dinafikan wujud sentimen kurang puas hati di kalangan nelayan tempatan terhadap dasar *charter* ini, kementerian menyangkal dakwaan bahawa berlakunya kes di mana nelayan tempatan ditembak oleh krew warga Thailand dengan senjata M16 kerana setakat ini tiada laporan atau bukti yang diterima tentang perkara tersebut. Kerajaan sedia mengambil tindakan tegas dan kementerian boleh membatalkan terus lesen *vesse/* sekiranya didapati melakukan kesalahan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini tidak dinafikan berlaku sedikit keresahan di kawasan tersebut....

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Minta penjelasan.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: tetapi tidaklah di seluruh Sarawak seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat. Mengikut tinjauan Jabatan Perikanan Laut.....

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Bagi jalan!

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Yang Berhormat, saya habiskan dahulu Yang Berhormat ya?

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Sedikit sahaja.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Itu Kelantan. Itu jauh sangat, nanti hanyut. Rantau Panjang terdahululah. Mengikut tinjauan Jabatan Perikanan Laut Sarawak, pendaratan ikan yang diusahakan oleh 13,000 nelayan tempatan masih stabil

dan menunjukkan prestasi yang baik dan tidak menunjukkan penurunan yang membimbangkan seperti dakwaan dalam usul tersebut. Berhubung dengan aktiviti penangkapan ikan, terdapat beberapa faktor *vesse/vesse/* tidak beroperasi.

Yang Berhormat, ada beberapa faktor *vesse/* tidak beroperasi di antaranya, musim kekurangan ikan, kerja-kerja pembaikan *vesse/* dan perkakas.....

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Penjelasan sedikit!

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Kekurangan krew dan bukan hanya faktor ketakutan yang menjadi punca utama nelayan tidak keluar ke laut menangkap ikan.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Bagi peluang sedikit.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak teruskan Yang Berhormat, saya hendak teruskan.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Oh, bagi peluang sedikit!

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Tuan Yang di-Pertua, mengenai usul meningkatkan rondaan penguatkuasaan, kerajaan melalui agensi penguatkuasaan seperti polis marin, tentera laut dan Jabatan Perikanan memang sentiasa menjalankan rondaan dan mengawasi perairan kita termasuk Sarawak. Untuk makluman, sejumlah 135 kes tangkapan telah dilakukan terhadap *vesse/* penangkapan ikan asing di perairan Sarawak pada tahun 2000 sehingga 2004 dengan jumlah denda terkumpul hampir RM60 juta. Siapa kata tidak ada tindakan? Ada. RM60 juta kita kumpul denda.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai usul agar kerajaan memberhentikan dasar *charter* asing dengan segera, ingin dimaklumkan bahawa kerajaan memang sedang mengambil langkah untuk mengatasi masalah ini. Walau bagaimanapun untuk makluman Yang Berhormat, Dasar *Vesse/* Penangkapan Ikan *Charter* Asing telah diperkenalkan bagi tujuan untuk membangunkan industri perikanan laut dalam untuk meningkatkan pengeluaran ikan negara. Pembangunan industri perikanan laut dalam juga dapat mendorong kepada kemajuan pembangunan industri hiliran dan hulu serta sektor-sektor yang berkaitan sebagaimana yang berlaku di negara-negara maju.

Di antaranya termasuk bidang pemprosesan ikan, aktiviti nilai tambah, pembaikan dan pembinaan *vesse/*, pembangunan sektor perkhidmatan, kemudahan asas, pembangunan sumber manusia dan sebagainya. Dasar *charter* ini merupakan

langkah sementara bagi tujuan seperti yang dinyatakan di atas dalam tempoh yang terdekat. Pada masa yang sama juga, pengusaha-pengusaha *vessel charter* adalah diharapkan mengambil peluang dan kesempatan ini untuk meningkatkan pengetahuan dan menimba pengalaman bagi menguruskan projek penangkapan ikan laut dalam, dan seterusnya dapat mengumpulkan dana untuk menggantikan *vessel charter* dengan *vessel* milik mereka sendiri setelah tempoh *charter* asing berakhir.

Pada permulaan, sejumlah 246 *vessel charter* asing telah dilesenkan di Sarawak di mana pengkalan pendaratan ditetapkan di pelabuhan Tanjung Manis sahaja. Namun begitu, hanya 152 lesen yang masih sah dan beroperasi. Manakala sebanyak 94 lesen telah dibatalkan kerana melanggar syarat-syarat lesen dan tidak menepati tujuan dasar *charter*. Pada dasarnya tempoh lesen *charter* yang dibenarkan adalah tiga tahun dari tarikh sesebuah *vessel* itu mula dilesenkan. Selepas tempoh tersebut, lanjutan tempoh akan diberi dari setahun ke setahun dan tidak melebihi tiga tahun berikutnya berasaskan syarat-syarat yang ditetapkan. Namun begitu, lesen *vessel charter* yang menggunakan perkakas pukat tunda akan dikaji semula prestasinya, bagi *vessel* yang menggunakan perkakas pukat jerut, bubu dan rawai satu tempoh penamatan akan ditentukan kelak.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan pada masa ini sedang membangunkan pelabuhan Tanjung Manis yang dijangka siap pada tahun 2007 untuk pembangunan industri perikanan laut dalam Sarawak. Untuk membangunkan pelabuhan ini, kerajaan memerlukan sebilangan besar *vessel* laut dalam untuk membekalkan keperluan industri hiliran, dengan tujuan ini dasar *charter* telah diwujudkan.

Tuan Yang di-Pertua, tadi disebut kementerian akan pastikan bahawa bot-bot laut dalam yang berpangkalan di Tanjung Manis akan memasarkan 100%, bermakna kita tidak ada lagi hendak menggunakan orang tengah dan sebagainya, dan isu ini telah dipersetujui dalam perbincangan dengan pengusaha laut dalam pada 9 June yang lepas. Baru-baru ini mereka telah mengadakan dialog bersama dengan pengusaha. Setelah tamat tempoh *charter*, pada keseluruhannya nanti, pembangunan industri laut di Sarawak khasnya di pelabuhan ini akan diambil oleh Konsortium Perikanan Nasional Berhad yang mana konsortium ini bertanggungjawab untuk memoden dan membangunkan industri perikanan negara. Selain daripada aktiviti penangkapan ikan,

konsortium juga akan terlibat dalam pemasaran ikan, pengurusan pelabuhan, latihan tenaga kerja dan industri hiliran.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman juga, pihak kementerian memang mengalu-alukan apa juga pandangan terhadap pembangunan industri perikanan laut dalam khasnya di Sarawak. Kita sentiasa mengadakan perjumpaan dan untuk makluman memang kita telah mengadakan banyak perjumpaan pada 16 Julai tahun lepas.

Baru-baru ini 9 dan 10 Jun, dan Yang Berhormat besok akan diadakan satu lagi perjumpaan di Tanjong Manis untuk menenangkan keadaan. Sebab rosaklah Yang Berhormat, sebab kita ini Barisan Nasional asyik menenang, tetapi di sana asyik merosak, jadi macam mana ini Yang Berhormat?

Tuan Chong Chieng Jen: Penjelasan, penjelasan.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Jadi kita hendak bekerjasama bersama-sama.

Tuan Chong Chieng Jen: Jangan buat tuduhan.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Sebab nelayan ini kasihan Yang Berhormat. Sudahlah tidak turun laut dua minggu, lepas itu rosaklah, rosak dia punya pemikiran.

Tuan Chong Chieng Jen: Minta penjelasan.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Yang Berhormat, jangan hendak menakut-nakut Yang Berhormat.

Tuan Lim Hock Seng: Satu minit.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Sebab kita sentiasa memikirkan yang terbaik untuk nelayan.

Tuan Chong Chieng Jen: Tidak mahu kasi penjelasankah?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, hendak bagi penjelasan?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak beri

Beberapa Ahli: Teruskan, teruskan.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: ... sebab saya hendak teruskan, sebab banyak lagi...

Tuan Lim Hock Seng: Ada enam minit lagi.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Enam minit pun, enam minit sayalah Yang Berhormat. *[Ketawa]*.

Tuan Lim Hock Seng: *[Menyampuk]*

Tuan Chong Chieng Jen: *[Menyampuk]*

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Sebab tadi saya telah menunggu setengah jam. Jadi bagilah enam minit ini kepada saya juga Yang Berhormat. Yang Berhormat, Kelantan itu tidak ada apa Yang Berhormat, ini Sarawak dahulu. Ini yang saya tidak suka ini, sebab tidak lama lagi Pilihan Raya Negeri Sarawak. Inilah *political millage*, kenapa hendak mengapi-apikan....

Tuan Chong Chieng Jen: Ini tuduhan, kalau berani buat tuduhan...

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: ... dia katakan 100 ribu , tetapi sebenarnya 13 ribu, tidak boleh Yang Berhormat. Jangan main-main.

Tuan Chong Chieng Jen: Berani terima cabaran.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Yang Berhormat, jangan main emosi Yang Berhormat, nanti Yang Berhormat yang terbakar, bukan saya yang terbakar.

Tuan Chong Chieng Jen: Ini bukan emosi.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Barisan Nasional sentiasa prihatin, Barisan Nasional sentiasa memikirkan yang terbaik.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: DAP batu apilah.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Yang Berhormat baru sekarang ini membuat isu ini, yang kita selama-lama ini kawan-kawan Barisan Nasional selama-lama ini membawa kes ini. Jadi Yang Berhormat....

[Beberapa Ahli DAP menyampuk tanpa pembesar suara]

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: ...saya berharap Yang Berhormat janganlah menggunakan isu ini digembar-gemburkan tidak tentu arah macam ini dan lepas itu digalakkan pula jangan pergi ke laut.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat,...

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Ya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, teruskan.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Jadi, kami sangat berharap [*Ketawa*] bahawa.... jangan kacau saya. Kami sangat berharap bahawa keadaan ini akan ditenangkan dengan setenang-tenangnya dan....

Tuan Lim Hock Seng: [*Bangun*]

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Tidak boleh Yang Berhormat sebab saya hendak habis, enam minit saya punya. [*Ketawa*] Kami berharap kita bekerjasama. Sebab kalau kita sama-sama prihatin terhadap keadaan kebajikan nelayan kita, kita bekerjasama, sebab lautan ini luas. Ini kita tidak turun ke laut dua minggu, orang lain lagi masuk. Tadi Yang Berhormat berkobar-kobar memberitahu, ikan dibawa kepada *mother boat* dan bermacam-macam lagi. Jadi, jangan hanya bam..bam.. sahaja. Apa tindakan, apa *proposal*? Tidak ada.....

Tuan Lim Hock Seng: [*Bangun*]

Tuan Chong Chieng Jen: Ada cadangan....mahu dengar. Ada cadangan, ada tindakan. Mahu dengarkah?

[*Dewan riuh dengan suara sebab Ahli DAP*]

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Kalau ada *proposal* bagi kepada saya nanti, tidak payah dalam inilah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Sudahlah Bandar Kuching, tidak payahlah.

Tuan Chong Chieng Jen: Itulah semangat BN. Tidak sudi dengar daripada pembangkang sini.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: ... untuk kita sama-sama mencari jalan yang terbaik. Yang Berhormat gunalah setengah jam tadi dengan sepenuh-penuhnya. Ini berkelahi pula dengan Yang Berhormat bagi Sri Gading, buat apa. Itulah, tidak apa. Fasal kucing pula berkelahi buat apa?

Tuan Lim Hock Seng: Pasti ini Yang Berhormat boleh *handle* bagi peluang.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Yang Berhormat ini fakta penting Yang Berhormat. Saya ingin hendak memberitahu di sini, tadi Yang Berhormat telah memberitahu bahawa tangkapan ikan terjejas dan sebagainya.

Untuk makluman, pendaratan ikan di Sarawak tahun 2004, iaitu 186,113 metrik tan, dengan jumlah duitnya RM597 juta – RM600 jutalah.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, lebih kurang.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Dan import eksport ikan dari Sarawak adalah 23,525.2 metrik tan. Nilainya adalah RM112,198,559.37 sen. Import ikan iaitu kita import, kita terpaksa import ikan yang bagus-bagus yang kena curi sedikit sebanyak, dua minggu tidak pergi lagi banyak import lepas ini tengoklah, mesti tinggi lagi import. Sebab Yang Berhormatlah. Iaitu 8276.21 metrik tan dengan nilai RM39,895,332.07 sen. Siap sen sen. Jadi Tuan Yang di-Pertua, dengan ini adalah diharapkan industri laut dalam negara khususnya di Sarawak dapat dibangunkan demi untuk meningkatkan pengeluaran ikan selaras dengan hasrat kerajaan untuk mencapaiimbangan dagangan positif serta menjamin keperluan makanan negara mencukupi, terima kasih.

Tuan Lim Hock Seng: Ada lagi dua minit. Penjelasan boleh?

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Tidak boleh.

Tuan Lim Hock Seng: Lari? Haiya...

Tuan Yang di-Pertua: Hendak bagi penjelasan, boleh.

Tuan Lim Hock Seng: Boleh? Terima kasih. Saya menyahut cabaran Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, beliau kata beliau berjumpa pada 16hb Julai 2004 dan sehingga sekarang belum ada satu kaunter *proposal*. Tetapi saya ada sepucuk surat yang dikeluarkan oleh Sarawak Fishing Vessel Associations, dengan izin saya baca. *“On the 16 July 2004, Parliamentary Secretary Datuk Hajah Rohani had a dialog with all representatives of fisherman. On the 3rd August 2004, we had submitted our six point proposals and suggestions...”*

Tuan Chong Chieng Jen: Mana itu... [Tepuk]

Tuan Lim Hock Seng: *We demand to abolish the policy of charter vessel fishing....*

Tuan Chong Chieng Jen: Dalam tong sampah.... [Ketawa]

Tuan Lim Hock Seng: *We, Sarawak fishermen also return letters to present Prime Minister, ex-Prime Minister, present Agriculture Minister, ex-Agriculture Minister as well as all SUPP Party Leader. Up to today no reply at all entirely. It seems like a stone drowning in a deep sea”.* Ini bukan saya yang cerita. Ini adalah sepucuk surat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bagi Bagan.... ok, Yang Berhormat Batang Lupar jawab.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Yang Berhormat, hantar kepada semua, kepada sini kepada situ tetapi itu dalam dialog. Saya membawa dalam dialog dan selepas itu baru-baru ini, Jun ini kenapa dibangkitkan lagi. Ini bulan Jun 9hb dan 10hb kenapa tidak dibawa? Ini dibawa kepada Perdana Menteri, *ex-Minister, present Minister* tetapi masa bertemu *face to face* mengapa tidak bawa? Pegawai turun itulah tindakan kami Yang Berhormat. Itulah tindakan, daripada *counter proposal* pegawai turun.

Tuan Lim Hock Seng: Apa guna itu surat? [*Mengetuk-ngetuk meja*]

Datuk Hajah Rohani binti Haji Karim: Pegawai turun. Pegawai turun untuk mengatur. Untuk mengadakan satu dialog.

Tuan Lim Hock Seng: Ini surat kepada kementerian, apa guna?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Bukan, DAP batu api sahajalah. DAP batu api ,sengaja itu.

Tuan Lim Hock Seng : Hah.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Karim: *Counter proposal* diperbincangkan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:- DAP batu api, sengaja sahajalah mahu bikin ribut sanalah.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: 8hb dan 9hb Jun ini *counter proposal* bincanglah bersama. Ini tidak, bawa digembar-gemburkan dan dimasukkan dalam press. Ini sebenarnya memudaratkan tetapi Yang Berhormat jangan susah, kami di Kerajaan Barisan Nasional tidak semudah itu. Kami tidak semudah itu. Jadi kami sentiasa yb, mencari jalan untuk memperbaiki keadaan sebab kadang-kadang *counter proposal* tidak semualah terpaksa kita terima 100%, sebab itulah pegawai saya turun bersusah payah. Besok turun lagi di Tanjong Manis, jadi bolehlah Yang Berhormat balik ke Tanjong Manis besok. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup dalam perbahasan di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) dan yang demikian saya tutup perbahasan ini. Dan sekarang minta Yang Berhormat Menteri untuk membawa usul.

**USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT
DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 16(3)**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamad Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3) mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

KEKELIRUAN DASAR PENGAMBILAN PEKERJA ASING

17.36 ptg.

Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin membuat ucapan penangguhan berikutan wujud beberapa kekeliruan mengenai dasar pengambilan pekerja asing serta memerlukan ketegasan kerajaan bagi membanteras kemasukan pendatang asing khususnya menggunakan passport palsu dan sebagainya. Kes pemalsuan passport setelah seorang penjenayah India yang dibunuh kejam di negara kita baru-baru ini, membuka mata kerana selain gagal dikesan kemasukannya sebuah stesen TV swasta NTV7 dalam program 'Bertanya' pada 26 Mei lalu mempersoalkan kredibiliti Menteri yang bertanggungjawab apabila mengatakan jawapan Menteri berkenaan mengecewakan.

Membanteras kehadiran pendatang tanpa izin di negara ini berdasarkan langkah kerajaan tahun lalu khususnya tindakan menunda beberapa kali operasi menahan mereka banyak dipersoalkan seolah-olah kerajaan gagal bertindak tegas. Kedudukan ini menyebabkan pihak-pihak tertentu termasuk yang melindungi pendatang asing tidak takut dan memperlekehkan undang-undang dan peraturan negara ini.

'Operasi Tegas' banyak kelemahannya kerana selain acap kali mengubah tarikh akhir untuk mereka, operasi yang dijalankan selepas itu bagaikan melepaskan batuk di tangga dan tidak sekeras yang diperkatakan sebelumnya. Sekali lagi mereka yang

melindungi pendatang tanpa izin bebas daripada sebarang tindakan dan majikan yang menggunakan khidmat PATI tidak takut langsung dengan tindakan kerajaan. Kempen pengampunan gagal kerana hanya 382,000 orang pendatang asing tanpa izin kebanyakannya warga Indonesia pulang ke negara asal melalui program pengampunan dan hanya kira-kira 30,000 kembali ke Malaysia secara sah menggunakan 11 Pusat Sehenti yang diwujudkan di Indonesia. Sambutan dingin itu menyebabkan Pusat Sehenti ditutup.

Dasar baru yang membenarkan bekas pendatang asing tanpa izin mencari pekerjaan selepas kembali semula ke Malaysia menggunakan pas pelancong, asalkan cap jari mereka ada dalam rekod pihak berkuasa. Ketika menyertai program pengampunan sebelum ini juga mengelirukan. Kabinet dikatakan setuju dengan dasar ini kerana ia sejajar dengan arahan Kabinet sebelum ini yang mahu kementerian berbuat sesuatu untuk mengatasi kebimbangan kebanyakan sektor ekonomi yang terjejas akibat ketiadaan pekerja yang mencukupi berikutan pelaksanaan program pengampunan baru-baru ini.

Walau bagaimanapun, Timbalan Perdana Menteri yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kabinet mengenai pekerja asing menyatakan bahawa Jawatankuasa itu pun berbincang dan membuat sebarang tindakan mengenainya. Sementara Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri pula berkata keputusan terbaru kementerian itu tidak perlu lagi dibincangkan oleh Jawatankuasa Kabinet terbabit kerana status Kabinet lebih tinggi daripada Jawatankuasa Kabinet. Malah Menteri berkenaan berkata beliau tidak dapat menunggu sehingga mesyuarat Jawatankuasa Kabinet berkenaan kerana ia berjadual. Dan kalau lambat kerana menunggu masalah yang wujud kian membesar. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Pihak Menteri menjawab.

Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Larut di atas ucapan penanguhan beliau yang menyentuh perkara yang terletak di bawah bidang kuasa dan tanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Beberapa isu telah dibangkitkan berhubung dengan dasar pengambilan pekerja asing dan pendatang asing serta ketegasan kerajaan menangani kemasukan dan kehadiran mereka ke negara ini. Berhubung dengan isu pemalsuan pasport oleh penjenayah India yang dibunuh dengan kejam di negara kita yang dikatakan telah membuka mata orang ramai dan menurut Yang Berhormat Larut kenyataan stesen TV swasta (NTV7) telah mempersoalkan kredibiliti Menteri apabila jawapan yang diberikan dirasa tidak memuaskan.

Seksyen 5 Akta Imigresen 1959/63 memperuntukkan bahawa kemasukan warga asing ke negara ini haruslah melalui pintu-pintu masuk yang diwartakan. Namun demikian terdapat warga asing yang memasuki negara ini secara tidak sah atau haram dan tidak menggunakan dokumen perjalanan yang sah. Di dalam kes ini, isu pemalsuan pasport tidak timbul kerana subjek didapati memegang kad pekerja asing palsu yang bukan milik beliau. Memandangkan kes ini masih dalam siasatan pihak polis adalah wajar kes ini diserahkan kepada pihak polis sepenuhnya.

Yang Berhormat Larut juga telah menyentuh mengenai penundaan operasi menahan pendatang tanpa izin dan mempersoalkan seolah-olah kerajaan gagal bertindak tegas dalam membanteras kehadiran pendatang tanpa izin di negara ini sekali gus menyebabkan beberapa pihak termasuk yang melindungi pendatang tanpa izin tidak takut dan memperlekehkan undang-undang dan peraturan negara.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat pada awalnya kerajaan telah mengadakan program pengampunan bagi membolehkan pendatang tanpa izin yang berada di negara ini pulang ke negara asal secara sukarela tanpa dikenakan apa-apa tindakan undang-undang semasa menyambut perayaan Hari Raya Aidil Fitri. Program pengampunan ini telah bermula pada 29 Oktober hingga 14 November 2004 atas permintaan dari kerajaan-kerajaan negara asal pendatang tanpa izin tersebut terutamanya kerajaan Indonesia. Kerajaan Malaysia telah melanjutkan program tersebut sehingga 31 Disember 2004. Sebelum tamat tempoh penundaan yang kedua, bencana tsunami telah melanda beberapa negara Asia termasuk Malaysia dan Indonesia pada 26 Disember 2004. Kerajaan atas dasar kemanusiaan serta keprihatinan dan semangat kejiranan dan juga permohonan daripada kerajaan Indonesia, telah melanjutkan program pengampunan ini sehingga 31 Januari 2005.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Larut juga membangkitkan mengenai kelemahan-kelemahan dalam melaksanakan OPS Tegas sehingga menyebabkan majikan yang menggunakan khidmat pendatang tanpa izin tidak berasa takut dengan tindakan kerajaan apabila tarikh untuk menjalankan operasi tersebut sering kali berubah-ubah.

Tuan Yang di-Pertua, bermula pada 1 Februari 2005, kerajaan telah melancarkan OPS Nasihat iaitu menasihatkan pendatang tanpa izin yang masih berada di negara ini supaya pulang ke negara asal. Setelah tamatnya OPS Nasihat pada 28 Februari 2005 kerajaan telah melaksanakan OPS Tegas pada 1 Mac 2005 untuk menangkap pendatang tanpa izin yang masih berada di negara ini serta mereka yang menggaji dan melindungi pendatang tanpa izin tersebut. Sehingga 13 Jun 2005, seramai 7,557 orang pendatang tanpa izin telah diambil tindakan mahkamah, manakala sejumlah 108 majikan dan 39 pelindung juga telah diambil tindakan yang sama.

Tindakan-tindakan yang telah diambil oleh kerajaan dalam menangani masalah pendatang tanpa izin di negara ini telah dibuat secara berhemah dan teliti bagi memastikan hubungan baik dan sensitiviti kerajaan negara-negara asal pendatang tanpa izin.

Menyentuh mengenai kempen pengampunan, Yang Berhormat Larut menyatakan bahawa kempen ini telah dianggap sebagai satu pelan yang tidak berjaya kerana hanya seramai 382,000 pendatang tanpa izin yang pulang ke negara asal melalui program pengampunan dan hanya kira-kira 30,000 sahaja yang kembali ke Malaysia secara sah yang menggunakan 11 pusat sehenti yang diwujudkan di Indonesia. Sambutan dingin ini telah menyebabkan pusat sehenti tersebut ditutup.

Kerajaan berpendapat kegagalan hanya boleh diukur sekiranya kita mempunyai maklumat yang tepat mengenai bilangan sebenar pendatang tanpa izin di negara ini. Oleh yang demikian, pihak Kementerian berpendapat jumlah bilangan yang menyertai program pengampunan adalah satu bilangan yang munasabah. Jika diambil perkiraan, jumlah penguatkuasaan bagi penghantaran pulang pendatang tanpa izin setiap tahun secara puratanya adalah seramai 20,000 orang. Manakala jumlah pendatang tanpa izin yang pulang melalui program pengampunan adalah seramai 380,000 orang. Melalui

perbandingan ini maka jumlah itu merupakan satu kejayaan dalam menangani masalah pendatang tanpa izin.

Selain daripada itu, sekiranya penguatkuasaan dilaksanakan kerajaan terpaksa menanggung kos perjalanan, sara hidup pendatang tanpa izin sepanjang mereka berada di kem. Melalui program pengampunan kos-kos ini dapat dikurangkan kerana pendatang tanpa izin pulang secara sukarela dan segala perbelanjaan ditanggung sendiri oleh mereka.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Mei 2005 seramai 35,627 bekas pendatang tanpa izin telah masuk semula ke negara ini. Kebanyakan pusat sehenti iaitu di Balawan, Dumai, Tanjung Uban, Nunukan, Entipong, Jakarta, Surabaya, Mataram, Upang, Semarang, Pari-Pari dan Tawi-Tawi telah ditutup oleh sebab kurang mendapat sambutan.

Program untuk membawa balik pendatang tanpa izin yang telah menyertai program pengampunan telah dibincangkan beberapa kali di antara kedua-dua kerajaan, Indonesia dan Malaysia. Penubuhan 11 pusat sehenti juga telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Walau bagaimanapun semasa operasi dijalankan beberapa masalah birokrasi telah timbul dan masalah ini telah menghalang kelancaran kemasukan semula pendatang tanpa izin tersebut sebagai pekerja yang sah.

Berhubung dengan isu yang dibangkit mengenai kekeliruan terhadap dasar baru yang membenarkan pendatang tanpa izin mencari pekerjaan selepas kembali semula ke Malaysia menggunakan pas pelancong asalkan cap jari mereka direkod dalam rekod pihak berkuasa ketika menyertai program pengampunan tersebut sebelum ini. Dasar ini telah dipersetujui oleh Kabinet kerana ia sejajar dengan arahan sebelum itu untuk mengatasi kebimbangan kebanyakan sektor ekonomi yang terjejas akibat tindakan pekerja, ketiadaan pekerjaan akibat ketiadaan pekerja yang mencukupi berikutan pelaksanaan program pengampunan baru-baru ini.

Berhubung dengan percanggahan antara kenyataan Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dengan Yang Amat Timbalan Perdana Menteri selaku Pengerusi Jawatankuasa Kabinet mengenai pekerja asing, perkara tersebut telah diselesaikan. Pihak kerajaan telah bersetuju untuk membenarkan pemegang pas lawatan sosial daripada Indonesia yang masuk semula ke Malaysia setelah pulang

melalui program pengampunan dengan syarat mempunyai rekod serta cap jari di Jabatan Imigresen Malaysia. Pemegang-pemegang pas lawatan ini akan diberikan kelonggaran untuk kembali bekerja di Malaysia dengan syarat mereka diterima bekerja semula oleh majikan masing-masing dan majikan sendiri berurusan dengan pihak Imigresen.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan menyedari bahawa pelaksanaan dasar mengenai pengambilan pekerja asing masih perlu diperbaiki. Dan ini juga akan dibincang secara lebih terperinci di peringkat Kementerian dan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet mengenai pekerja asing yang akan bersidang dalam jangka masa terdekat.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Larut di atas keprihatinan beliau berkaitan isu yang telah dibangkitkan yang menyentuh tanggungjawab Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Segala teguran yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Larut akan diberi perhatian oleh pihak Kementerian. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tanjong.

KES ENCIK OOI CHENG EI

5.46 ptg.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tajuk Keadilan yang tertangguh adalah Keadilan Dinafikan. Pengadu Encik Ooi Ching Ee telah melaporkan satu kes penipuan harta benda yang berjumlah melebihi RM1 juta pada tahun 2003. Jelutong Report 4055/03 TL Investigation Paper 3596/03 tetapi hingga kini pihak Peguam Negara masih belum dapat membuat keputusan sama ada untuk mendakwa suspek atau tidak. Anehnya seawal 24 Julai 2004 Bahagian Hal Ehwal Undang-undang Jabatan Perdana Menteri telah memaklumkan kepada si pengadu bahawa Ketua Unit Pendakwaan Pulau Pinang telah memberi arahan untuk membuat pertuduhan di bawah Seksyen 471 Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 467 Kanun Keseksaan.

Walaupun begitu, mengikut jawapan kepada soalan saya di Dewan Rakyat, Jabatan Peguam Negara telah mengeluarkan arahan-arahan tertentu kepada pihak polis untuk siasatan lanjut. Kertas siasatan tersebut telah diterima kembali oleh Jabatan Peguam Negara daripada pihak polis pada 11 Mac tahun ini. Setelah dikaji Jabatan ini masih belum dapat menentukan sama ada suspek akan dituduh di bawah Seksyen 471 Kanun Keseksaan ataupun sebaliknya kerana beberapa dokumen penting masih belum lagi diperolehi daripada beberapa agensi tertentu. Kalau begitu mengapa keputusan sudah dibuat seawal Julai 2004 untuk mendakwa suspek? Apakah perkembangan terkini kes ini? Apakah pihak kerajaan akan mempercepatkan pengendalian kes ini? Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Pihak Perdana Menteri sila bagi jawapan.

5.48 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk M. Kayveas]: Tuan Yang di-Pertua, untuk memahami kes berkaitan Jelutong Report No. 4055/03, Timur Laut IP No. 3596/03, ini dengan lebih jelas fakta kes itu perlulah diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, kes ini melibatkan anggota satu keluarga dan dakwaan bahawa telah berlaku penipuan harta melalui pemalsuan wasiat. Pengadu Ooi Cheng Ee mendakwa adiknya Ooi Cheng Sim suspek telah memalsukan wasiat bapa mereka Mendiang Ooi Kok Chor dengan cara meniru tandatangan Mendiang dan tandatangan pengadu sendiri.

Terdapat dua wasiat dalam kes ini iaitu wasiat pertama bertarikh 13 Oktober 1997 yang telah difailkan di mahkamah dan wasiat kedua yang bertarikh 30 September 2001 yang didakwa sebagai palsu oleh pengadu.

Wasiat kedua itu tidak difailkan di mahkamah. Pengadu mendakwa wasiat kedua itu telah dipalsukan oleh adiknya Ooi Cheng Sim, suspek dalam kes ini dan pengadu juga mendakwa suspek telah memindahkan saham mendiang bapa mereka berjumlah RM4 juta ke dalam akaun suspek. Pada 29 Mei 2003, suspek telah memfailkan *caveat* ke atas harta pusaka mendiang bapanya atas sifat suspek sebagai wasi dan pemegang amanah berdasarkan wasiat bertarikh 30 September 2001.

Tuan Yang di-Pertua, butir-butir latar belakang wasiat mendiang adalah seperti berikut. Mendiang telah dimasukkan ke dalam hospital pada 31 September tahun 2001 dan telah berada dalam keadaan koma sehinggalah mendiang meninggal dunia pada 24 Oktober 2001. Tujuh bulan selepas kematian mendiang, pengadu dan adiknya telah pergi ke pejabat peguam di mana peguam telah membuka wasiat dari sampul yang bermeterai mahkamah di hadapan pengadu dan adik-adiknya, dan wasiat yang dibuka itu ialah wasiat pertama yang bertarikh 13 Oktober 1997 dan isi kandungan wasiat itu menunjukkan harta mendiang dibahagikan antara pengadu, adik-adiknya Ooi Li Na, Ooi Cheah Yun dan suspek. Ibu mereka Tan Ah Mooi dan anak pengadu.

Wasiat itu melantik pengadu dan suspek sebagai wasi dan pemegang amanah bagi harta pusaka mendiang. Pada hari yang sama, suspek telah menyerahkan wasiat kedua yang bertarikh 30 September tahun 2001 kepada peguam dan wasiat tersebut menunjukkan hanya suspek yang dilantik sebagai wasi dan pemegang amanah dan semua harta mendiang diserahkan kepada ibu mereka, Tan Ah Mooi dan di dalam wasiat itu, terdapat tandatangan pengadu sebagai saksi dan seorang lain, nama beliau Dr. Chan Hock Soon, juga sebagai saksi. Pengadu mendakwa dia tidak tahu tentang wasiat kedua itu dan bahawa tandatangan itu bukan tandatangannya. Dr. Chan memberitahu polis bahawa dia menyaksikan seorang lelaki yang mengakui dirinya Ooi Cheng Ee iaitu nama pengadu, menandatangani wasiat tersebut.

Tan Ah Mooi ibu pengadu dan suspek juga berada di situ. Dr. Chan menandatangani wasiat itu selepas lelaki yang mengakui dirinya Ooi Cheng Ee menandatangani wasiat itu. Dr. Chan memberitahu bahawa dia tidak melihat mendiang menandatangani wasiat dan dia tidak tahu akan kandungan wasiat itu. Semasa ditanya oleh polis, Dr. Chan memaklumkan bahawa dia sudah tidak ingat rupa orang lelaki yang mengakui dirinya Ooi Cheng Ee. Adik-adik pengadu Ooi Li Na dan Ooi Cheah Yun memaklumkan polis bahawa pada bulan Jun atau Julai, semasa mendiang masih hidup, pengadu telah bersetuju untuk tandatangan wasiat yang suspek menjadi wasi tunggal dan pemegang amanah dan pengadu telah menandatangani di hadapan mereka.

Tan Ah Mooi isteri mendiang dan ibu kepada pengadu dan suspek memaklumkan polis bahawa sebelum mendiang meninggal dunia, mendiang ada membuat wasiat baru pada bulan Jun atau Julai. Mendiang telah tandatangan wasiat itu

dan menyuruh pengadu tandatangan sebagai saksi dan semua anaknya yang lain ada menyaksikan perkara ini. Mengikut Tan Ah Mooi, mendiang memintanya mencari seorang saksi lain dan Tan Ah Moi telah menyimpan wasiat itu. Tan Ah Mooi juga menyatakan bahawa semasa mendiang sedang koma di hospital, dia iaitu Tan Ah Mooi dan pengadu telah pergi berjumpa Dr. Chan untuk meminta Dr. Chan menjadi saksi.

Tan Ah Mooi mengatakan bahawa dia telah menyimpan wasiat itu sehinggalah mendiang meninggal dunia. Suspek menyokong apa yang telah dikatakan oleh Ooi Li Na, Ooi Cheah Yun dan Tan Ah Mooi. Suspek menafikan bahawa dia ialah orang yang telah pergi bersama Tan Ah Mooi untuk berjumpa dengan Dr. Chan. Walau bagaimanapun, suspek mengaku telah memindahkan saham mendiang bapanya berjumlah RM4 juta ke dalam akaunnya tetapi menurut suspek, dia berbuat demikian atas izin bapanya yang telah menandatangani borang pemindahan saham tersebut. Ahli kimia telah mengesahkan bahawa tandatangan Ooi Cheng Ee pada wasiat kedua itu bukan tandatangan pengadu, tetapi tidak dapat membuat pengesahan terhadap tandatangan mendiang.

Keterangan pengadu yang mengatakan tandatangan pada wasiat kedua itu bukan tandatangannya dan laporan ahli kimia yang menyokong pengadu dalam hal itu serta keterangan Dr. Chan telah menyokong fakta bahawa wasiat itu palsu. Maka, berdasarkan keterangan itu, pada 12 Julai 2004, arahan telah dikeluarkan oleh Ketua Unit Pendakwaan Pulau Pinang untuk membuat pertuduhan terhadap suspek di bawah Seksyen 471 Kanun Keseksaan dibaca bersama Seksyen 467 Kanun Keseksaan. Polis telah pergi ke rumah suspek untuk menangkap suspek tetapi suspek tidak ada di rumah. Walau bagaimanapun, pada 22 Julai 2004, Ooi Li Na, Ooi Cheah Yun dan Tan Ah Mooi telah membuat laporan polis terhadap pengadu dan mendakwa pengadu telah menipu dan membuat laporan palsu terhadap suspek.

Pada 23 Julai 2004, suspek sendiri telah pergi ke balai polis dan membuat laporan polis terhadap pengadu, mendakwa pengadu telah menipu dan bahawa pengadu sendiri yang telah memalsukan wasiat. Suspek melaporkan rasa tidak puas hatinya terhadap tindakan polis datang untuk menangkapnya. Seterusnya suspek telah menulis kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Peguam Negara serta Ketua Bahagian Pendakwaan Jabatan Peguam Negara pada 24 Julai tahun 2004.

Suspek mengadu bahawa pengadu telah membuat laporan polis palsu terhadap dirinya dan memohon supaya kesnya disemak semula oleh pihak pendakwa raya kerana suspek mengatakan dia tidak melakukan kesalahan seperti yang didakwa.

Pada 25 Julai tahun 2004, Tan Ah Moi juga menulis kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Peguam Negara serta Ketua Bahagian Pendakwaan Jabatan Peguam Negara mengenai perkara yang sama. Berikutan dengan laporan polis yang dibuat oleh Ooi Li Na, Ooi Cheah Yun, Tan Ah Mooi dan suspek sendiri serta surat Tan Ah Mooi dan suspek, kertas siasatan tersebut telah dipanggil semula oleh Jabatan Peguam Negara Putrajaya untuk dikaji semula. Pada 10 November tahun 2004, Jabatan Peguam Negara Putrajaya menerima representasi secara bertulis yang dibuat oleh Tan Ah Mooi memohon agar Bahagian Pendakwaan mengkaji semula kes ke atas suspek dan Tan Ah Mooi juga mendakwa bahawa pengadu telah membuat satu laporan palsu ke atas dirinya, juga iaitu *Jelutong report number 6033/04*.

Pada 11 Januari 2005, Jabatan Peguam Negara telah mengeluarkan arahan-arahan tertentu kepada polis untuk siasatan lanjut. Jabatan Peguam Negara mengarahkan polis supaya mendapatkan dokumen pembinaan saham dan juga dokumen lain yang menjadi penting dalam kes ini. Polis telah mengembalikan kertas siasatan pada 11 Mac 2005, dan memaklumkan bahawa dokumen pemindahan saham yang mengandungi tandatangan mendiang yang menjadi isu pemalsuan masih belum diperolehi daripada *Malaysian Central Depository Sdn. Bhd (MCDS)* dengan izin untuk dibuat bandingan oleh pakar tulisan di Jabatan Kimia Malaysia. Jabatan Peguam Negara masih belum dapat menentukan sama ada suspek akan dituduh atau sebaliknya di bawah Seksyen 471 Kanun Keseksaan dibaca bersama-sama Seksyen 476 kanun yang sama, tanpa mendapat dokumen penting yang berkenaan.

Memandangkan dokumen itu adalah hal perkara penting, maka keterangan daripada pegawai-pegawai daripada agensi tersebut, MCDS haruslah diambil bagi mendapatkan dokumen berkenaan. Polis telah pun menghubungi pegawai-pegawai daripada pihak MCDS dan telah dimaklumkan oleh pihak berkenaan, bahawa mereka masih lagi sedang berusaha untuk mendapatkan dokumen berkenaan. Kelewatan ini bukanlah disengajakan, tetapi melibatkan dokumen tahun 2001 dan kini disimpan di dalam stor bersama-sama dengan banyak dokumen lain. Sebaik sahaja dokumen itu

diterima, Bahagian Pendakwaan Jabatan Peguam Negara akan meminta pihak polis mengemukakan dokumen tersebut kepada jabatan kimia dengan segera bagi membuat perbandingan dengan dokumen wasiat yang pernah ditandatangani oleh mendiang.

Setelah dokumen berkenaan dihantar ke jabatan kimia, Jabatan Peguam Negara akan meminta bantuan daripada jabatan tersebut bagi mempercepatkan penyerahan keputusan perbandingan serta laporan yang bakal dibuat oleh mereka. Dokumen serta laporan ini amat penting kerana ia akan mempengaruhi keputusan sama ada untuk meneruskan pertuduhan terhadap suspek atau tidak. Jabatan Peguam Negara akan hanya memaklumkan keputusan sama ada untuk mendakwa suspek atau tidak kepada pihak pengadu setelah semua dokumen dan hasil siasatan lanjut telah diperolehi. Oleh yang demikian, demi keadilan kepada semua pihak yang terlibat, maka Jabatan Peguam Negara memberi jaminan akan meminta jabatan-jabatan yang terlibat seperti yang dinyatakan di atas, mempercepatkan tindakan serta siasatan atas perkara-perkara baru yang timbul ini. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga jam 10.00 bagi esok, 23 Jun tahun 2005.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.00 petang.